

قُلْ بِوْحَدَةٍ

PETIKAN TITAH

"PERKHIDMATAN Awam adalah nadi utama yang menentukan kemajuan dan keutuhan sesebuah negara".
- Titah Sempena Hari Perkhidmatan Awam Ke-24, Tahun 1439 Hijrah / 2017 Masihi.



**Pelita
BRUNEI**

Membudayakan Masyarakat Bermaklumat

Hujung Minggu

قُلْ بِوْحَدَةٍ

Waktu Sembahyang

IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
4.45	4.55	6.19	6.43	12.15	3.37	6.09	7.24

TAHUN 65 / BILANGAN 149

12 DISEMBER 2020 / 1442 هـ 26

JABATAN PENERANGAN

Daerah Belait ditambah 3 Minit

dan Daerah Tutong ditambah 1 Minit

EDISI SABTU / PERCUMA

"YA Allah, hanya Engkau jua tempat kami berlindung, maka lindungilah kami, dari bahaya COVID-19, dari serangan dan jangkitannya. Jika wabak ini bersebab dari dosa-dosa manusia, maka Engkau ampunkanlah. Sesungguhnya, hanya Engkau jua Yang Maha Berhak untuk memberikan pengampunan. Aamiin Ya Rabbal Alamiin".

- Titah Perutusan Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Berkenaan Jangkitan Wabak COVID-19 pada Isnin, 19 Syaaban 1441 Hijrah / 13 April 2020 Masihi di Istana Nurul Iman.

STATISTIK TERKINI COVID-19 NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Maklumat setakat 11 DISEMBER 2020, 12.00 tengah hari

JUMLAH KES JANGKITAN

152

JUMLAH KEMATIAN

3

JUMLAH KES YANG SEMBUH

147

www.moh.gov.bn

MINISTRY OF HEALTH, BRUNEI DARUSSALAM

MOHBRUNEI

TALIAN NASIHAT COVID-19 148

Kebawah DYMM berkenan menerima mengadap



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima mengadap Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Demokratik Timor-Leste ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Marcal Avelino Ximenes yang akan menamatkan perkhidmatan. - Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said (Lihat muka 3).

NBD jalin hubungan diplomatik dengan Rwanda

Siaran Akhbar : Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 10 Disember. - Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam menjalin hubungan diplomatik dengan Kerajaan Republik Rwanda mulai 9 Disember 2020.

Majlis Menandatangani Kenyataan Bersama penjalinan hubungan diplomatik diadakan di Pejabat Perwakilan Tetap Negara Brunei Darussalam (NBD) ke Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu

(PBB), New York.

Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam diwakili oleh Wakil Tetap NBD ke PBB, New York, Puan Yang Terutama Hajah Noor Qamar binti Haji Sulaiman, sementara itu, Kerajaan Republik Rwanda diwakili oleh Wakil Tetap Republik Rwanda ke PBB, New York, Puan Yang Terutama Valentine Rugwabiza.

مانیسش ایمان

MANISNYA IMAN

"...DAN sesiapa yang melakukan kezaliman daripada kalangan kamu nescaya Kami akan merasakan kepadanya azab yang besar".

- Firman Allah Subhanahu Wata'alai dalam Surah Al-Furqan, ayat 19.



BRUNEI DARUSSALAM
2021

IKUTI KAMI DI



APLIKASI MUDAH ALIH

InfoDeptBN

Jabatan Penerangan Jabatan Perdana Menteri Brunei Darussalam

infodept.bn

infodept_bn

Berita Utama



TRANSFORMASI 1K1P
dalam ketersediaan
pasaran

Muka 4



MEMASTIKAN akses
tenaga yang
mampan, moden

Muka 26

Pastikan pelan selaras dengan undang-undang dari segi prinsip, pelaksanaan

Bismillahir Rahmanir Rahim
Assalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh

ALHAMDULILLAH, bersyukur kita ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala, kerana dengan taufik dan izin-Nya jua kita sama-sama dapat hadir pada pagi ini bagi Seminar Perundangan anjuran dan kelolaan Jabatan Perdana Menteri yang diadakan dengan kerjasama dari pihak Pejabat Peguam Negara.

Sebelum Seminar Perundangan ini dimulakan, izinkan peramba / saya memberikan sepatah dua kata agar dapat menyampaikan tujuan atau hasrat bagi mengadakan Seminar Perundangan ini.

Dalam memulakan ucapan khas ini, peramba / saya ingin terlebih dahulu merista titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Sambutan Hari Perkhidmatan Awam Kali Ke-26 (yang telah berlangsung pada 15 Rabiulawal 1441 bersamaan 12 November 2019), di mana baginda telah bertitah :

"Jika Perkhidmatan Awam lemah melaksanakan keadilan, maka kepentingan rakyat pasti terjejas. Kerana itulah undang-undang digubal, untuk dilaksanakan".

Sebagai menjunjung titah baginda itu, warga Perkhidmatan Awam hendaklah memastikan bahawa setiap tugas dan tanggungjawab yang telah diamanahkan adalah dijalankan dengan teliti tanpa dilengah-lengahkan, antara lainnya juga termasuk mempertimbangkan mana-mana legal implication ke atas keputusan yang dibuat dalam menjalankan tugas.

Dalam merangka dan melaksanakan pelan-pelan strategik juga, adalah wajar bagi kesemua kementerian dan agensi kerajaan untuk sentiasa diperingkatkan bagi mengetengahkan hal-hal perundangan iaitu dengan memastikan bahawa mana-mana pelan adalah selaras dengan undang-undang dari segi prinsip dan juga pelaksanaannya dan bagi memastikan undang-undang yang ada dapat menangani isu-isu yang ada. Tidak syak bahawa ini akan dapat dijayakan jika sekiranya setiap kementerian mempunyai warga perkhidmatan yang mempunyai pengalaman dan pengetahuan dalam hal undang-undang walaupun tidak ke tahap pakar.



MENTERI di Jabatan Perdana Menteri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Mokti bin Haji Mohd. Daud semasa berucap pada Majlis Pembukaan Seminar Perundangan 1442H / 2020M pada Khamis, 3 Rabiulakhir 1442 Hijrah bersamaan 19 November 2020 Masihi di Dewan Bankuet, Bangunan Jabatan Perdana Menteri.

Pada pendapat peramba / saya, kepentingan pengetahuan, kemahiran dan competency dalam perkara-perkara perundangan adalah lebih-lebih lagi nyata dalam kemunculannya 4th Industrial Revolution dan Digital Economy di mana dunia pada masa ini semakin kompleks dan bergerak dengan seberapa pantas, maka adalah penting bagi seminar-seminar semacam ini diadakan untuk memastikan pegawai-pegawai kerajaan akan dapat memanfaatkan sepenuh-penuhnya trend perkembangan semasa ke arah mencapai Wawasan Brunei 2035.

Dalam pada itu, usaha yang sedang berjalan bagi menempatkan pegawai-

pegawai perundangan di beberapa Kementerian telah sedikit sebanyak berjaya membantu pihak kementerian menangani isu-isu perundangan yang dihadapi sehari-hari.

Namun, selaras dengan menanai, menunaikan atau mempraktikkan Whole of Government Approach, maka antara hasrat utama Seminar Perundangan ini adalah bagi menyediakan wadah untuk melahirkan warga Perkhidmatan Awam yang 'celik undang-undang' dan mempunyai pemahaman asas mengenai undang-undang secara umum serta undang-undang yang berada di bawah kawal selia kementerian atau jabatan masing-masing. Ini adalah dengan harapan agar setiap kementerian mempunyai keupayaan perundangan tersendiri pada masa yang terdekat.

Tambahan pada itu, adalah diharapkan juga dengan adanya Seminar Perundangan ini ianya akan dapat dijadikan kaedah bagi menjalin kerjasama atau working relationship yang lebih erat di antara kesemua warga Perkhidmatan Awam berkaitan dengan perihal perundangan. Dalam masa yang sama untuk menjana pemikiran dan sikap peserta yang telah 'celik undang-undang' dapat membezakan dan merasakan mana-mana undang-undang itu yang masih relevant dan yang telah obsolete dan dengan demikian akan bertindak menggantikannya atau mengubahsuainya.

Pada menutup, peramba / saya berharap para warga Perkhidmatan Awam yang berkesudian menyertai Seminar Perundangan ini akan dapat memanfaatkan kesemua ilmu pengetahuan yang disampaikan ke arah memastikan kedaulatan undang-undang negara sentiasa dijaga selaras juga pada mencapai Wawasan Brunei 2035.

Sekian. Wabillahit Taufik Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

"JIKA Perkhidmatan Awam lemah melaksanakan keadilan, maka kepentingan rakyat pasti terjejas. Kerana itulah undang-undang digubal, untuk dilaksanakan".

Dari Sidang Pengarang.

26 ربیع الآخر 1442 BERSAMAAN 12 DISEMBER 2020

PERKASA GOLONGAN OKU

GOLONGAN Orang Kelainan Upaya (OKU) tidak seperti insan biasa akan tetapi mereka mempunyai hak untuk menjalani kehidupan ini seperti orang lain dan dengan bantuan masyarakat di sekeliling sekali gus akan dapat mewujudkan perasaan kasih dan sayang terhadap insan-insan istimewa ini.

Di Negara Brunei Darussalam, keprihatinan pihak Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam terus aktif mementingkan pelaksanaan aktiviti-aktiviti dalam meningkatkan kesejahteraan dan kualiti hidup rakyat serta penduduk di negara ini khususnya dalam menghulurkan bantuan kebijakan kepada golongan OKU menerusi agensi-agensinya.

Dalam menyambut Hari Antarabangsa OKU (HAOKU) pada tahun ini, Negara Brunei Darussalam (NBD) juga ingin menggalakkan usaha berterusan dalam meraikan dan memperkasa golongan OKU juga menyeru penglibatan masyarakat dalam membina sistem sokongan kepada golongan OKU.

Sambutan ini bertujuan untuk meningkatkan kesedaran orang ramai, meraikan pencapaian dan sumbangan golongan OKU di dalam masyarakat, di seluruh dunia.

Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejah Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Muluk Dato Seri Paduka Haji Abidin berucap demikian semasa menyampaikan perutusan sempena HAOKU 2020 yang bertemakan Not All Disabilities are Visible' baru-baru ini.

Tema ini, ujar Yang Berhormat, mengetengahkan pemahaman mengenai jenis kecacatan yang bersifat bukan fizikal dan tidak dapat dikenali dengan mata kasar, seperti kecacatan intelek, mental dan pendengaran.

Selain itu, antara isu kritikal yang dikenal pasti dalam pembangunan golongan OKU adalah pengupayaan golongan OKU untuk hidup secara berdikari dengan sokongan masyarakat dari segi dasar, infrastruktur dan moral.

Perkembangan golongan OKU yang berkhidmat dalam sektor kerajaan dan sektor swasta adalah diberikan tumpuan. Melalui kajian selidik secara berfasa yang dilaksanakan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, didapati lebih 130 OKU yang sedang bekerja.

Manakala maklumat dikumpulkan oleh Sekretariat Tetap Manpower Planning and Employment Council (MPEC) juga mengenal pasti lebih 480 OKU yang boleh bekerja dan ini jelas menunjukkan perlunya pengiktirafan lebih besar terhadap golongan OKU sebagai anggota masyarakat yang dihargai, dapat menyumbang ke arah pembangunan negara.

Dalam hal ini, terang Yang Berhormat, NBD melalui Pendekatan secara Senegara (Whole of Nation) akan terus berusaha untuk meningkatkan lagi keberkesanan program yang akan memperkuatkan kebolehkerjaan dan kebolehpasaran bagi golongan OKU.

Sehubungan itu, strategi-strategi pelaksanaan dan pengukuhan mekanisme-mekanisme amat memerlukan penyertaan aktif golongan OKU secara berkesan dalam proses meningkatkan kualiti kehidupan OKU juga sama-sama melipatgandakan usaha bagi mencapai matlamat pembangunan masyarakat yang mampan.

Oleh yang demikian, marilah kita mengambil peluang untuk mengukuhkan semangat agar sama-sama berganding bahu membantu memperkasa dan meningkatkan kualiti hidup golongan OKU bagi menyumbang kepada pembangunan masyarakat.

- Ketua Penyuntingan (Hs)

RAMALAN CUACA 3 HARI		
SABTU	AHAD	ISNIN
BANDAR SERI BEGAWAN		
32 °C	31 °C	30 °C
25 °C	25 °C	24 °C
PEKAN BANGAR		
32 °C	31 °C	30 °C
25 °C	25 °C	24 °C
PEKAN TUTONG		
31 °C	31 °C	30 °C
25 °C	25 °C	24 °C
KUALA BELAIT		
31 °C	31 °C	30 °C
25 °C	25 °C	24 °C

WAKTU SEMBAHYANG										
firman Allah Ta'ala dalam Surah Al-Ankabut, ayat 45, bermaksud: "...dan dirikanlah sembahyang sesungguhnya sembahyang itu mencegah daripada fasy' dan mungkar."										
Masihi DISEMBER	HARI	Hijrah RABIULAKHIR	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
12	SABTU	26	4.45	4.55	6.19	6.43	12.15	3.37	6.09	7.24
13	AHAD	27	4.46	4.56	6.19	6.43	12.15	3.37	6.10	7.24
14	ISNIN	28	4.46	4.56	6.20	6.44	12.16	3.38	6.10	7.25
15	SELASA	29	4.47	4.57	6.20	6.44	12.16	3.38	6.11	7.25
16	RABU	1 JAMADILAWAL	4.47	4.57	6.21	6.45	12.17	3.39	6.11	7.26
17	KHAMIS	2	4.48	4.58	6.21	6.45	12.17	3.39	6.12	7.26
18	JUMAAT	3	4.48	4.58	6.22	6.46	12.18	3.40	6.12	7.27

Daerah Brunei Muara & Temburong. Peringatan: Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

Kebawah DYMM berkenan menerima mengadap



Siaran Akbar : Jabatan Perdana Menteri
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 9 Disember. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, petang tadi berkenan menerima mengadap Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Demokratik Timor-Leste ke Negara Brunei Darussalam, Mrs. Cristiana Gloria.

Majlis Mengadap tersebut berlangsung di Istana Nurul Iman.

Tuan Yang Terutama telah menyembahkan Surat Tauliah Pelantikan ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada 15 Februari 2017.

Turut hadir ialah Timbalan Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Demokratik Timor-Leste ke Negara Brunei Darussalam, Mrs. Cristiana Gloria.

Majlis Mengadap tersebut berlangsung di Istana Nurul Iman.

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima mengadap Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Demokratik Timor-Leste ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Marcal Avelino Ximenes yang akan menamatkan perkhidmatan di Istana Nurul Iman.

COVID-19 : 111 ujian dilaksanakan

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 11 Disember. - Negara Brunei Darussalam (NBD), alhamdulillah terus mencatatkan sifar kes baharu COVID-19, setakat jam 12.00 tengah, hari ini.

Ini menjadikan jumlah keseluruhan kes COVID-19, di negara ini, masih kekal sebanyak 152 kes.

Dalam Siaran Akbar Kementerian Kesihatan memaklumkan, setakat ini, NBD mencatatkan 219 hari kes sifar, iaitu bagi kes terakhir jangkitan tempatan COVID-19 sejak laporan terakhir dicatatkan, pada 6 Mei lalu.

Dalam pada itu, setakat ini, sebanyak 11 kes import dicatatkan, iaitu sejak kes terakhir jangkitan tempatan berkenaan dilaporkan.

Menurut Kementerian Kesihatan, dua kes aktif dicatat mendapatkan rawatan di Pusat Pengasingan Kebangsaan ketika ini, di mana ia menjadikan jumlah keseluruhan kes yang sembuh setakat ini, seramai 147 orang.

Kementerian Kesihatan turut memaklumkan mengenai Situasi Terkini Jangkitan COVID-19 di NBD, di mana seramai 676 orang sedang menjalani pengasingan diri mandatori, sementara seramai 9,153 orang menamatkan pengasingan diri mandatori sejak Mac 2020.

Seterusnya, dalam tempoh 24 jam lalu, sebanyak 111 sampel ujian virus SARS-CoV-2 dilaksanakan dan ini membawa

Siaran Akbar dan Infografik :
Kementerian Kesihatan

Jumlah keseluruhan ujian ramai boleh melayari Laman makmal dijalankan sejak Sesawang Kementerian Kesihatan, Januari 2020 ialah sebanyak iaitu www.moh.gov.bn atau menghubungi Talian Nasihat Kesihatan 148 atau melalui aplikasi BruHealth.

Ringkasan Kes

Kes Baru Hari Ini	Jumlah Keseluruhan Kes		
0	152		
Kes Sembuh Hari Ini	Kes Aktif	Kematian	Sembuh
0	2	3	147

Kes terakhir jangkitan tempatan COVID-19	Jumlah kes import sejaq kes jangkitan tempatan terakhir dilaporkan
Dilaporkan pada 6 Mei 2020 (219 hari yang lalu)	11 Kes

Ringkasan Pengasingan Diri

Jumlah yang sedang menjalani Pengasingan Diri Mandatori	Jumlah yang telah menamatkan Pengasingan Diri Mandatori (sejak Mac 2020)
676	9,153

Ringkasan Ujian Virus SARS-CoV-2

Jumlah Ujian yang dilaksanakan dalam tempoh 24 jam	Jumlah keseluruhan ujian makmal dijalankan (sejak Januari 2020)
111 sampel	78,966

Terus aktif, tidak jemu kongsi kemahiran, buah fikiran beras



Oleh : Dk. Siti Redzaimi
Pg. Haji Ahmad
Foto : Muhammad Asri
Haji Awang Abas

kepada mereka yang sudah berpencen dan masih ingin ikut serta menghulurkan bantuan.

Sukarelawan yang berdaftar bukan sahaja dapat menyumbang atas nama projek dan aktiviti kelolaan, akan tetapi para sukarelawan ini juga secara langsung akan dapat menyumbang tenaga dan buah fikiran, malah bersama-sama YSHHB menyantuni golongan sasar, di Negara Brunei Darussalam yang kitani sama-sama cintai.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Mokti bin Haji Mohd. Daud selaku Ahli Lembaga Pengarah YSHHB dan Pengurus Jawatankuasa Meneliti Bantuan-Bantuan YSHHB semasa berucap pada majlis tersebut.

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 11 Disember. - Sukarelawan Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB) di bawah Perkhidmatan Kebajikan dan Pembangunan Sosial YSHHB dari setahun ke setahun semakin berkembang dan berjaya menarik minat masyarakat di negara ini, terutamanya para belia di pelbagai peringkat umur, iaitu mereka yang masih menjalani pengajian, khususnya di Institusi Pengajian Tinggi, mereka yang sudah bekerja, termasuk para profesional hingga membawa

Yang Berhormat, seterusnya menyatakan, sesuai dengan Rancangan Pelan Strategik YSHHB bagi tempoh 2020-2025, aktiviti dan projek kelolaan YSHHB akan terus menjurus pada visi Masyarakat Mandiri.

Ke muka 9

Transformasi 1K1P dalam ketersediaan pasaran

Berita dan Foto : Hernie Suliana Haji Othman

TEMBURONG, Khamis, 10 Disember. - Majlis Pelancaran Produk Klasik dan Premium Satu Produk Satu Kampung (1K1P) merupakan hasil usaha dan inisiatif Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN) dengan kerjasama Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD) bagi menyediakan satu program latihan yang khusus kepada usahawan-usahawan di bawah Program 1K1P setelah menjalani beberapa fasa.

Program Transformasi 1K1P kini memasuki Fasa IV, iaitu Pameran Produk Klasik dan Premium 1K1P dengan

memperkenalkan dua jenis produk, iaitu Produk Klasik 1K1P dan Produk Premium 1K1P dalam pasaran.

Perkara tersebut dinyatakan oleh Timbalan Setiausaha Tetap (Bandaran dan Daerah) KHEDN, Awang Abdul Walid bin Haji Matassan pada Majlis Pelancaran Produk Klasik dan Premium 1K1P yang berlangsung di BIBD Heritage Branch, Pekan Bangar, di sini.

Produk Klasik 1K1P, katanya, adalah produk-produk asal (*original*) usahawan 1K1P yang dibuat penambahbaikan termasuklah dari segi rasa, warna



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri semasa melancarkan Produk Klasik dan Premium Satu Kampung Satu Produk (1K1P).

dan reka bentuk mengikut permintaan semasa, dengan konsep Grab and Go yang menggunakan pembungkusan yang mesra pengguna untuk pembelian harian (*daily use*) dan jualan yang cepat (*fast sale*) dalam pasaran.

Manakala Produk Premium 1K1P adalah produk yang melebihi tahap produk klasik termasuklah dari segi keunikan cita rasa, warna produk yang lebih berprestij dan penggunaan pembungkusan produk yang lebih berkualiti serta memenuhi persijilan dan piawaian untuk pasaran antarabangsa. Ia disasarkan untuk dijadikan sebagai cenderamata korporat dan dijual di *outlet* yang dikhaskan sahaja.

"Oleh itu, KHEDN telah merangka satu ekosistem pengeluaran dan pemprosesan Produk Klasik dan Premium 1K1P dalam memastikan ketersediaan produk-produk (*products availability*) tersebut di pasaran dalam tempoh terdekat di samping menjamin kualiti produk yang konsisten dan penggunaan pembungkusan yang menarik perhatian bakal-bakal pembeli," tambahnya.

Ekosistem tersebut melibatkan kerjasama dengan rakan-rakan strategik KHEDN termasuklah Government Link Companies (GLCs) sebagai pusat pengeluaran Produk Klasik dan Premium 1K1P berskala besar yang mempunyai tenaga pekerja yang mahir, kelengkapan yang berteknologi tinggi dan mempunyai persijilan, seperti



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri meninjau salah satu produk 1K1P yang turut dipamerkan pada majlis tersebut.

Halal dan HACCPA, bagi memenuhi keperluan dan piawaian tempatan serta untuk tujuan eksport.

Manakala pihak swasta pula adalah syarikat yang akan menyelaraskan pembungkusan dan pengedaran Produk Klasik dan Premium 1K1P dalam pasaran peringkat domestik dan antarabangsa.

"Ekosistem pengeluaran dan pemprosesan ini adalah bersesuaian dengan konsep Whole Of Nation Approach dengan penglibatan pihak KHEDN selaku agensi kerajaan, BIBD selaku Institusi Kewangan Islam yang utama, GLCs dan pihak swasta dalam sama-sama berkolaborasi menjayakan Program Transformasi 1K1P,"

jelasnya.

Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyempurnakan pelancaran ialah Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong.

Turut hadir, Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara, Setiausaha-setiausaha Tetap dan Timbalan Setiausaha Tetap KHEDN, Pengarah Urusan dan Ketua Pegawai Eksekutif BIBD, Mubashar Khokhar; Pegawai-pegawai Daerah dan Pemangku Pegawai Daerah, Pegawai-pegawai Kanan BIBD serta Penghulu-penghulu Mukim dan Ketua-ketua Kampung Daerah Temburong.

Pusat Kesihatan Pengkalan Batu terima akreditasi JCI kali kedua



YANG Berhormat Menteri Kesihatan semasa berucap pada majlis tersebut.

PENGKALAN BATU, Khamis, 10 Disember. - Joint Commission International (JCI) adalah sebuah organisasi berprestij dunia yang memberi pengiktirafan akreditasi kepada fasiliti-fasiliti kesihatan antarabangsa yang mengutamakan keselamatan pesakit dan

memberikan penjagaan kesihatan yang berkualiti tinggi.

Akreditasi JCI pula adalah merupakan Gold Standard bagi fasiliti-fasiliti kesihatan, di mana dengan memperoleh pengiktirafan tersebut bermakna sesebuah institusi berjaya menjalani proses penilaian yang ketat dan menepati piawaian prestasi serta memenuhi kriteria kelayakan yang tinggi berhubung dengan keselamatan dan kualiti rawatan.

Di samping itu, ia juga menandakan dedikasi sesebuah institusi untuk meningkatkan kualiti dan keselamatan penjagaan kesihatan.

Perkara tersebut digariskan oleh Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Md. Isham bin Haji Jaafar pada Majlis Kesyukuran Pengiktirafan Akreditasi Semula

JCI bagi Pusat Kesihatan Pengkalan Batu Tahun 2020 yang bertempat di pusat kesihatan berkenaan.

Dengan menjalani penilaian Akreditasi JCI ini juga, jelas Yang Berhormat, ia dihasilkan untuk memupuk budaya keselamatan dan kualiti di pusat-pusat penjagaan asasi serta memberikan jaminan bahawa piawaian, proses-proses serta latihan yang digunakan adalah di tahap penanda aras (benchmark) yang tertinggi di peringkat antarabangsa.

Dalam proses pencapaian Akreditasi JCI, Yang Berhormat difahamkan terdapat sebanyak 158 piawaian yang perlu dipatuhi yang menyeluruh dan meliputi semua aspek perkhidmatan kesihatan.

Menurut Yang Berhormat, ini termasuk keselamatan pesakit, penglibatan dengan masyarakat, prosedur klinikal, hasil klinikal pesakit, penggunaan dan pengurusan ubat, pencegahan dan kawalan jangkitan, penambahbaikan kualiti, pendidikan dan kompetensi kakitangan, serta keselamatan dan pengurusan fasiliti kesihatan.

"Semua aspek ini telah pun dinilai oleh JCI dan alhamdulillah, pusat kesihatan ini telah berjaya menepati keperluan piawaian yang diperlukan."

"Pencapaian Akreditasi JCI ini

jugalah selaras dengan misi Kementerian Kesihatan, iaitu untuk memberikan sistem penjagaan kesihatan yang berkualiti tinggi, komprehensif, efektif, efisien, responsif, saksama dan mudah diperoleh oleh semua di negara ini," kata Yang Berhormat.

Alhamdulillah, tambah Yang Berhormat, pada tahun 2017, Pusat Kesihatan Pengkalan Batu telah diberikan pengiktirafan akreditasi daripada JCI, di mana, ia juga telah menjadikan Pusat Kesihatan

Ke muka 11



YANG Berhormat Menteri Kesihatan menyerahkan Sijil Akreditasi JCI Tahun 2020 bagi Pusat Kesihatan Pengkalan Batu.



ANTARA yang hadir pada majlis berkenaan.

Pelancaran Cawangan BIBD baharu di Daerah Temburong



Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmad
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi

TEMBURONG, Rabu, 9 Disember. - Usaha pembangunan projek-projek di Daerah Temburong yang memberi tambahan infrastruktur yang baharu dan menarik, akan terus menyumbang kepada menjana peluang-peluang pekerjaan serta peluang-peluang perniagaan kepada penduduk tempatan, khususnya golongan belia, di daerah berkenaan.

InsyaaAllah, pada masa yang sama, kita akan memastikan projek-projek yang dijalankan hendaklah dilaksanakan dengan *mindset* yang mengutamakan

pemeliharaan keunikan alam kehijauan Daerah Temburong agar daerah ini akan kekal menjadi Permata Hijau Negara Brunei Darussalam.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah yang juga Pengurusi BIBD berucap sedemikian pada Majlis Pembukaan Semula Cawangan BIBD Temburong sebagai Cawangan Warisan malam tadi. Majlis diadakan di Kompleks Utama Bumiputera

Temburong, di sini.

Yang Berhormat juga menjelaskan, bagi mencapai hasrat ini, kerjasama antara setiap lapisan masyarakat, sama ada individu, agensi kerajaan, pihak swasta, pengusaha dan golongan belia, adalah faktor kejayaan utama untuk merealisasikan peluang-peluang perniagaan, pekerjaan dan perekonomian ini.

Terdahulu, Yang Berhormat menyatakan pembinaan Jambatan Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien telah memudahkan perhubungan, perjalanan orang dan pergerakan barang di antara Daerah Brunei dan Muara dan Daerah Temburong dan dengan itu mampu meningkatkan kualiti hidup di kedua-dua daerah.

"Pembinaannya merupakan satu *game-changer* dalam pembangunan dan kemajuan Daerah Temburong dan setakat ini, kita dapat melihat pelbagai projek pembangunan dan pembiasaan di Daerah Temburong. Antaranya adalah projek infrastruktur di ruang lebar Kompleks Bumiputera Pekan Bangar, kawasan Dermaga Pekan Bangar, jalan raya, kawasan letak kereta dan sebagainya," terang Yang Berhormat.

Di sebalik pembangunan tersebut, Yang Berhormat menekankan bahawa Autoriti Kemajuan Daerah Temburong (AKDT) telah memainkan peranan penting dalam merancang, memantau dan memberi panduan kepada projek-projek pembangunan di daerah ini yang akan dapat memudah cara dan meningkatkan pelaburan dan insyaaAllah, dapat menghasilkan beberapa *spin-off activities* yang boleh membantu Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) dan juga menjana peluang-peluang pekerjaan baru.

Tambah Yang Berhormat, pembukaan semula Cawangan Warisan ini merupakan salah satu inisiatif Community Outreach pihak BIBD dalam mengukuhkan hubungan bersama masyarakat tempatan.

Jelas Yang Berhormat, ia melambangkan komitmen BIBD kepada masyarakat setempat dalam memastikan setiap lapisan penduduk dapat mengakses perkhidmatan - perkhidmatan perbankan yang ditawarkan oleh BIBD dan anak-anak syarikatnya.

"Acara kita pada malam ini melambangkan peranan dan dedikasi BIBD sebagai 'Rakan Kemajuan' atau 'Partner in Progress', yang sentiasa komited dalam memberi sokongan kepada usaha negara dalam



YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II; Yang Berhormat Menteri di JPM; Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri; Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan serta Yang Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara semasa merasmikan Pembukaan Semula Cawangan BIBD Temburong sebagai Cawangan Warisan (kiri). Manakala gambar atas, Yang Berhormat Menteri-menteri Kabinet semasa meninjau Cawangan Warisan BIBD Temburong.

mempelbagaikan dan memajukan ekonomi bagi merealisasikan Wawasan 2035.

Dengan mengambil pendekatan Whole of Nation dan kerjasama yang erat antara autoriti-autoriti yang berkaitan, pembukaan semula Cawangan BIBD Temburong sebagai Cawangan Warisan diharap akan dapat menceut lagi pembangunan Daerah Temburong, terutamanya dari segi perniagaan dan pelancongan," jelas Yang Berhormat.

Sejurus selepas itu, Yang Berhormat Menteri di JPM dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II; Menteri di JPM, Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Mokti bin Haji Mohd. Daud; Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong; Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejah General (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin; dan Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Awang Haji Emran bin Haji Sabtu seterusnya bersama-sama menyempurnakan perasmian berkenaan diikuti dengan masing-masing menandatangani plak kenang-kenangan sempena pembukaan semula cawangan berkenaan.

Yang Berhormat Menteri-menteri Kabinet dan Datuk, Yang Berhormat Ahli MMN serta pegawai-pegawai kanan kerajaan kemudiannya berpeluang menyaksikan secara lebih dekat Cawangan BIBD Temburong sebagai Cawangan Warisan yang baharu dirasmikan di kompleks berkenaan.

Sementara Cawangan BIBD daerah tersebut yang sebelumnya masih beroperasi, sekarang ini dijadikan sebagai Pusat Perniagaan bagi memberikan kemudahan orang ramai berurusan yang berkaitan mengenainya dan sebagainya.

Pada majlis tersebut, turut dipamerkan kreativiti kraf tangan, jualan, masakan dan makanan Satu Kampung Satu Produk (1K1P) hasil buatan daripada penduduk yang terlibat.

Adapun reka bentuk Cawangan Warisan yang agak unik ini mengetengahkan gaya seni bina eko atau *eco-style architecture*, yang sejajar dengan identiti Daerah Temburong sebagai Permata Hijau atau Green Jewel dengan harapan agar keunikan reka bentuk dan seni bina



YANG Berhormat Menteri di JPM bersama Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan semasa meninjau petak-petak jualan 1K1P hasil buatan para penduduk yang terlibat (atas). Manakala gambar bawah, turut hadir, Yang Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara bersama isteri-isteri para Menteri Kabinet.



cawangan ini boleh menjadi identiti serta mercu tanda tarikan pelancongan daerah tersebut.

Sementara konsep dan reka bentuk eko yang unik dan tersendiri itu, akan terus dikembangkan lagi dengan pembinaan hab komuniti BIBD Connects yang ketiga di kawasan Labu yang akan bermula tidak lama lagi.

Tujuan BIBD Connects tersebut adalah untuk mendekatkan lagi masyarakat tempatan ke arah menyediakan platform bagi PMKS dan menambah lagi tarikan pelancongan di Daerah Temburong serta meningkatkan aktiviti-aktiviti perekonomian di kawasan sekitarnya.

Peningkatan Cawangan BIBD setentunya bagi memenuhi kehendak pelanggannya dalam semua perkhidmatan yang ditawarkan, di samping menyediakan khidmat kaunter serta perkhidmatan perbankan digital seperti mesin CDM dan ATM, sejajar dengan usaha strategik bank bagi para pelanggan seluruh negara. BIBD juga merupakan satu-satunya institusi kewangan yang mengekalkan cawangan sepenuh masa di daerah itu. Turut hadir, Ahli MMN, Yang Berhormat Fdr. Ar. Dayang Siti Rozaimeryanty binti Dato Seri Laila Jasa Awang Haji Abdul Rahman.

Cawangan berkenaan beroperasi dari Isnin hingga Khamis, bermula jam 8.45 pagi hingga 4.00 petang, Jumaat, dari jam 8.45 pagi hingga 11.00 pagi dan 2.30 petang hingga 4.00 petang serta Sabtu, dari 8.45 pagi hingga 11.15 pagi sahaja.



YANG Berhormat Menteri di JPM dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II yang juga Pengurusi BIBD semasa berucap pada majlis berkenaan.



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri selaku Timbalan Pengerusi Lembaga Pengarah AMBD semasa menyampaikan ucaptama pada Majlis Pembukaan Rasmi World FinTech Festival in Brunei Darussalam.

JERUDONG, Rabu, 9 Disember. - Negara Brunei Darussalam (NBD) akan terus merangkul FinTech dengan memupuk ekosistem FinTech yang inklusif dan menarik dengan pelbagai inisiatif yang diaktifkan melalui usaha kolaborasi antara Autoriti Monetari Brunei Darussalam (AMBD) dan pihak berkepentingan.

Oleh itu, AMBD akan

Pelbagaikan inisiatif, pupuk ekosistem FinTech

mengeluarkan 'White Paper on The State of FinTech in Brunei Darussalam', yang akan mengandungi cadangan-cadangan untuk meneruskan pembangunan ekosistem FinTech di negara ini.

Perkara tersebut dikongsikan oleh Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong selaku Timbalan Pengurus Lembaga Pengarah AMBD dalam ucaptama pada World FinTech Festival in Brunei Darussalam bertajuk 'Financial Technology (FinTech) : A Fundamental Building Block of a Digital Economy'.

Yang Berhormat hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Pembukaan Rasmi World FinTech Festival in Brunei Darussalam yang berlangsung di Indera Samudra Grand Hall, The Empire Brunei.

Antara cadangan tersebut ialah menyediakan persekitaran peraturan yang menarik dan menguntungkan untuk FinTech; memastikan pembayaran digital dan infrastruktur adalah *future-ready* dengan

mengembangkan 'Digital Payment Hub' bersama yang akan memusatkan transaksi digital dan memudahkan pembayaran segera; dan untuk menubuhkan Persatuan FinTech Brunei Darussalam.

Walaupun tahun 2020 akan diingati sebagai tahun yang mengubah banyak kehidupan dan mata pencarian, namun menurut Yang Berhormat, kita juga berkesempatan untuk memastikan 2020 akan dikenang sebagai tahun di mana kita didorong untuk lebih banyak penggunaan digital dalam memperjuangkan inklusiviti dan kelestarian.

Yang Berhormat menambah, bagi NBD, di sebalik penularan wabak tersebut terdapat hikmahnya yang tersendiri. Banyak perkara yang dijadualkan dilancarkan lebih awal dan seterusnya menimbulkan kreativiti dan inovasi yang lebih hebat dalam kalangan entiti awam dan swasta, memastikan mereka terus memberikan perkhidmatan sambil mengikuti langkah-langkah penjarakan yang disarankan oleh kerajaan.

"Ini sejalan dengan dan telah

meningkatkan upaya negara untuk menjadi Negara Pintar (Smart Nation), yang didorong oleh Kerajaan Digital, Masyarakat Digital dan Ekonomi Digital, seperti yang digariskan dalam Pelan Induk Ekonomi Digital 2025 yang dilancarkan pada bulan Jun 2020," jelas Yang Berhormat.

Yang Berhormat turut menyentuh mengenai cabaran-cabaran yang dihadapi oleh perusahaan kecil yang menghadapi kekangan sumber untuk menyesuaikan diri dengan perubahan mendadak, namun mereka juga dilihat berinovasi dan mengubah model perniagaan mereka dalam usaha untuk terus bertahan dalam menghadapi krisis.

Kemunculan FinTech adalah contoh utama bagaimana pasaran telah berkembang dan bertindak balas terhadap perubahan keperluan pengguna, khususnya dari segi penyediaan perkhidmatan kewangan melalui penggunaan teknologi canggih untuk memberikan kecekapan operasi yang lebih besar dan meningkatkan pengalaman sambil menurunkan

Berita dan Foto :
Hernie Suliana Haji Othman

biaya, jelas Yang Berhormat.

"Marilah kita memanfaatkan momentum ini dan mengerakkan sumber kita untuk memajukan agenda ini, yang akhirnya akan menyumbang kepada usaha negara menjadi Smart Nation, seperti yang digariskan dalam Pelan Induk Ekonomi Digital," tambah Yang Berhormat.

Yang Berhormat turut menyuarakan bahawa wabak tidak akan menjadi penghalang dalam pertukaran idea dan maklumat, malahan berasa gembira kerana beribu-ribu orang dari seluruh dunia masih dapat bergabung dalam format hibrid fizikal-digital seumpamanya.

Oleh itu, festival ini adalah sebahagian daripada usaha, iaitu platform untuk semua pihak berkumpul dan berkongsi pandangan berharga, serta membantu mendorong perubahan ke arah menjadi Ekonomi Digital, untuk menjadikan hari esok, lebih baik daripada sekarang, terang Yang Berhormat.

World FinTech Festival dirasmikan

JERUDONG, Rabu, 9 Disember. - Perkhidmatan Teknologi Kewangan tidak diragukan memainkan peranan penting dalam pembangunan sektor perkhidmatan kewangan, di mana proses yang telah dipercepat kerana wabak COVID-19 menjadikan perubahan kepada kebiasaan pelanggan dan hasilnya, lonjakan permintaan untuk perkhidmatan FinTech.

Di Negara Brunei Darussalam (NBD), pembayaran yang dibuat melalui kaedah tanpa tunai juga meningkat dengan ketara, dan ini tidak menghairankan kerana rakyat negara ini adalah *digitally-savvy*, dengan penembusan mudah alih yang tinggi dan salah satu kadar penembusan media sosial tertinggi di dunia, sekali gus berpotensi tinggi untuk permintaan pasaran produk FinTech di negara ini.

Perkara tersebut antara yang dinyatakan oleh Pengarah Urusan Autoriti Monetari Brunei Darussalam (AMBD), Dayang Hajah Rokiah binti Haji Badar

dalam ucapan alu-aluan pada Majlis Pembukaan Rasmi World FinTech Festival in Brunei Darussalam yang berlangsung di Indera Samudra Grand Hall, The Empire Brunei.

Pembangunan sektor kewangan, tambahnya, akan terus menjadi agenda utama bagi AMBD, khususnya di bidang teknologi kewangan, yang telah dikenal pasti sebagai enjin pertumbuhan yang berpotensi untuk negara dalam Pelan Pembangunan Sektor Kewangan Brunei Darussalam 2016-2025.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong selaku Timbalan Pengurus Lembaga Pengarah AMBD.

Festival tersebut memberi peluang untuk menyokong inisiatif dan aktiviti FinTech secara meluas, di samping memberi pendedahan global kepada komuniti FinTech Brunei Darussalam yang sedang berkembang serta usaha pembangunan mereka seperti beberapa buah syarikat pemula dalam FinTech Regulatory Sandbox yang menghasilkan sistem dompet elektronik, kiriman wang digital dan penyediaan produk yang mematuhi Syariah.

Majlis diteruskan dengan ucapan perasmian daripada Timbalan Pesuruhjaya Tinggi Republik Singapura di NBD, Mr Raymond Chow, yang antaranya menggariskan beberapa perkara hasil dari pemerhatiannya mengenai masalah dan cabaran yang berkaitan dengan pembangunan FinTech di rantau ini.

Menurutnya, inovasi teknologi mengubah penyediaan perkhidmatan kewangan, di mana Asia menjadi salah satu pelopor utama dalam transformasi memacu pertumbuhan Fintech, serta inovasi



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri selaku Timbalan Pengerusi Lembaga Pengarah AMBD hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Pembukaan Rasmi World FinTech Festival in Brunei Darussalam. Turut hadir, Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri (depan, lima dari kiri).

yang menawarkan peluang bagi kewangan Islam untuk menyumbang kepada pembangunan dan kemasukan kewangan.

Melalui pemerhatian ini, katanya, peluang dan potensi Singapura dan NBD untuk bekerjasama antara satu sama lain di FinTech adalah sangat luar biasa.

Majlis diikuti dengan ucaptama daripada Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, sebelum diteruskan dengan sesi pembentangan panel dan perbincangan daripada pakar-pakar dalam industri FinTech, termasuk Timbalan Setiausaha Tetap (Infokomunikasi), Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi, Awang Hajah Hairul Mohd. Daud bin Hajji Abdul Karim; Penolong Pengarah FinTech, AMBD,

Awang Mohd. Khairul Zaki bin Haji Mohidin; Ketua Pengawalseliaan Sistem Pembayaran, AMBD, Awang Juswira Putra bin Haji Momin; dan Head of Group Information and Technology, Baiduri Bank, Simon Hansman.

Antara topik-topik yang dibincangkan adalah mengenai infrastruktur digital, dan seterusnya peraturan dan piawaian yang diperlukan untuk mengembangkan sektor teknologi kewangan, di samping sebuah *fireside chat* bertajuk 'Digital Transformation in Financial Services during COVID-19 and Beyond'.

Turut menyertai sebagai ahli panel ialah Yong Sheng Le dan Kaitlyn Thinn dari Monetary Authority of Singapore; Tan Chee Hau, Smart Nation and Digital Government Office; dan Ajit Raikar, iaitu

Co-Founder & Executive Chairman, Validus.

World FinTech Festival (WFF) in Brunei Darussalam merupakan anjuran Centre For Islamic Banking, Finance And Management (CIBFM), dengan sokongan AMBD sebagai sebahagian daripada Singapore FinTech Festival (SFF) 2020.

Turut hadir, Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Mokti bin Haji Mohd. Daud; Timbalan Mufti Kerajaan, Jabatan Mufti Kerajaan, Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Japar bin Haji Mat Dain @ Maidin; Ahli-ahli Lembaga Pengarah AMBD; Ahli-ahli Lembaga Pengarah CIBFM; Pegawai-pegawai Kanan dari AMBD, kementerian dan agensi-agensi kerajaan, bank-bank, syarikat-syarikat swasta serta beberapa buah institusi pengajian tinggi.



PENGARAH Urusan AMBD, Dayang Hajah Rokiah binti Haji Badar semasa ucapan alu-aluan.

NBD Pengerusi ADMM 2021



MAJLIS penyerahan dilaksanakan secara dalam talian setelah berakhirnya Mesyuarat Menteri-menteri Pertahanan ASEAN Plus (ADMM-Plus) Ke-7 dengan penyerahan rasmi kepada Negara Brunei Darussalam (NBD) sebagai Pengerusi ADMM bagi tahun 2021 (kiri dan bawah kiri).

Besar Istimewa dan Mutlak NBD ke Viet Nam, Tuan Yang Terutama Pengiran Haji Sahari bin Pengiran Haji Salleh selaku wakil Menteri Pertahanan Kedua, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof.

Yang Berhormat Menteri Pertahanan Kedua menyampaikan ucapan tahniah kepada Viet Nam atas kejayaannya sebagai Pengerusi ADMM di bawah tema 'Defence Cooperation for a Cohesive and Responsive ASEAN'.

Tema dan keutamaan NBD sebagai Pengerusi ADMM bagi tahun 2021 juga dikongsi semasa majlis tersebut, iaitu 'We Care, We Prepare, We Prosper'.

Bersempena dengan Ulang Tahun ADMM Ke-15 pada tahun depan, matlamat NBD sebagai Pengerusi ADMM adalah untuk mengeratkan platform tersebut diterajui oleh sentraliti ASEAN.

Sebagai Pengerusi ASEAN bagi tahun 2021, Kementerian Pertahanan NBD akan menjadi Pengerusi ADMM dan Mesyuarat-mesyuarat Yang Berkaitan, manakala Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) akan mempengaruhi Mesyuarat ASEAN Chiefs of Defence Forces Meeting (ACDFM) dan mesyuarat berkenaan yang akan dikendalikan secara dalam talian.



BOLKIAH GARISON, Khamis, 10 Disember. - Majlis penyerahan dilaksanakan secara dalam talian setelah berakhirnya Mesyuarat Menteri-menteri Pertahanan ASEAN Plus (ADMM-Plus) Ke-7 hari ini dengan penyerahan rasmi kepada Negara Brunei Darussalam (NBD) sebagai Pengerusi ADMM bagi tahun 2021.

Majlis tersebut dimulakan dengan ucapan dari Menteri Pertahanan Nasional Republik Sosialis Viet Nam, Tuan Yang Terutama Jeneral Ngo Xuan Lich, diikuti dengan penyerahan Pengerusian ADMM kepada Duta

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Pertahanan

Menteri Pertahanan Kedua hadiri ADMM Ke-14



YANG Berhormat Menteri Pertahanan Kedua semasa mewakili Negara Brunei Darussalam ke Mesyuarat Menteri-menteri Pertahanan ASEAN (ADMM) Ke-14 secara dalam talian, di mana Menteri-menteri Pertahanan mempersetujui dan menandatangani 'Joint Declaration of the ADMM on Defence Cooperation for a Cohesive and Responsive ASEAN' pada mesyuarat tersebut.

BOLKIAH GARISON, Rabu, 9 Disember. - Mesyuarat Menteri-Menteri Pertahanan ASEAN (ADMM) Ke-14, yang bersidang secara dalam talian berjaya dilaksanakan, hari ini.

ADMM Ke-14 dipengaruhi oleh Menteri Pertahanan Nasional, Republik Sosialis Viet Nam, Tuan Yang Terutama Jeneral Ngo Xuan Lich selaku Ketua ADMM Viet Nam.

Mewakili Negara Brunei Darussalam ke ADMM Ke-14, Menteri Pertahanan Kedua, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof.

Turut serta dalam rombongan berkenaan, Setiausaha Tetap Kementerian Pertahanan, Brigadier Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Shahril Anwar bin Haji Ma'awiah bersama Pengarah Dasar Pertahanan, Awang Haji Adi Ihram bin Dato Paduka Haji Mahmud.

Semasa ADMM Ke-14 ini, Menteri - menteri Pertahanan mempersetujui dan menandatangani 'Joint Declaration

of the ADMM on Defence Cooperation for a Cohesive and Responsive ASEAN'.

Di samping ADMM Ke-14, Mesyuarat Tidak Rasmi di antara Menteri-menteri Pertahanan ASEAN bersama Amerika Syarikat dikendalikan sebelum ADMM Ke-14.

Mesyuarat Tidak Rasmi di antara Menteri - menteri Pertahanan ASEAN bersama China pula diadakan setelah selesai ADMM Ke-14 dan satu Sesi Khas bersama Tetamu-tetamu Pengerusi turut diadakan sebagai kesimpulan agenda pada hari itu.

Sebagai Pengerusi ASEAN bagi Tahun 2021, Kementerian Pertahanan, Negara Brunei Darussalam akan mempengaruhi ADMM dan mesyuarat-mesyuarat yang berkaitan, manakala Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) akan menjadi Pengerusi bagi Mesyuarat ASEAN Chiefs of Defence Forces (ACDFM) dan mesyuarat berkaitan.

Sebuah mesyuarat tersebut akan dikendalikan secara

ADMM-Plus Ke-7 setujui Deklarasi Bersama Menteri Pertahanan



Siaran Akbar dan Foto :
Kementerian Pertahanan

BOLKIAH GARISON, Khamis, 10 Disember. - Mesyuarat Menteri-menteri Pertahanan ASEAN Plus (ADMM-Plus) Ke-7 telah dilaksanakan dengan jayanya, menandakan berakhirnya Pengerusian ADMM Viet Nam di bawah tema 'Defence Cooperation

YANG Berhormat Menteri Pertahanan Kedua semasa menghadiri Mesyuarat Menteri-menteri Pertahanan ASEAN Plus (ADMM-Plus) Ke-7 secara dalam talian (atas dan kiri).

for a Cohesive and Responsive ASEAN'.

Mesyuarat tersebut diadakan secara dalam talian dan dipengerusikan oleh Menteri Nasional Pertahanan, Republik Sosialis Viet Nam, Tuan Yang Terutama Jeneral Ngo Xuan Lich selaku Ketua ADMM-Plus Viet Nam.

Mewakili Negara Brunei Darussalam (NBD) ke Mesyuarat ADMM Ke-14 dan ADMM-Plus Ke-7 ialah Menteri Pertahanan Kedua, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejai Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof.

Turut serta dalam rombongan NBD adalah Setiausaha Tetap, Kementerian Pertahanan, Brigadier Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Shahril Anwar bin Haji Ma'awiah dan Pengarah Dasar Pertahanan, Awang Haji Adi Ihram bin Dato Paduka Haji Mahmud.

Mesyuarat ADMM-Plus Ke-7 dimulakan dengan upacara peringatan bagi menyambut Ulang Tahun ADMM-Plus Ke-10, dengan sebuah tayangan video yang memperkenalkan pencapaian ADMM-Plus, diikuti dengan ucapan daripada Perdana Menteri Viet Nam, Nguyen Xuan Phuc; Menteri Nasional Pertahanan Viet Nam, Jeneral Ngo Xuan Lich dan Setiausaha Agung ASEAN, Dato Lim Jock Hoi.

Semasa mesyuarat tersebut, Menteri Pertahanan Negara ASEAN dan Plus mempersetujui dan menandatangi 'Joint Declaration by the ADMM-Plus Defence Ministers on Strategic Security Vision of the ADMM-Plus' (Deklarasi Bersama oleh Menteri Pertahanan ADMM-Plus mengenai Visi Keselamatan Strategik ADMM-Plus).

Mesyuarat tidak rasmi ASEAN-Jepun juga diadakan berikutan Mesyuarat ADMM-Plus Ke-7.

Berikut tamatnya Mesyuarat ADMM-Plus Ke-7, NBD telah pun menyambut peranan sebagai Pengerusi ADMM bagi tahun 2021, di mana semua Mesyuarat ADMM dan Mesyuarat-mesyuarat Yang Berkaitan akan dikendalikan secara dalam talian.

COVID-19 : 677 jalani pengasingan diri

Ringkasan Kes

Kes Baru Hari Ini		Jumlah Keseluruhan Kes	
0	152		
Kes Sembuh Hari Ini	Kes Aktif	Kematian	Sembuh
0	2	3	147

Kes terakhir jangkitan tempatan COVID-19	Jumlah kes import sejak kes jangkitan tempatan terakhir dilaporkan
Dilaporkan pada 6 Mei 2020 (218 hari yang lalu)	11 Kes

Ringkasan Pengasingan Diri

Jumlah yang sedang menjalani Pengasingan Diri Mandatori	Jumlah yang telah menamatkan Pengasingan Diri Mandatori (sejak Mac 2020)
677	9,103

Ringkasan Ujian Virus SARS-CoV-2

Jumlah Ujian yang dilaksanakan dalam tempoh 24 jam	Jumlah keseluruhan ujian makmal dijalankan (sejak Januari 2020)
137 sampel	78,855

Siaran Akbar dan Infografik :
Kementerian Kesihatan

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 10 Disember. - Negara Brunei Darussalam (NBD), alhamdulillah terus mencatatkan sifar kes baru COVID-19, setakat jam 12.00 tengah hari ini. Ini menjadikan jumlah keseluruhan kes COVID-19 di negara ini masih kekal sebanyak 152 kes.

Dalam Siaran Akbar Kementerian Kesihatan memaklumkan bahawa setakat ini, NBD mencatatkan 218 hari kes sifar, iaitu bagi kes terakhir jangkitan tempatan COVID-19

sejak laporan terakhir dicatatkan pada 6 Mei lalu.

Dalam pada itu, setakat ini, sebanyak 11 kes import dicatatkan, iaitu sejak kes terakhir jangkitan tempatan berkenaan dilaporkan.

Menurut Kementerian Kesihatan, dua kes aktif masih mendapatkan rawatan di Pusat Pengasingan Kebangsaan ketika ini, di mana menjadikan jumlah keseluruhan kes yang sembah setakat ini, seramai 147 orang.

Kementerian Kesihatan turut memaklumkan mengenai Situasi Terkini Jangkitan COVID-19 di

NBD, di mana seramai 677 orang sedang menjalani pengasingan diri mandatori, sementara seramai 9,103 orang menamatkan pengasingan diri mandatori sejak Mac 2020.

Seterusnya, dalam tempoh 24 jam yang lalu, sebanyak 137 sampel ujian virus SARS-CoV-2 dilaksanakan dan ini membawa jumlah keseluruhan ujian makmal dijalankan sejak Januari 2020 ialah sebanyak 78,855 ujian.

Untuk maklumat lanjut dan perkembangan terkini, orang ramai boleh melayari Laman Sesawang Kementerian Kesihatan, iaitu www.moh.gov.bn atau menghubungi Talian Nasihat Kesihatan 148 atau melalui aplikasi BruHealth.

Terus aktif, tidak jemu kongsi kemahiran, buah fikiran bernes



ANTARA Ahli Sukarelawan, pegawai dan kakitangan Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB) yang hadir pada Majlis Penghargaan Sukarelawan YSHHB berkenaan.

Dari muka 3

Para Sukarelawan juga, katanya, dengan secara langsung menjadi rakan strategik YSHHB dalam mencapai Matlamat Strategik. Ke arah projek dan aktiviti kebajikan yang lebih bermakna dan lebih menepati matlamat strategik YSHHB, para sukarelawan akan terus diberikan ruang untuk mengongsikan cahaman idea, kemahiran dan kepakaran mereka.

Tambahnya, dalam pada itu, YSHHB juga akan menyusun beberapa aktiviti menjurus pada

peningkatan ilmu, kursus-kursus motivasi, pengurusan dan kepimpinan bersesuaian sebagai nilai tambah agar sukarelawan dapat menjadi rakan strategik lebih berwibawa.

Yang Berhormat turut menyeru kepada para sukarelawan akan terus bergiat aktif dan tidak akan jemu untuk mengongsi kemahiran juga buah fikiran bernes dalam sama-sama melaksanakan projek dan aktiviti kebajikan membantu masyarakat yang memerlukan bantuan, terutama golongan daif di negara ini.

Majlis terlebih dahulu dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah beramai-ramai, kemudian diteruskan dengan ucapan alu-aluan daripada Setiausaha Tetap (Perancangan, Guna Tanah dan Alam Sekitar) di Kementerian Pembangunan, Dr. Dayang Nor Imtihan binti Haji Abdul Razak selaku Pemangku Pengarah Urusan YSHHB, disusuli dengan ucapan penghargaan mewakili Ahli-ahli Sukarelawan YSHHB, disampaikan oleh Ketua Sukarelawan YSHHB, Awang



YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri selaku Ahli Lembaga Pengarah YSHHB dan Pengerusi Jawatankuasa Meneliti Bantuan-Bantuan YSHHB menyampaikan sijil penghargaan kepada salah seorang Ahli Sukarelawan YSHHB yang aktif menyumbang khidmat bakti dalam menjayakan projek-projek dan aktiviti-aktiviti YSHHB sepanjang tahun 2020.

Oleh : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

Haji Ali Yusri bin Haji Ghafor Seramai 347 Ahli Sukarelawan YSHHB yang aktif menyumbang khidmat bakti dalam menjayakan projek-projek dan aktiviti-aktiviti YSHHB sepanjang tahun 2020 menerima sijil penghargaan masing-masing.

Ditubuhkan pada 8 Januari 2005, Unit Sukarelawan YSHHB merupakan satu platform untuk membolehkan sesiapa sahaja yang berhasrat dan bermotivasi menjadi Sukarelawan YSHHB untuk tampil ke hadapan menyalurkan sumbangan khidmat bakti mereka dalam

mengendalikan aktiviti - aktiviti kebajikan, terutamanya dalam perkhidmatan masyarakat.

Turut hadir, Pemangku Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Bahrom bin Pengiran Haji Bahar selaku Ahli Lembaga Pengarah YSHHB dan Timbalan Pengerusi Jawatankuasa Meneliti Bantuan - Bantuan YSHHB; dan Ahli Lembaga Pengarah YSHHB selaku Ahli Jawatankuasa Meneliti Bantuan-Bantuan YSHHB, Dato Paduka Haji Hamiddon bin Haji Ibrahim.

Ringankan beban dengan bantuan rumah baharu



PEMANGKU Menteri Hal Ehwal Ugama selaku Pemangku Yang Di-Pertua Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB) semasa menyaksikan reka bentuk pembinaan Rumah Bantuan bagi Awang Draman bin Mail dan Dayang Fatimah binti Bini, di Tapak Bina No. 856 & 870, Kampung Lumapas 'B' (kiri), sementara gambar kanan, Pemangku Menteri Hal Ehwal Ugama semasa menuang simen konkrit bagi Peletakan Batu Asas Bantuan Rumah Baharu bagi Dayang Fatimah binti Bini, di Kampung Lumapas 'B'.

25 Jun 2020 meluluskan agihan wang zakat bagi tempoh dua tahun bermula 20 Jun 2020 hingga Jun 2022, iaitu Agihan Kewangan Bulanan sebanyak BND200; Agihan Keperluan Asasi untuk dua orang sebanyak BND130 sebulan; dan Agihan wang zakat bayaran sewa rumah milik Awang Haji Mahdini bin Haji Mohiddin, beralamat di Jalan Junjungan dengan kadar sewa bulanan sebanyak BND500 sebulan, termasuk bayaran bil-bil air dan elektrik.

Manakala Dayang Fatimah binti Bini, berstatus balu, berusia 80 tahun dan penerima pencegah umur tua sebanyak BND250 sebulan.

Beliau mempunyai empat anak dan tinggal bersama anaknya yang sudah pun mendirikan rumah tangga, mempunyai lima anak dan menerima bantuan agihan wang zakat atas nama suaminya.

Jawatankuasa Mengeluarkan Wang Zakat yang bersidang pada 20 Mei 2020 meluluskan agihan wang zakat bagi Dayang Fatimah binti Bini, seperti Agihan Kewangan Bulanan sebanyak BND200; dan Agihan wang zakat bayaran sewa rumah milik Awang Haji Abdullah bin Haji Lamit, di Simpang 744, Kampung Lumapas 'B' dengan kadar sewa bulanan sebanyak BND500 sebulan, termasuk bayaran bil-bil air dan elektrik.

Apa yang diharapkan, semoga agihan zakat yang diberikan kepada penama-penama ini, akan meringankan beban tanggungan dan mereka ini dinasihatkan untuk sentiasa melaksanakan perintah juga kewajipan kepada Allah Subhanahu Wata'ala.

selesa dan selamat untuk berteduh.

Sehubungan itu, Majlis Peletakan Batu Asas Bantuan Rumah Baharu kepada dua penerima, di Kampung Lumapas 'B' diadakan, di sini.

Hadir bagi menyempurnakan Majlis Peletakan Batu Asas Bantuan Rumah Baharu tersebut, Pemangku Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Bahrom bin Pengiran Haji Bahar selaku Pemangku Yang Di-Pertua Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB).

Rumah bantuan bagi penerima

pertama, iaitu Awang Draman bin Mail dan isteri, Dayang Sihar binti Sidup adalah jenis rumah bertiang mempunyai tiga buah bilik tidur, satu ruang tamu, satu tandas dan kamar mandi, dan satu ruang dapur makan bernilai BND77,051.50.

Manakala rumah bantuan bagi penerima kedua, iaitu Dayang Fatimah binti Bini adalah jenis rumah bertiang mempunyai empat bilik tidur, satu ruang tamu, satu tandas dan kamar mandi dan satu ruang dapur makan bernilai BND85,634.00.

Perbelanjaan bagi pembinaan rumah tersebut adalah sepenuhnya melalui peruntukan Kumpulan Wang Zakat MUIB.

kerja-kerja pembinaan rumah-rumah bantuan tersebut bermula pada 7 Oktober lalu dan dijangka siap pada 6 Jun 2021.

Sementara syarikat yang melaksanakan kerja-kerja pembinaan rumah-rumah tersebut ialah Syarikat Gavana Construction dan projek pembinaannya akan dipantau sepenuhnya oleh Jabatan Perkhidmatan Teknikal, Jabatan Kerja Raya, Kementerian Pembangunan.

Awang Draman bin Mail, berusia 64 tahun dan isterinya, menerima pencegah umur tua sebanyak BND250 sebulan dan menambah pendapatan dengan bekerja sendiri dengan menjual ikan bakar.

Isterinya mempunyai 11 anak daripada perkahwinan pertama dan hanya seorang anak yang tinggal bersama mereka.

Jawatankuasa Mengeluarkan Wang Zakat yang bersidang pada

Keprihatinan, pemedulian pihak kerajaan terhadap rakyat



YANG Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menyampaikan Bantuan Kewangan Kerajaan kepada penerima.

Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Pembangunan Masyarakat

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 9 Disember. - Majlis Penyerahan Bantuan Kewangan Kerajaan kepada empat mangsa bencana atap terbang akibat angin kencang dan hujan lebat yang terjadi pada 19 November 2020,

di Daerah Belait; dan kejadian kebakaran rumah di Rancangan Perumahan Negara (RPN) Kampung Rataie, pada 3 Disember 2020 lalu menerima Bantuan Kewangan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka

Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam melalui peruntukan Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS), di Bilik Kunjungan, Bangunan KKBS.

Hadir bagi menyampaikan bantuan, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin kepada ketua-ketua keluarga yang terlibat dalam kejadian bencana angin kencang di Daerah Belait, Dayang Zayyah binti Abdullah; Dayang Hajah Zurinah binti Haji Hamran; Mohammad Hazari bin Wahid; dan Mohammad Ridwan bin Haji Hassan; dan ketua keluarga yang terlibat dalam kejadian kebakaran rumah di Daerah Temburong, Awang Haji Reduan bin Haji Rosman.

Turut hadir ke majlis tersebut, Pemangku Pengarah Pembangunan Masyarakat, Pengiran Siti Rahmah binti Pengiran Haji Salleh.

Angin kencang dan hujan lebat yang berlaku sekitar jam 9.00 malam, pada 19 November 2020 lalu telah menyebabkan empat buah rumah di Kampung Pandan; Jalan Mumong; Kampung Sungai

Bakong, Lumut; dan Kampung Agis-Agis, Sungai Liang di Daerah Belait mengalami kerosakan teruk dan pihak Jabatan Bomba dan Penyelamat memberikan bantuan segera ke atas rumah-rumah berkenaan pada hari kejadian.

Manakala kejadian kebakaran rumah sekitar jam 3.15 pagi, di RPN Kampung Rataie, Temburong, pada 3 Disember 2020 lalu juga meranapkan rumah Awang Haji Reduan bin Haji Rosman.



YANG Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan beramah mesra bersama ketua keluarga yang hadir pada Majlis Penyerahan Bantuan Kewangan Kerajaan tersebut.



YANG Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan semasa menyertai Acara Santai Bersama Keluarga bersama ahli keluarga klien Majlis Kesejahteraan Masyarakat (MKM).

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 10 Disember. - Majlis Kesejahteraan Masyarakat (MKM) dengan kerjasama Hotel Wafa dan Kompleks Annajat menganjurkan aktiviti riadah melibatkan penyertaan 21 buah keluarga dari Daerah Temburong yang terdiri

daripada klien-klien MKM.

Acara Santai Bersama Keluarga itu dirasmikan di Dewan Hotel Wafa, Kompleks Annajat oleh Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang



Meningkatkan semangat kekeluargaan klien MKM

Oleh : Marlinaawaty Hussin

Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

betapa pentingnya institusi keluarga dalam pembangunan masyarakat di negara ini.

Antara aktiviti yang diadakan pada acara itu termasuk tazkirah, bersantai di kolam renang dan taman air, demonstrasi membuat sabun, serta cabutan tiket bertuah.

Acara tersebut berlangsung selama tiga hari, di mana akan melibatkan klien-klien MKM Daerah Tutong dan Daerah Belait pada 16 Disember 2020, sementara klien-klien MKM dari Daerah Brunei dan Muara akan diadakan pada 22 Disember 2020.



ANTARA ahli keluarga klien MKM yang hadir (atas). Manakala gambar kiri, maskot yang turut menceriakan ahli keluarga klien MKM.

Tiada sebarang kecederaan berlaku terhadap mangsa-mangsa bencana.

Pemberian bantuan kewangan tersebut adalah untuk membantu meringankan kesusahan yang dialami oleh mangsa-mangsa bencana bagi meneruskan kehidupan seharian.

Usaha ini menunjukkan keprihatinan dan pemedulian pihak kerajaan terhadap rakyat dan penduduk yang mengalami musibah.

JMK lancar 2 buku terbaharu



YANG Berhormat Mufti Kerajaan semasa melancarkan dua buah buku terbaharu yang berjudul 'Dirgahayu Raja Kita' dan terjemahannya, 'Long Live Our King' (atas). Manakala gambar kanan, dua buah buku terbaharu yang berjudul 'Dirgahayu Raja Kita' dan terjemahannya, 'Long Live Our King'.

Oleh : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad

Foto : Dk. Nur Hafifah Pg. Osman

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 10 Disember. - Jabatan Mufti Kerajaan (JMK) melancarkan sebanyak dua buah buku terbaharu yang berjudul 'Dirgahayu Raja Kita' dan terjemahannya, 'Long Live Our King'.

Majlis pelancaran buku-buku tersebut disempurnakan oleh penulisnya, Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned bertempat di Ruang Legar, Bangunan Darulifta, Jabatan Mufti Kerajaan.

Buku tersebut mengandungi wawancara khas Yang Berhormat Mufti Kerajaan bersama pihak Radio Televisyen Brunei sempena

Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-73 dan ceramah khas sempena Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Ke-74.

Buku tersebut merekodkan keperihatinan Kebawah DYMM terhadap kebajikan rakyat dari beberapa sudut, termasuk pentadbiran, keselamatan, ekonomi, pendidikan dan amal kebajikan.

Dalam buku tersebut, Yang Berhormat menyebut tentang kebajikan berupa amal baik atau amal soleh seseorang tidaklah ditegah.

Yang Berhormat berkata,

malah dalam keadaan-keadaan tertentu, apabila amal-amal soleh itu disebut, ia boleh mendatangkan syafaat atau pertolongan kepada orang yang empunya amal itu.

Oleh itu, tambah Yang Berhormat, adalah besar faedahnya *merista-rista* amal kebajikan raja kerana amal-amal kebajikan raja itu berstatus pimpinan dan tauladan untuk dicontohi.

Amal kebajikan juga adalah satu jenis nikmat yang sangat disukai oleh Allah malah Allah menyuruh supaya setiap nikmat itu disebut-sebut selalu, jelas Yang Berhormat ketika berucap pada majlis tersebut.

Yang Berhormat menerangkan, kebajikan yang paling utama ialah apa-apa jua yang baik dari kaca mata agama, bahawa perkara seperti itu adalah perkara agama.

Maka di sini, tegas Yang Berhormat, sebagai sifatnya nikmat, kebajikan raja patutlah disebut untuk jadi ikutan atau tauladan. Baginda memerintah bukan hanya duduk bersemayam di atas kerusi tetapi baginda juga bergerak mendekati rakyat, susah senang rakyat dipeduli.

Mendengar rakyat memerlukan tempat berniaga umpamanya, baginda sendiri berangkat turun padang, meninjau di mana tempat yang sesuai untuk berniaga itu, tambah Yang Berhormat.

Begini juga, jelas Yang Berhormat, apabila berlaku musibah seperti negara dilanda banjir besar, maka kelihatannya baginda turun padang mengharung banjir dan naik ke rumah rakyat yang mengalami banjir itu untuk mengetahui dan menyaksikan sendiri kesusahan yang ditanggung oleh mereka.

Tambah Yang Berhormat, kebetulan ketika ini, dunia masih



sahaja sibuk menghadapi COVID-19, di mana Brunei juga turut terkesan sama.

Yang Berhormat selaku penulis buku ini turut merekodkan apa-apa yang berkaitan dengan momentum atau kerja-kerja kebajikan menangani wabak, baginda dilihat sangat prihatin memberikan galakan dan bimbingan bagaimana menghadapi wabak yang menggerunkan ini.

Yang Berhormat seterusnya menjelaskan, antaranya melalui beberapa titah yang dipetik di dalam buku ini, dapat memberi gambaran betapa baginda sangat menekankan supaya doa dan Al-Quran dijadikan ubat penawar dan senjata bagi menolak musibah ini.

Antara lain baginda bertitah, kata Yang Berhormat, "Beta ingin menganjurkan supaya kita sama-sama melazimkan diri

membaca Surah Yaa Siin, selain surah-surah yang lain dalam Al-Quran, kerana Yaa Siin fadilatnya sangat banyak untuk keselamatan kita di dunia dan akhirat. InsyaaAllah, dengan berkat Yaa Siin juga, COVID-19 akan berundur meninggalkan kita dan negara".

Di sini, Yang Berhormat terimbangnya kelainan dan kelebihan raja kita selaku pemimpin tertinggi negara ini kerana kebajikan baginda sukar dihitung dan dilakukan secara berterusan, ujar Yang Berhormat.

Yang Berhormat berkata, melihat perlunya buku ini dibaca oleh semua golongan rakyat dan masyarakat, maka terjemahannya dalam bahasa Inggeris pun diusahakan.

Buku tersebut akan dijual dengan harga BND4 senaskah dan boleh didapati di Bangunan Darulifta, JMK.



YANG Berhormat Mufti Kerajaan semasa menyampaikan buku terbitan kepada wakil perpustakaan.

COVID-19 : 2 kes aktif dirawat

Siaran Akhbar dan Infografik : Kementerian Kesihatan

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 9 Disember. - Negara Brunei Darussalam (NBD), alhamdulillah terus mencatatkan sifar kes baharu COVID-19, setakat jam 12.00 tengah hari ini.

Ini menjadikan jumlah keseluruhan kes COVID-19 di negara ini masih kekal sebanyak 152 kes.

Dalam Siaran Akhbar Kementerian Kesihatan memaklumkan bahawa setakat ini, NBD mencatatkan 217 hari kes sifar, iaitu bagi kes terakhir jangkitan tempatan COVID-19 sejak laporan terakhir dicatatkan pada 6 Mei lalu.

Dalam pada itu, setakat ini, sebanyak 11 kes import dicatatkan, iaitu sejak kes terakhir jangkitan tempatan berkenaan dilaporkan.

Menurut Kementerian Kesihatan, dua kes aktif masih mendapatkan rawatan di Pusat Pengasingan Kebangsaan ketika ini, di mana menjadikan jumlah keseluruhan kes yang sembuh setakat ini, seramai 147 orang.

Kementerian Kesihatan turut memaklumkan mengenai Situasi Terkini Jangkitan COVID-19 di NBD, di mana seramai 673 orang sedang menjalani pengasingan diri mandatori, sementara seramai 9,060 orang menamatkan pengasingan diri mandatori sejak Mac 2020.

Seterusnya, dalam tempoh 24 jam yang lalu, sebanyak 154 sampel ujian virus SARS-CoV-2

dilaksanakan dan ini membawa jumlah keseluruhan ujian makmal dijalankan sejak Januari 2020 ialah sebanyak 78,718 ujian.

Untuk maklumat lanjut dan perkembangan terkini, orang

ramai boleh melayari Laman Sesawang Kementerian Kesihatan, iaitu www.moh.gov.bn atau menghubungi Talian Nasihat Kesihatan 148 atau melalui aplikasi BruHealth.

Ringkasan Kes

Kes Baru Hari Ini		Jumlah Keseluruhan Kes	
0		152	
Kes Sembuh Hari Ini	Kes Aktif	Kematian	Sembuh
0	2	3	147

Kes terakhir jangkitan tempatan COVID-19	Jumlah kes import sejak kes jangkitan tempatan terakhir dilaporkan
Dilaporkan pada 6 Mei 2020 (217 hari yang lalu)	11 Kes

Ringkasan Pengasingan Diri

Jumlah yang sedang menjalani Pengasingan Diri Mandatori	Jumlah yang telah menamatkan Pengasingan Diri Mandatori (sejak Mac 2020)
673	9,060

Jumlah Ujian yang dilaksanakan dalam tempoh 24 jam	Jumlah keseluruhan ujian makmal dijalankan (sejak Januari 2020)
154 sampel	78,718

Pusat Kesihatan Pengkalan Batu terima akreditasi JCI kali kedua

Dari muka 4

"Oleh yang demikian, pada 13 November 2020, Pusat Kesihatan Pengkalan Batu telah sekali lagi menjalani proses penilaian dan alhamdulillah, Pusat Kesihatan Pengkalan Batu telah berjaya menerima pengiktirafan akreditasi buat kali kedua oleh JCI dengan dianugerahkan 'the Gold Seal of Approval Award' untuk piawaiann (*standard*) penjagaan kesihatan asasi," tambah Yang Berhormat.

Terdahulu, majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah, diikuti dengan Doa Kesukuran oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Masjid Kampung Limau Manis.

Pemangku Pengarah Perkhidmatan Kesihatan, Dr. Hajah Rafidah binti Haji Gharif kemudian meneruskan acara dengan menyampaikan ucapan alu-aluan.

Majlis diteruskan dengan penyampaian Sijil Akreditasi JCI Tahun 2020 yang disempurnakan oleh Yang Berhormat Menteri Kesihatan.

Turut hadir, Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Mohaimin bin Haji Johari @ Jahari; Setiausaha Tetap, Kementerian Kesihatan, Awang Haji Abdul Manap bin Othman; Timbalan Setiausaha Tetap (Profesional), Kementerian Kesihatan, Dr. Haji Zulaidi bin Haji Abd. Latif; Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Pengurusan), Kementerian Kesihatan, Awang Maswadi bin Haji Mohsin; serta para pegawai serta kakitangan Pusat Kesihatan Pengkalan Batu.

DST Winter Wonders bermula 23 Disember



TIMBALAN Setiausaha Tetap (Pelancongan), Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP) (dua, kanan) hadir pada Sidang Media di Ibu Pejabat DST, Tungku Link tersebut. Turut berangkat, Pengurus Projek Sparks Co. Sdn. Bhd., Yang Amat Mulia Pengiran Anak Muhammad 'Abdul Qayyum bin Pengiran Sura Negara Pengiran Anak Haji Muhammad Bey Muntassir.

TUNGKU LINK, Khamis, 10 Disember. - DST dengan kerjasama eksklusif bersama Sparks Co. Sdn. Bhd. akan menganjurkan acara DST Winter Wonders yang diadakan bersempena Festival Disember Brunei 2020 (BDF 2020).

Sehubungan itu, satu sesi Sidang Media untuk mengumumkan acara tersebut berlangsung di Ibu Pejabat DST, Tungku Link.

Hadir pada Sidang Media tersebut ialah Timbalan Setiausaha Tetap (Pelancongan) Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP), Awang Wardi bin Haji Mohammad Ali selaku tetamu kehormat; Ketua Pegawai Eksekutif Datastream

Digital Sdn. Bhd, Awang Radin Sufri bin Radin Basuni; dan Pengasas serta Pengurus Bersama Relentless Entertainment dan Relentless Academy of Performing Arts, Amy Cheong Sui Ying.

Turut berangkat, Pengurus Projek Sparks Co. Sdn. Bhd., Yang Amat Mulia Pengiran Anak Muhammad 'Abdul Qayyum bin Pengiran Sura Negara Pengiran Anak Haji Muhammad Bey Muntassir.

Yang Amat Mulia Pengiran Anak Muhammad 'Abdul Qayyum menjelaskan bahawa DST Winter Wonders yang akan diadakan selama 10 hari itu nanti merupakan acara perayaan berorientasikan

keluarga yang menawarkan pelbagai jenis jualan makanan dan minuman, permainan karnival, persembahan muzik dan banyak lagi.

Acara ini akan diadakan mulai 23 hingga 27 Disember 2020 dan 30 Disember 2020 hingga 3 Januari 2021, bermula jam 2.30 petang hingga 10.00 malam setiap hari.

DST Winter Wonders menyediakan empat kawasan bertemakan Snow Village, Vendors Lane, Street Food Marketplace dan Urban Dining, di mana Snow Village akan menjadi tarikan utama acara tersebut nanti.

Snow Village akan dihiasi

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

dengan pelbagai dekorasi bertemakan musim sejuk termasuk efek istimewa turunan salji, gelanggang luncur sintetik, makanan dan minuman yang diinspirasikan musim sejuk, permainan tradisional Inggeris dan karnival serta bermacam-macam lagi aktiviti menarik.

Sementara itu, Awang Radin Sufri pula menyatakan bahawa dengan menjadi rakan eksklusif bagi acara ini, DST juga akan mengambil bahagian dengan menyediakan tawaran eksklusif kepada orang ramai dengan Easi Everything Campaign.

Tujuan kempen ini jelas beliau adalah untuk membawa lebih banyak nilai tambah dan kemudahan di negara ini, bermula dengan pelanggan Easi yang sedia ada dan baharu, di mana tawaran tersebut merangkumi lebih banyak data, lebih banyak nilai dan banyak lagi.

DST juga akan mempunyai tawaran terbaru termasuk tawaran bundle dan produk serta perkhidmatan terkini yang boleh didapati di Pavilion DST di Vendors Lane.

Pelanggan yang berdaftar untuk mana-mana produk dan perkhidmatan DST semasa acara tersebut nanti akan berpeluang untuk memenangi pelbagai hadiah cabutan bertuah setiap hari, antaranya telefon bimbit iPhone

12 yang terbaru serta Apple Watch SE.

Selain daripada tawaran perkhidmatan, DST juga akan menyediakan aktiviti menarik untuk orang ramai dan berpeluang membawa pulang hadiah menarik semasa acara tersebut nanti.

Awang Wardi pula menyatakan bahawa sejak BDF dimulakan, peningkatan ketara dapat dilihat pada pengurus-pengurus acara iaitu dari 40 acara sehingga kini hampir 90 acara dianjurkan untuk sepanjang bulan Disember.

Belau turut mengingatkan, memandangkan situasi pandemik ketika ini, orang ramai disarankan agar dapat merancang masa mereka sebaiknya jika berhasrat untuk turun ke DST Winter Wonders nanti dan menjaga penjarakan sosial mereka.

Orang ramai boleh membeli tiket kemasukan DST Winter Wonders lebih awal di Mabohai Shopping Complex dan The Mall, Gadong mulai 10 Disember 2020 dan juga boleh membeli terus di Jerudong Park Playground sepanjang 10 hari acara tersebut berlangsung.

Maklumat lebih lanjut mengenai DST Winter Wonders di Jerudong Park boleh didapati di laman sesawang DST di www.dst.com.bn/winterwonders.

2 acara bakal meriahkan BDF 2020

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

BERAKAS, Khamis, 10 Disember. - Dua lagi acara bakal menemui orang ramai sebagai salah satu pengisian dalam kalender Festival Disember Brunei 2020 (BDF 2020).

Acara yang dianjurkan oleh Huifong's Art Gallery itu ialah

Pameran Lukisan The Garden Rhapsodies dan Pelancaran Buku yang akan diadakan pada 21 hingga 24 Disember 2020, manakala H.A.G International Art Forum pula akan berlangsung pada 19 Disember 2020 ini.

Pada Sidang Media yang

diadakan di Bilik Mesyuarat VIP, Tingkat 1, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP), Timbalan Setiausaha Tetap (Pelancongan) KSSUP, Awang Wardi bin Haji Mohammad Ali menyatakan bahawa acara-acara yang disusun di dalam BDF 2020 dapat mewujudkan platform bukan sahaja bagi sektor pameran dan makanan, tetapi juga meliputi sektor sukan dan pengembalaan, rekreasi serta pelancongan Islam.

Pengasas Huifong's Art Gallery, Huifong Ng semasa menjelaskan kepada pihak media berkata bahawa 20 buah lukisan akan dipamerkan semasa acara Pameran Lukisan The Garden Rhapsodies manakala dua buah buku baru bertajuk 'The Garden Rhapsodies' terbitan beliau sendiri akan dilancarkan yang diterbitkan dalam bahasa Inggeris dan Cina.

Pelancarannya nanti akan disempurnakan oleh Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ali bin Apong.

Menurutnya, pameran tersebut akan diadakan pada 21 hingga 24 Disember 2020 bertempat di Simpur Hall, Pusat Hortikultur, Rimba dan ia dibuka bagi kunjungan orang ramai.

Sementara itu, bagi acara H.A.G International Art Forum pula tambahnya, buat kali pertamanya ia akan mengumpulkan penceramah daripada 10 buah negara iaitu Singapura, Malaysia, Indonesia, Thailand, Malta, Italy, China, Bahrain, Dubai dan Negara



TIMBALAN Setiausaha Tetap (Pelancongan) KSSUP semasa Sidang Media yang diadakan di Bilik Mesyuarat VIP, Tingkat 1, KSSUP.

dan KSSUP dalam menganjurkan forum berkenaan.

Kerjasama sektor awam dan swasta ini jelasnya, adalah satu contoh terbaik di mana pihak Baiduri Bank ingin menjalin lebih banyak peluang kerjasama pada masa akan datang. Forum akan diadakan bermula jam 2.00 petang pada 19 Disember 2020 nanti di Baiduri Community Space, Ibu Pejabat Bank Baiduri.

Para artis, pensyarah dan guru-guru seni serta termasuk orang ramai yang berminat untuk mendengarkan sesi forum adalah dialu-alukan untuk menyertainya sebagai audiens di mana kemasukan adalah percuma.

Dalam memastikan orang ramai mematuhi SOP yang ditetapkan dan memastikan penjarakan sosial, orang ramai adalah digalakkan untuk mendaftar secara online melalui pautan <https://h.a.g-international-art-forum.eventbrite.sg>.

Forum tersebut juga akan disiarkan secara langsung melalui laman media sosial Instagram, Facebook dan LinkedIn Huifong's Art Gallery, Atelier Huifong Ng dan Huifong Ng.

Bagi mereka yang menjalani PEMANTAUAN DIRI:

- Kekal berada di rumah sendiri sebanyak mungkin
- Kurangkan jumlah pelawat ke rumah
- Ketahui orang-orang yang berhubung rapat dengan anda
- Pantau suhu badan sendiri 2 kali sehari (contohnya jam 8 pagi dan jam 8 malam)
- Boleh keluar rumah hanya bagi mendapatkan keperluan harian dan perkara penting sahaja, TETAPI dikehendaki untuk tidak berada lama di tempat awam atau mendekati orang lain

Jika anda atau mana-mana ahli keluarga yang tinggal serumah dengan individu yang menjalani Perintah Kurantin mempunyai sebarang tanda-tanda jangkitan seperti demam dan kesukaran bernafas, sila hubungi HAL 148 untuk mendapatkan nasihat dan bantuan lanjut

Tinjau perkembangan, kebajikan para mualaf Mukim Sukang, Melilas



BELAIT, Rabu, 9 Disember. - Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Awang Haji Mohammad Rosli bin Haji Ibrahim mengadakan Lawatan Kerja ke Mukim Sukang dan Mukim Melilas, Daerah Belait untuk mengetahui secara lebih

dekat lagi akan perkembangan dan perkhidmatan agama di daerah tersebut, khususnya kawasan pedalaman dan isu-isu yang dihadapi oleh penduduk di situ juga meninjau kebajikan mualaf.

Juga hadir, Ketua Bahagian

Dasar, Perancangan dan Penyelidikan, KHEU, Pengiran Anak Dr. Haji Amiruddin Alam Shah bin Pengiran Anak Haji Ismail bersama Pemangku Pengarah Jabatan Pengajian Islam (JPI), KHEU, Awang Haji Shamshol bin Haji Omar.

Lawatan Kerja Setiausaha Tetap KHEU dimulakan dengan membuat lawatan ke Rumah Besar Kampung Sukang, seterusnya, ucapan alu-aluan daripada Pemangku Pengarah Pusat Da'wah Islamiyah, Awang Abdul Aziz bin Haji Abdul Kahar, diikuti dengan ucapan daripada Ketua Kampung Bukit Sawat / Pemangku Penghulu Mukim Sukang, Awang Muhammad bin Abdullah.

Setiausaha Tetap KHEU seterusnya dijemput untuk menyempurnakan Penyerahan Bantuan Berupa Keperluan Harian kepada 15 buah keluarga dan Penyerahan Bantuan Sebuah Penjana Elektrik (Generator) kepada Dayang Hajah Rahmah binti Datu Maharaja Setia Haji Muhammad Simpok @ Rahmah binti Datu Maharaja Setia Simpok.

Manakala, Ketua Bahagian Dasar, Perancangan dan Penyelidikan, KHEU, Pengiran Anak Dr. Haji Amiruddin Alam Shah, seterusnya menyerahkan sebuah Al-Quran dan Tafsir untuk kegunaan Rumah Besar Kampung Sukang.

Rombongan seterusnya bergerak ke Jeti (berdekatan dengan Balai Ibadat Kampung Sukang) untuk lawatan ke Rumah Panjang Punan, Kampung Sukang dan berkesempatan beramah mesra bersama penghuni rumah panjang tersebut dan menyerahkan Bantuan Sebuah Tangki Air kepada Awang Zulkhairi bin Abdul Rahim Arin @ Hairy anak Arin.

Sejurus selepas membuat Lawatan ke Rumah Panjang Punan, rombongan seterusnya menuju ke Sekolah Rendah DMS Dian, Kampung Sukang; Balai Ibadat Kampung Sukang; dan Asrama Pelajar Sekolah Rendah Datu Maharaja Setia Dian, Kampung Sukang.

Seramai 15 pelajar dari Sekolah Rendah Datu Maharaja Setia Dian, Kampung Sukang menerima Bantuan berupa Peralatan Sekolah, disempurnakan oleh Setiausaha Tetap KHEU, manakala Ketua Bahagian Dasar, Perancangan dan Penyelidikan, KHEU pula



SETIAUSAHA Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) menyempurnakan Penyerahan Bantuan Berupa Keperluan Harian kepada salah seorang penerima (atas), sementara gambar kiri, Setiausaha Tetap KHEU semasa menyerahkan Bantuan Sebuah Tangki Air kepada Awang Zulkhairi bin Abdul Rahim Arin @ Hairy anak Arin.

Berita dan Foto :
Ak. Syi'aruddin Pg. Dauddin

menyempurnakan Penyampaian Al-Quran dan Tafsir untuk kegunaan sekolah berkenaan.

Penyerahan Al-Quran dan Tafsir bagi Balai Ibadat Kampung Sukang, disempurnakan oleh Setiausaha Tetap KHEU.

Lawatan Kerja Setiausaha Tetap KHEU diteruskan lagi dengan lawatan ke Julangan Titah Rumah Panjang Melilas;

Acara dimulakan dengan Sembahyang Fardu Zuhur Berjemaah di Ruang Tamu Julangan Titah Rumah Panjang Melilas, sejurus selepas itu, Setiausaha Tetap KHEU menyempurnakan Penyerahan Bantuan Keperluan Harian kepada 14 buah keluarga dan Penyerahan

Bantuan berupa Peralatan Sekolah kepada tiga pelajar daripada Sekolah Rendah Kampung Melilas.

Acara diikuti dengan Penyerahan Al-Quran dan Tafsir oleh Ketua Bahagian Dasar, Perancangan dan Penyelidikan, KHEU untuk kegunaan Julangan Titah Rumah Panjang Melilas; Balai Ibadat Kampung Melilas; dan Sekolah Rendah Kampung Melilas.

Sejurus Lawatan Julangan Titah Rumah Panjang Melilas, rombongan meneruskan lagi Lawatan Kerja ke Balai Ibadat Kampung Melilas dan mengakhiri Lawatan Kerja tersebut ke Sekolah Rendah Kampung Melilas.

Jerayawara NCDs, 10 hingga 13 Disember

Siaran Akhbar : Kementerian Kesihatan

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 9 Disember. - Kementerian Kesihatan melalui Pusat Promosi Kesihatan dengan kerjasama The Mall, Gadong akan mengadakan Jerayawara sempena Kempen Kesedaran Penyakit-Penyakit Tidak Berjangkit (Non-Communicable Diseases - NCDs) selama empat hari, bermula 10 hingga 13 Disember 2020.

Jerayawara tersebut merupakan antara aktiviti yang dijalankan bersempena dengan Kempen Kesedaran NCDs selama tiga bulan, mulai dari Oktober hingga Disember 2020.

Jerayawara ini bertujuan untuk meningkatkan kesedaran orang ramai mengenai NCDs, seperti diabetes, penyakit jantung, strok, dimensi dan kanser juga faktor-faktor risikonya.

Pelbagai aktiviti diadakan di sepanjang jerayawara tersebut, antaranya pameran kesihatan, Lawatan Sambil Belajar ke Pasaraya Utama Grand (Healthy Grocery Tour), sesi demo Mix Martial Art, sesi mewarna dan treasure hunt bagi kanak-kanak, sesi pemeriksaan kesihatan dan degupan jantung dan sesi konsultasi bersama ahli kesihatan profesional.

Meja bantuan (*help desk*) aplikasi BruHealth akan disediakan semasa jerayawara tersebut bagi membantu orang ramai, khususnya warga emas dan warga asing dalam penggunaan aplikasi tersebut.

Rakan-rakan kongsi Pusat Promosi Kesihatan, seperti Gleneagles JPMC, Pantai Jerudong Specialist Centre, Fitness Zone Brunei, Studio 96, Renegade Martial Arts Academy dan Aman Optimum Fitness Centre juga akan menyertai sepanjang jerayawara tersebut.

Dengan adanya jerayawara seperti ini, Kementerian Kesihatan berharap dapat meningkatkan kesedaran orang ramai akan kepentingan untuk menjaga kesihatan bagi mencegah NCDs.

Untuk mengetahui lebih lanjut mengenai Kempen Kesedaran NCDs ini, orang ramai boleh mengikuti Facebook atau Instagram di @hpcbrunei.



KETUA Bahagian Dasar, Perancangan dan Penyelidikan, KHEU, Pengiran Anak Dr. Haji Amiruddin Alam Shah bin Pengiran Anak Haji Ismail menyerahkan sebuah Al-Quran dan Tafsir untuk kegunaan Rumah Besar Kampung Sukang.



Konvokesyen IBTE diteruskan

Siaran Akhbar dan Foto : Institut Pendidikan Teknikal Brunei



SETIAUSAHA Tetap (Pengajian Tinggi), Kementerian Pendidikan semasa menyampaikan Anugerah Pelajar Terbaik kepada pelajar dalam jurusan HNTec in Information Technology, Mohammad Afif Salahuddin bin Awang Kharin (atas). Manakala gambar bawah, Setiausaha Tetap (Tenaga), Kementerian Tenaga menyampaikan Anugerah Pelajar Terbaik kepada pelajar dalam jurusan NTec in Business and Administration, Nur Dianah binti Mohamad Hassanuddin.



Konvokesyen raikan graduan IBTE



SETIAUSAHA Tetap Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi menyampaikan Anugerah Pelajar Terbaik kepada Owen anak Denis Tawan (NTec in Welding).

BERAKAS, Rabu, 9 Disember. - Seramai 259 graduan menerima sijil masing-masing pada Majlis Konvokesyen Institut Pendidikan Teknikal Brunei (IBTE) bagi sesi pagi, pada hari ketiga konvokesyen berlangsung.

Hadir selaku tetamu kehormat

majlis dan menyampaikan sijil, Setiausaha Tetap Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi, Awang Haji Mohammad Nazri bin Haji Mohammad Yusof.

Penerima pada sesi pagi, terdiri daripada Graduan IBTE School of

BERAKAS, Khamis, 10 Disember. - Seramai 270 graduan menerima sijil masing-masing pada Majlis Konvokesyen Institut Pendidikan Teknikal Brunei (IBTE) Ke-28 bagi hari terakhir konvokesyen berkenaan bagi sesi pagi berlangsung di Dewan Persidangan Utama, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.

Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyampaikan sijil kepada para graduan pada sesi pagi ialah Setiausaha Tetap (Pengajian Tinggi), Kementerian Pendidikan, Dr. Haji Azman bin Ahmad selaku Ahli Lembaga Pengelola IBTE.

Antara penerima pada sesi pagi adalah graduan dari IBTE School of Agrotechnology & Applied Science (yang mengikuti program NTec) dan IBTE School of Information Communication Technology (yang mengikuti program HNTec).

Penerima Anugerah Pelajar Terbaik (Best Student Award) pada sesi pagi diterima oleh dua orang graduan iaitu pelajar dalam jurusan NTec in Assistant Nurse - Dental, Jamilin Syasya binti Jamil dan pelajar dalam jurusan HNTec in Information Technology, Mohammad Afif Salahuddin bin Awang Kharin.

Manakala Anugerah Khas Pelajar (Special Student Award) diterima oleh pelajar dalam jurusan NTec in Assistant Nurse - General Nursing, Feliscia anak Issau dan pelajar dalam jurusan HNTec in Information Technology, Mohammed Asrul Nizam bin Haji Sibodaud.

Manakala pada sebelah petang pula, penyempurnaan sijil

disampaikan Setiausaha Tetap (Tenaga), Kementerian Tenaga, Awang Haji Azhar bin Haji Yahya kepada seramai 259 graduan yang terdiri daripada graduan dari IBTE School of Business dan IBTE School of Information Technology (graduan - graduan mengikuti program NTec).

Penerima Anugerah Pelajar Terbaik (Best Student Award) pada sesi petang diterima oleh pelajar dalam NTec in Information Technology, Safwan Anwar bin Sapri dan pelajar dalam jurusan NTec in Business and Administration, Nur Dianah binti Mohamad Hassanuddin.

GARIS PANDUAN UNTUK PENGENDALI MAKANAN YANG TIDAK SIHAT DI PREMIS MAKANAN

Apa yang perlu dibuat jika pengendali makanan mula mengalami gejala COVID-19 sewaktu berkerja

Kekal dalam bilik tertentu

Ketika menunggu, asingkan pekerja di bilik yang tertutup. Jika boleh, buka tingkap untuk pengudaraan yang baik. Pekerja juga dinasihatkan untuk menggunakan bilik mandi bersendirian.

Mengikuti garis pandu kebangsaan

Mana-mana kes COVID-19 yang disyaki mestilah dilaporkan. Hubungi 148 untuk nasihat yang bersesuaian.

Bersihkan tempat tercemar

Se semua permukaan yang disentuh oleh pekerja tersebut mestilah dibersihkan termasuk bilik mandi, tembol pintu dan telefon.

Elakkan berinteraksi dengan pekerja lain

Elakkan berinteraksi dengan pekerja, permukaan & barang-barang.

Amalkan kebersihan

Se semua pekerja mestilah mencuci tangan selama 20 saat dengan sabun dan air selepas berinteraksi dengan sesiapa yang tidak sihat atau mempunyai gejala jangkitan koronavirus.

Pengurus premis makanan harus tahu...

Dasar untuk kembali ke tempat kerja bagi kakitangan yang telah dijangkiti & pulih dari COVID-19 harus dilaksanakan. Pengurus premis hendaklah menyermak maklumat terkini mengenai garis panduan atau nasihat dari Kementerian Kesihatan.

Sentiasa berwaspada

Pekerja lain yang tidak berinteraksi dengan kes yang telah disahkan hendaklah terus mengambil langkah berjaga-jaga biasa dan hadir ke tempat kerja seperti biasa.

Penutupan tempat kerja adalah tidak digalakkan.



SETIAUSAHA Tetap Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan menyampaikan Anugerah Pelajar Terbaik kepada Mawaddatu Warahmah binti Abdullah (NTec Apprenticeship in Professional Cookery and Services).

petang adalah Graduan dari IBTE School of Hospitality and Tourism (NTec) dan IBTE School of Energy and Engineering Central (NTec).

Majlis Konvokesyen IBTE akan diteruskan lagi pada 10 Disember 2020 pada sesi pagi dan sesi petang yang merupakan hari terakhir konvokesyen.

Sehubungan itu, untuk memudahkan orang ramai, khususnya ibu bapa dan penjaga graduan, IBTE menyediakan platform untuk menyiarkan majlis ini secara dalam talian Live Streaming melalui laman sesawang <https://ibte.edu.bn/2020/12/03/convoschedule/>.

DPPMB ringankan tuntutan kehidupan sehari-an

Siaran Akhbar dan Foto :
Dewan Perniagaan dan Perusahaan Melayu Brunei (DPPMB)

KUALA BELAIT, Jumaat, 11 Disember. - Dewan Perniagaan dan Perusahaan Melayu Brunei (DPPMB) sangat prihatin pada kebajikan ahlinya dan masyarakat yang memerlukan.

Hari ini, serombongan Jawatankuasa Tertinggi (JKT), Ahli Jawatankuasa Tertinggi (AJKT) juga Ahli Jawatankuasa (AJK) Hal Ehwal Ugama dan Kebajikan DPPMB seramai sembilan orang, termasuk JKT Persatuan Mualaf Daerah Tutong (PESATU) dan Persatuan Veteran ABDB menghantar bantuan sedekah dan derma, berupa buku Yaa Siin, Tahil dan Surah-surah Pilihan, Terbitan DPPMB; kewangan; barang keperluan asasi; dan pakaian ke rumah Dayang Norredahayati binti Abdullah Bong King dan

ROMBONGAN Jawatankuasa Tertinggi, Ahli Jawatankuasa Tertinggi juga Ahli Jawatankuasa Hal Ehwal Ugama dan Kebajikan Dewan Perniagaan dan Perusahaan Melayu Brunei (DPPMB) semasa menyampaikan sumbangan bantuan kepada Dayang Norredahayati binti Abdullah Bong King dan keluarganya.

keluarganya, di alamat No. 35, Simpang 11, Jalan Keruak, Penaga, Kuala Belait.

Rombongan diketuai oleh Pengurus Tetap DPPMB, Awang Haji Ismail bin Haji Mohd. Yusof.

Dalam ucapan alu-aluannya, Awang Haji Ismail menyatakan, bahawa sedekah daripada DPPMB dan rakan kerja daripada Persatuan



Veteran ABDB juga Persatuan Mualaf Daerah Tutong (PESATU) adalah sekadar yang termampu dan

dengan adanya bantuan yang diberikan mudah-mudahan dapat membantu sedikit sebanyak keperluan asasi harian mereka sekeluarga.

Sumbangan untuk membantu Dayang Norredahayati tersebut juga diharap dapat meringankan tuntutan kehidupan sehari-an dengan menjalankan usaha bermula masakan makanan dan minuman bagi menampung

keperluan hidup keluarganya.

Ini ditambah dengan keadaan suami beliau yang menghidap lumpuh separuh badan dan mempunyai seramai tujuh anak.

Misi Dana Kemanusiaan dan Kebajikan DPPMB ini diungkayahkan oleh Ahli Jawatankuasa Hal Ehwal Ugama dan Kebajikan DPPMB, diketuai oleh Awang Haji Mohd. Firdaus bin OKK Haji Noordin.

19 individu ditahan, lebih 500g Syabu dirampas



BEBERAPA paket plastik berisi pecahan juga ketulan hablur, dipercayai dadah jenis Syabu, dadah Kelas 'A' yang dirampas.

mengedara dadah Kelas 'A' yang melebihi daripada 100g membawa kepada hukuman gantung hingga mati; Seksyen 6(a) APD, Penggal 27, iaitu atas kesalahan memiliki dadah terkawal; Seksyen 6(b) APD, Penggal 27, iaitu atas kesalahan memakan dadah terkawal; dan Seksyen 7 APD, Penggal 27, iaitu atas kesalahan memiliki alat perkakas yang digunakan untuk memakan dadah terkawal.

Berikutnya dengan operasi ini, BKN ingin menasihatkan orang ramai untuk melaporkan sebarang aktiviti perkumpulan yang mencurigakan kepada pihak-pihak berkenaan.

Ini memerlukan kerjasama daripada semua untuk memastikan setiap kejiranan mempunyai persekitaran sihat dan bebas daripada aktiviti yang boleh merosakkan keharmoniannya.

BKN ingin menyeru kepada orang ramai agar memberikan kerjasama dalam sama-sama membasi aktifiti-aktifiti yang boleh merosakkan kesejahteraan Negara Brunei Darussalam.

Sebarang maklumat yang mencurigakan berhubung dengan kegiatan penyalahgunaan dadah boleh menghubungi menerusi talian +673 2448877 (waktu pejabat) atau Hotline +673 8777444 (selepas waktu pejabat) atau e-mel ke ncb@narcotics.gov.bn.

Siaran Akhbar dan Foto : Biro Kawalan Narkotik

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 9 Disember. - Pada 30 November 2020, Biro Kawalan Narkotik (BKN) membuat serbuan secara serentak di enam buah rumah berasingan, di kawasan Lambak Kiri, Mukim Berakas, dipercayai mempunyai rangkaian pengedar aktiviti penyalahgunaan dadah.

Operasi berjaya menahan seramai 19 individu, warga tempatan, terdiri daripada 14 lelaki dan lima perempuan, berumur dalam lingkungan 18 hingga 53 tahun.

Sasaran serbuan kali ini ialah pembekal dadah jenis Syabu yang sangat aktif di lokasi tersebut dan mempunyai jaringan pengedar yang ramai dan sering mengadakan perkumpulan bagi kegiatan haram tersebut.

Daripada pemeriksaan yang dijalankan ke atas suspek utama dan kenderaan di kediaman

tersebut menemui beberapa paket plastik dan straw berisi pecahan juga ketulan hablur, dipercayai dadah jenis Syabu, dadah Kelas 'A', seberat melebihi 500 gram (g), dianggarkan mempunyai nilai pasaran melebihi BND90,000.

Turut dirampas adalah wang tunai, termasuk mata wang asing yang dianggarkan melebihi BND9,000 dan beberapa telefon bimbit, dipercayai hasil daripada pengedaran dadah.

Selain daripada itu, beberapa alat perkakas untuk memakan dadah, alat timbangan, beberapa paket kosong dan beberapa bilah gunting besi turut dijumpai, dipercayai digunakan untuk aktiviti dadah.

Tangkapan tersebut masih dalam siasatan, di bawah kesalahan seperti berikut : Seksyen 3A Akta Penyalahgunaan Dadah (APD), Penggal 27, iaitu atas kesalahan memiliki dadah bagi tujuan



Dipenjara kerana dadah

Oleh : Nooratini Haji Abas

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 9 Disember. - Mahkamah Majistret menjatuhkan hukuman tiga tahun penjara ke atas seorang lelaki, warga tempatan, di bawah Akta Penyalahgunaan Dadah, Penggal 27.

Majistret Dewi Norlelawati binti Haji Abdul Hamid menjatuhkan hukuman tersebut ke atas defendant, Shamsul Bahri bin Abdullah, berumur 49 tahun, mulai 8 Disember 2020, kelmarin.

Defendant didakwa di bawah Seksyen 6(b) memakan dadah terkawal jenis 'A', Methylamphetamine, di mana hasil ujian air kencing defendant juga mendapat mengandungi positif dadah.

Dalam pendakwaan yang dijalankan oleh Pegawai Pendakwa, Md. Syazwan bin Hairul juga menyatakan bahawa defendant sebelum ini mempunyai rekod kesalahan lalu, di bawah Akta Penyalahgunaan Dadah, Penggal 27.



Masyarakat perlu terima kehadiran OKU

UUSAHA berterusan membantu golongan Orang Kurang Upaya (OKU) merupakan satu tindakan yang wajar demi membolehkan golongan ini memberikan sumbangan berkesan kepada negara.

Apa Pendapat Biskita kali ini turut mendapatkan beberapa pandangan orang ramai mengenai usaha-usaha yang wajar dilakukan untuk membantu golongan ini.

"Orang Kurang Upaya (OKU) ialah kanak-kanak atau orang dewasa yang cacat keadaan fizikal atau mentalnya sejak lahir atau kesan kemalangan atau penyakit tertentu. Kecacatan fizikal dan mental ini menghalang mereka daripada melakukan aktiviti-aktiviti normal seperti sosial, rekreasi, pelajaran dan pekerjaan. Golongan OKU secara umumnya dapat dikategorikan kepada dua kumpulan utama, iaitu kurang upaya secara kekal dan kurang upaya secara sementara. Walaupun banyak kekurangan yang ada, masyarakat OKU ini tidak harus dipinggirkan kerana mereka juga turut memberi sumbangan kepada negara. Oleh sebab itu, pelbagai usaha patut dilakukan bagi membantu OKU meneruskan kehidupan dengan sempurna. Antara usaha yang dapat dilakukan ialah masyarakat perlu menerima kehadiran golongan kurang upaya ini seadanya dan membantu mereka menjalani kehidupan dengan sebaiknya. Hal ini kerana masyarakat perlu sedar bahawa OKU tidak meminta dilahirkan dalam keadaan yang tidak sempurna malah mempunyai hak untuk hidup sama seperti orang lain. Golongan OKU haruslah diberi layanan yang baik kerana mereka turut mempunyai perasaan yang sama seperti insan lain. Mereka tidak suka dipandang rendah dan dianggap tidak berguna. Namun begitu kita harus melayan mereka secara istimewa dalam keadaan-keadaan tertentu seperti membantu mereka melintas jalan, memberi tempat duduk di dalam kenderaan awam dan sebagainya. Dalam hal ini, ibu bapa berperanan penting dalam mendidik anak-anak dengan nilai-nilai murni seperti kasih sayang, simpati, belas kasihan dan tololong menolong agar mereka dapat membantu OKU dengan seikhlas hati. Selain itu, media massa sama ada media elektronik atau media cetak juga berperanan penting dalam membantu golongan kurang upaya ini. Pihak media massa perlu menyiarangkan artikel dan rancangan khas tentang OKU kepada segenap lapisan masyarakat. Melalui rancangan ini, perasaan masyarakat pasti akan tersentuh dan secara tidak langsung wujud perasaan simpati dan terpanggil untuk menghulurkan bantuan. Dana dan tabung khas disediakan oleh pihak media bagi memudahkan masyarakat menyalurkan bantuan kewangan kepada OKU. Oleh hal yang demikian, nasib OKU akan terbela dan mendapat simpati berterusan daripada masyarakat untuk meneruskan kehidupan mereka. Sesungguhnya, tangan yang memberi lebih baik daripada tangan yang menerima".

- Abu Hanafiah Haji Talip, BSB.

"Dalam membantu dan membela nasib OKU ini, kerajaan atau NGOs dapat membantu OKU dengan memberi peluang kepada mereka untuk mendapatkan kemahiran-kemahiran dalam pelbagai bidang. Golongan OKU diberi peluang mengikuti latihan kemahiran seperti membaiki kenderaan dan peralatan elektrik, membuat kek, keropok, kraf tangan dan sebagainya. Di sini, OKU dilatih dalam pelbagai bidang kemahiran supaya mereka dapat berdikari dan boleh bekerja sama ada makan gaji atau berniaga sendiri. Setelah mantap dalam bidang pekerjaan, mereka akan duduk sama rendah dan berdiri sama tinggi dengan orang lain membantu negara dan tidak lagi menyusahkan orang lain bahkan mampu menyara hidup sendiri dan keluarga. Di samping itu, pihak swasta pula digalakkan mengambil pekerja OKU untuk berkhidmat dalam syarikat mereka. Mereka perlu memberi peluang ini kerana golongan OKU juga mampu menyumbangkan kemahiran yang ada untuk memajukan syarikat tersebut. Kita hendaklah percaya golongan OKU juga ada peranan dan mampu memberi sumbangan bermakna andai diberi peluang dan ruang sewajarnya". - Norazlina Haji Mohd. Arif, Lambak.


Kesimpulannya, golongan OKU sangat memerlukan bantuan daripada kita semua untuk meneruskan dan memajukan diri mereka ke tahap yang lebih baik lagi. Untuk merealisasikan hasrat tersebut, semua pihak terutama kerajaan, swasta dan masyarakat mestilah berganding bahu menjayakan matlamat tersebut. Sekiranya kita tidak bersungguh-sungguh membantu golongan ini sudah pasti mereka akan tersisih dalam era pemodenan negara.

Biskita dialu-alukan menyumbangkan pendapat biskita dengan dua tajuk di bawah, sama ada menggunakan nama sebenar atau nama pena.

Sila e-melkan pendapat biskita ke :
pelita.brunei@information.gov.bn

- i. Media Sosial Teman Atau Lawan.
- ii. Keruntunan Akhlak Remaja.

BDF 2020 berseri dengan pelbagai acara



TIMBALAN Setiausaha Tetap (Pelancongan) Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP) (kiri); Minister Counsellor, Kedutaan Besar Republik Indonesia, Yogyo Pamungkas (tengah) dan Pengiran Norul Isharizza binti Pengiran Hashim (kanan) pada Sidang Media tersebut.

Oleh : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 10 Disember. - Lembaga Pelancongan Brunei menjemput penganjur-penganjur acara di seluruh Negara Brunei Darussalam (NBD) untuk mengadakan berbagai-bagai acara mengikut tema seperti lazimnya yang meliputi Pesta Makanan; Festival Islam; Sukan dan Tahan Lasak; Kebudayaan dan Seni Kreatif serta Rekreasi serta Membeli-belah.

Pada festival tahun ini, sehingga setakat ini, Lembaga Pelancongan Brunei menerima penyertaan sebanyak 88 acara melalui 60 penganjur acara yang ada di NBD.

Daripada jumlah tersebut, pembahagian acara mengikut tema-tema yang ditetapkan adalah seperti Pesta Makanan sebanyak 22 acara; Festival Islam sebanyak dua acara; Sukan dan Tahan Lasak sebanyak 22 acara; Kebudayaan dan Seni Kreatif sebanyak 28 acara dan Rekreasi serta Membeli-belah sebanyak 14 acara.

Timbalan Setiausaha Tetap (Pelancongan) Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP), Awang Wardi bin Haji Mohammad Ali menjelaskan perkara itu pada Sidang Media yang berlangsung di bangunan KSSUP, di sini.

Pesta Makanan merangkumi Pasar Rakyat yang dianjurkan oleh Kedutaan Republik Indonesia di negara ini bermula pada 12 hingga 13 Disember 2020 bertempat di kedutaan berkenaan di mana akan mempamerkan produk-produk Indonesia dan persembahan kebudayaan republik berkenaan.

Manakala Candy Wonderland anjuran AIZ Event Management diadakan pada 21 Disember 2020 hingga 3 Januari 2021 bertempat di Airport Mall dan Festival Makanan Tutong 'Discover Lurah Saban' juga anjuran AIZ Event Management akan diadakan pada 26 hingga 27 Disember di Daerah Tutong. Festival Makanan Tutong ini akan mempamerkan makanan kegemaran tempatan dari Daerah Tutong.

Festival Disember Brunei 2020 (BDF 2020) merupakan inisiatif Lembaga Pelancongan Brunei melalui KSSUP yang bertujuan untuk menyediakan pelbagai aktiviti menarik sepanjang bulan Disember kepada penduduk tempatan untuk bergiat aktif di dalam negara lebih-lebih lagi semasa musim cuti persekolahan.

BDF 2020 bermula sejak tahun 2017 dan tahun ini merupakan ke-4 diadakan di negara ini dengan mengekalkan objektif festival ini iaitu untuk menarik penduduk

tempatan menyertai aktiviti-aktiviti yang diadakan di dalam negara; merangsang pertumbuhan pelancongan domestik; membuka peluang perniagaan untuk pengusaha-pengusaha tempatan dan pihak-pihak yang berkepentingan dan mengetengahkan tempat-tempat pelancongan serta penginapan di negara ini.

Sebagai langkah penjagaan COVID-19 semua pihak penganjur dan syarikat Event Management juga dinasihatkan agar sentiasa berusaha untuk memastikan langkah-langkah pencegahan penularan pandemik COVID-19 dipatuhi seperti menjalankan pemeriksaan suhu badan, menyediakan pensanitasi tangan dan melakukan penjarakan sosial.

Selain itu, tahap keselamatan, kebersihan dan keselesaan pengunjung juga sentiasa dititikberatkan semasa

mengendalikan aktiviti-aktiviti berkenaan.

Dalam pada itu, selain langkah-langkah pencegahan yang telah digariskan melalui garis pandu SOP pihak Kementerian Kesihatan berhubung dengan COVID-19 kepada penganjur-penganjur acara, orang ramai juga turut diingatkan untuk mengambil peranan masing-masing bagi melaksanakan langkah-langkah pencegahan iaitu dengan tidak menghampiri acara yang dikendalikan jika keramaian yang hadir di acara tersebut telah melimpasi had yang ditetapkan iaitu seramai 350 orang.

Orang ramai juga digalakkan untuk merancang perjalanan masing-masing ke acara yang diaturkan pada hari-hari lain yang lebih bersesuaian (pada tarikh dalam tempoh acara tersebut berlangsung).

NASIHAT KEPADA PENIAGA MAKANAN UNTUK MENGURANGKAN PENYEBARAN COVID-19

<p>Amalkan kebersihan diri yang baik semasa mengendalikan makanan.</p>	<p>Kerap mencuci tangan dengan sabun dan air selama tidak kurang dari 20 saat.</p>	<p>Kerap mencuci dan menyah-kuman semua permukaan tempat kerja. Gunakan sabun pencuci atau pembasmi yang mengandungi 60-70% alkohol.</p>
<p>Menyediakan sanitiser tangan bagi pelanggan yang masuk dan keluar dari premis makanan.</p>	<p>Amalkan penjarakan fizikal sekurang-kurangnya 1-2 meter. Elakkan berhubungan rapat dengan sesiapa yang tidak sihat.</p>	<p>Peralatan Perlindungan Peribadi (PPE) seperti penutup muka & sarung tangan boleh mengurangkan penyebaran COVID-19 jika digunakan dengan betul.</p>
<p>Amalkan kebersihan respiratori yang baik. Tutup mulut dan hidung ketika batuk atau bersin. Buang tisu dan cuci tangan.</p>	<p>Pengendali makanan yang tidak sihat hendaklah memaklumkan pengurus & tidak bertugas. jika perlu, hubungi talian 148 untuk mendapatkan nasihat kesihatan</p>	<p>Sediakan garis pandu pengurusan kakitangan yang tidak sihat. Ini termasuk panduan bagi kakitangan yang mula jatuh sakit semasa bertugas di premis makanan.</p>

Tekan kepentingan perancangan awal

Siaran Akhbar dan Foto : Tabung Amanah Pekerja

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 10 Disember. - Tabung Amanah Pekerja (TAP) mengungkayahkan Program Lakastah Bersedia yang bermula pada Rabu, 9 Disember 2020 sehingga Khamis, 10 Disember 2020 bertempat di Dewan Teater, Bangunan Kementerian Kewangan dan Ekonomi, Bandar Seri Begawan, di sini.

Program Lakastah Bersedia adalah merupakan program perancangan persaraan secara komprehensif yang menekankan mengenai kepentingan membuat perancangan persaraan dari segi kewangan dan juga aspek-aspek lain di dalam mempersiapkan peserta lebih awal sebelum melangkah ke alam persaraan.

Sasaran bagi program ini adalah bagi yang akan bersara di dalam tempoh 10 ke 15 tahun akan datang.

Aspek - aspek persiapan persaraan yang dimaksudkan termasuk Perancangan Kewangan, Pengurusan Harta (Faraidh / Hibah / Wasiat), Penjagaan Kesihatan, Perhubungan Kekeluargaan dan Sosial, dan Menghindari dari Penipuan Kewangan.

Penceramah-penceramah yang dijemput bagi menyampaikan kepentingan aspek berkenaan adalah dari Autoriti Monetari Brunei Darussalam (AMBD), Jabatan Hal Ehwal Syariah, Pusat Promosi Kesihatan, Universiti

Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) dan Baiduri Bank Berhad.

Menyentuh mengenai Perancangan Persaraan, TAP menekankan mengenai kepentingan mengenal pasti keperluan dan matlamat persaraan lebih awal bagi membolehkan peserta mengambil tindakan yang sewajarnya demi mencapai matlamat berkenaan.

Ini termasuk mengenal pasti matlamat pendapatan persaraan yang diperlukan oleh peserta untuk mengekalkan gaya hidup semasa bersara nanti.

TAP juga turut mengongsikan mengenai Caruman Sukarela ke dalam simpanan TAP dan / atau simpanan SCP sebagai salah satu cara untuk meningkatkan simpanan persaraan mereka, iaitu dengan menambah caruman lebih daripada kadar mandatori yang ditetapkan.

Ia boleh dibuat secara *online* melalui bank BIBD dan Baiduri Bank dengan memasukkan butiran ahli (nombor akaun TAP atau SCP, dan nombor kad pengenalan).

Program ini juga turut membuka ruangan booth bagi membolehkan ahli mendapatkan maklumat-maklumat dan produk berkaitan perancangan kewangan melalui institusi yang dijemput, iaitu Baiduri Bank Berhad, Insurans Islam TAIB dan Syarikat Great Eastern.

Sesi Ke-3 ini disertai oleh seramai 50 orang yang terdiri



TABUNG Amanah Pekerja semasa mengungkayahkan Program Lakastah Bersedia di Dewan Teater, Bangunan Kementerian Kewangan dan Ekonomi, Bandar Seri Begawan.

Senapang tempuling dijumpai



OPERASI Pumpung JIPK 157 / 2020 yang dijalankan oleh Bahagian Penguatkuasa Undang-Undang, JIPK, Bandar Seri Begawan dan menjumpai dua laras senapang tempuling.

Siaran Akhbar dan Foto :
Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan



OPS Pumpung JIPK 156 / 2020 dijalankan ke atas Projek Pembinaan Rumah Baharu di kawasan Sungai Teraban, Daerah Belait.

Siaran Akhbar dan Foto :
Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan

BELAIT, Rabu, 9 Disember. - Seramai 53 warganegara asing diperiksa semasa OPS Pumpung JIPK 156 / 2020 dijalankan ke atas Projek Pembinaan Rumah Baharu di kawasan Sungai Teraban, Daerah Belait.

Hasil pemeriksaan lanjut, empat warganegara asing ditahan dan akan disiasat di bawah Akta dan Peraturan Imigresen Penggal 17.

Salah seorang darinya gagal mengemukakan sebarang Pas Imigresen yang sah seawaktu pemeriksaan dijalankan.

Manakala 14 warganegara asing

dengan melaksanakan secara berterusan pemantauan, operasi dan pemeriksaan berpandukan kepada maklumat yang ada, sama ada secara bersendirian atau bersama dengan agensi penguatkuasaan yang lain.

Ke arah aktiviti penguatkuasaan tersebut, JIPK mengalukan orang ramai bagi sama-sama memberikan maklumat berhubung dengan pesalah imigresen. Sebarang maklumat dan nama pemberi maklumat akan dirahsiakan sepenuhnya.

Orang ramai boleh menghubungi Hotline JIPK menerusi talian +673 8734888 / +673 8753888 (Bandar Seri Begawan) dan +673 8984111 (Kuala Belait).

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 9 Disember. - Bahagian Penguatkuasa Undang-Undang, Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan (JIPK) bukan sahaja membuat operasi di darat, malah pihak JIPK juga turut mengadakan operasi di kawasan perairan Negara Brunei Darussalam.

Operasi Pumpung JIPK 157 / 2020 yang dijalankan oleh Bahagian Penguatkuasa Undang-Undang, JIPK, Bandar Seri Begawan kali ini menyasarkan sebuah sangkar ikan di kawasan Pulau Pelumpong Muara.

Operasi yang dijalankan pada jam 1.30 petang tersebut diketuai oleh Pemangku Ketua Pegawai Imigresen berserta lapan pegawai Penguatkuasa Undang-Undang.

Seramai tujuh warganegara asing yang bekerja di sangkar ikan tersebut telah diperiksa oleh pihak Penguatkuasa Undang-Undang JIPK.

Ketujuh-tujuh warga asing tersebut ditahan dan disiasat di bawah Akta dan Peraturan Imigresen Penggal 17, manakala pihak majikan juga dipanggil bagi membantu siasatan.

Pemeriksaan lanjut juga dibuat ke atas bilik-bilik tidur di sangkar ikan tersebut, di mana pihak Penguatkuasa Undang-Undang, JIPK menjumpai dua laras senapang tempuling.

Kes ini telah dipanjangkan dan diambil alih siasatannya oleh Bahagian Penguatkuasa, Jabatan Perikanan.

Aktiviti Penguatkuasaan terus dipertingkatkan di negara ini dengan melaksanakan secara berterusan pemantauan, operasi dan pemeriksaan berpandukan kepada maklumat yang ada, sama ada secara bersendirian atau bersama dengan agensi penguatkuasaan yang lain.

Ke arah Aktiviti Penguatkuasaan tersebut, JIPK mengalukan orang ramai bagi sama-sama memberikan maklumat berhubung dengan pesalah imigresen.

Sebarang maklumat dan nama pemberi maklumat akan dirahsiakan sepenuhnya dengan menghubungi Hotline JIPK menerusi talian +673 8734888 dan +673 8753888.

Tayangan eksklusif 'Serpihan Masa Lalu' menerusi Progresif Media



SETIAUSAHA Tetap (Kemasyarakatan dan Kebudayaan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) (kiri) menyampaikan *mock cheques* kepada The Creative Core BN pada majlis tersebut.

JERUDONG, Jumaat, 11 Disember. - Kira-kira 97 tetamu undangan hadir menyaksikan Tayangan Perdana 'Serpihan Masa Lalu', yang diadakan oleh Progresif Media, di The Empire Cineplex, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat, seterusnya menyaksikan tayangan

tersebut, Setiausaha Tetap (Kemasyarakatan dan Kebudayaan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Dayang Hajah Nor Ashikin binti Haji Johari.

Tayangan pertama eksklusif 'Serpihan Masa Lalu' melalui streaming bagi aplikasi

mudah alih Progresif tersebut menceritakan kisah persahabatan, cinta dan patah hati, berlatar belakang keindahan tempat-tempat menarik di negara ini.

'Serpihan Masa Lalu' mengandungi tiga siri (episod), mengisahkan seorang wanita, bernama Dalilah (Waafiqah Abu Bakar), berumur 21 tahun yang suka membaca buku (ulat buku), di mana beliau didorong oleh rakan-rakannya untuk meneroka alam semesta, termasuk percintaan.

Terbitan ini adalah usaha sama Progresif Media dengan kerjasama di antara Vertex Films, NHAT Studio dan Kashf Kreatif, dibintangi oleh para pelakon tempatan, terdiri daripada Wafiqah Abu Bakar, Safwan Sofian, Hamizan Iman, Yaseerah Husny, Selina Khoo, Amir Shamri, Ayesha Said, Aiman Mateen dan Fakrul Razi.

Selepas Tayangan Perdana, tetamu kehormat kemudiannya menyampaikan *mock cheques* kepada Brunei Brurealism Pictures, Farhi Productions, Filterworks Productions, Origin Artistic Management, PESTAB

Entertainment, Regal Blue Production, Radio Television Brunei (RTB), The Creative Core BN dan Visual Dimension Productions.

Acara itu diakhiri dengan sesi soal jawab di antara pengarah dan pelakon-pelakon 'Serpihan Masa Lalu' bersama jemputan yang hadir.

Ketua Progresif Media, Olivia Ong, dalam kenyataannya, berpuas hati dengan aplikasi mudah alih tersebut, di mana ia sebagai platform dalam pengisian terbaik, pencipta juga kebudayaan, sekali gus membolehkan pencipta tempatan meraih kejayaan tanpa perlu kepada 100,000 langganan menerusi YouTube.



SETIAUSAHA Tetap (Kemasyarakatan dan Kebudayaan), KKBS semasa hadir pada Tayangan Perdana 'Serpihan Masa Lalu', yang diadakan oleh Progresif Media, di The Empire Cineplex.

Teguh realisasikan ASEAN bebas dadah

Siaran Akbar dan Foto : Biro Kawalan Narkotik

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 10 Disember. - Mesyuarat Reconvened Commission on Narcotic Drugs (CND) Ke-63 diadakan pada 2 hingga 4 Disember lalu secara maya.

Mesyuarat tersebut dipengerusikan oleh Perwakilan Tetap Pakistan di United Nation, Vienna, Tuan Yang Terutama Ambasador Mansoor Ahmad Khan.

Mesyuarat CND ini ditubuhkan oleh Economic and Social Council (ECOSOC) melalui Resolusi 9(1) pada 16 Februari 1946 sebagai badan yang memantau dan meneliti dasar berhubung dengan dadah serta pelaksanaan ketiga-tiga konvensyen dadah iaitu Single Convention on Narcotic Drugs 1961, Convention on Psychotropic Substances 1971 dan United Nations Convention against Illicit Traffic in Narcotic Drugs and Psychotropic Substances 1988.

Sesi mesyuarat pada kali ini adalah untuk menyaksikan sesi pengundian mengenai enam cadangan rekomendasi World Health Organization (WHO) Expert Committee on Drug Dependence (ECDD) berhubung memadamkan dan merubah pada penjadualan Kanabis serta *cannabis-related substances* di dalam Single Convention on Narcotics Drug 1961 dan Convention on Psychotropic Substances 1971.

Biro Kawalan Narkotik (BKN) bersama pihak Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Kementerian Kesihatan mengikuti perbincangan mendalam bagi cadangan tersebut melalui tiga Mesyuarat Topical dan di Mesyuarat 2nd Intersessional yang diadakan semenjak bulan Jun secara maya.

Di sepanjang mesyuarat-

mesyuarat tersebut, Negara Brunei Darussalam (NBD) memandang serius akan isu ini dan menegaskan kedudukan NBD dengan membantah enam cadangan rekomendasi tersebut.

BKN menekankan bahawa NBD tetap teguh di bawah pendirian pendekatan toleransi sifar bagi menjamin masa depan kemaslahatan warga dan penduduk daripada kesan dan bahaya ancaman penyalahgunaan dadah bagi merealisasikan aspirasi ASEAN Bebas Dadah.

Pada 2 Disember 2020, hasil daripada pengundian daripada 53 buah negara Ahli CND, hanya satu cadangan bagi pemadaman Kanabis dan Kanabis Resin daripada Schedule IV daripada Single Convention on Narcotics Drug 1961 diterima iaitu dengan meraih undian sokongan daripada 27 buah negara. Namun, Kanabis dan Kanabis Resin masih kekal di dalam Schedule I, Single Convention on Narcotics Drug 1961.

Penerimaan cadangan ini membolehkan akses kepada penggunaan dadah ganja bagi tujuan perubatan dan kajian sahaja serta masih kekal di bawah kawalan dan pemantauan antarabangsa.

Mesyuarat ini dihadiri oleh Pengarah BKN, Mohd. Zalani bin Ismail sebagai Ketua Delegasi dan turut dihadiri oleh pegawai-pegawai kanan daripada BKN, JPM dan Kementerian Kesihatan.

NBD menggunakan pakai strategi pengurangan bekalan dan permintaan dadah melalui penguatkuasaan undang-undang jenayah dadah dan dalam masa yang sama meningkatkan program pendidikan Pencegahan dadah

MESYUARAT Reconvened Commission on Narcotic Drugs (CND) Ke-63 diadakan pada 2 hingga 4 Disember lalu secara maya dan dipengerusikan oleh Perwakilan Tetap Pakistan di United Nation, Vienna, Tuan Yang Terutama Ambassador Mansoor Ahmad Khan.

menahan 26 orang disyaki terlibat dengan penyalahgunaan dadah jenis ganja dan merampas sebanyak 1.247kg yang dipercurai dadah jenis ganja.



TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :

1. 'Penulisan Kreatif Kembangkan Daya Pemikiran'. Tarikh Tutup : 16 Disember 2020
2. 'Tingkat Kesedaran Kesihatan Mental Masyarakat'. Tarikh Tutup : 23 Disember 2020
3. 'Rasuh Mendatangkan Kesan Buruk'. Tarikh Tutup : 30 Disember 2020

TERMA DAN SYARAT :

1. Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan 15 hingga 40 tahun, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Pendapat awda hendaklah ditarik jarak **langkah dua baris** dan panjang pendapat awda mestilah antara 200 hingga 300 patah perkataan.
3. **Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon** hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA

Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan Lapangan Terbang Lama, Berakas Bandar Seri Begawan, BB3510 Negara Brunei Darussalam atau melalui e-mel :


pelita.brunei@information.gov.bn

Menangi

BND75

SETIAP MINGGU

Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang



MARILAH kita bertakwa ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala dengan sebenar-benar takwa, dengan melaksanakan segala perintah-Nya dan menjauhi segala larangan-Nya iaitu mentaati Allah Subhanahu Wata'ala dan Rasul-Nya. Berpegang teguh dengan ajaran Al-Quran dan mengikuti sunnah Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang berjaya, selamat dan bahagia di dunia dan juga di akhirat.

Dalam usaha kita untuk mencapai kejayaan, kita hendaklah sentiasa berhati-hati dan memastikan bawahan kita memperoleh kejayaan itu ialah dengan cara yang betul, tidak menyalahi hukum syarak dan juga undang-undang negara seperti mencuri, pecah amanah dan termasuklah juga rasuah.

Perlu diketahui, bahawa rasuah merupakan antara perbuatan yang keji dan dilarang dalam agama kita. Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Baqarah, ayat 188 :

Tafsirnya : "Dan janganlah kamu makan harta (orang lain) antara kamu dengan jalan yang batil dan janganlah kamu menghulurkan harta kamu (memberi rasuah) kepada hakim-hakim supaya kamu dapat mengambil sebahagian daripada harta orang dengan cara berbuat dosa padahal kamu mengetahui salahnya".

Rasuah merupakan penyakit masyarakat yang wajib untuk dicegah. Ini kerana rasuah itu banyak mendatangkan kesan yang buruk, bukan sahaja terhadap individu bahkan juga pada masyarakat dan juga negara. Antara kesan-kesan buruk rasuah itu ialah seperti :

Pertama : Kesan rasuah terhadap individu

Individu yang melakukan rasuah itu boleh menyebabkan kesusahan kepada dirinya sendiri seperti hilang pekerjaan, hilang kedudukan, hilang maruah, dipenjara dan seumpamanya.

Kedua : Kesan rasuah terhadap masyarakat

Rasuah mengakibatkan kezaliman dan ketidakadilan dalam kalangan masyarakat. Ini disebabkan rasuah itu mengelepikan hak-hak orang tertentu seperti orang yang tidak mempunyai kelayakan untuk memikul suatu amanah atau pekerjaan itu boleh menjadi layak.

Ketiga : Kesan rasuah terhadap organisasi

Rasuah itu menjadikan kecekapan dan integriti dalam pentadbiran. Sebagai contoh, jika seseorang itu telah diberi amanah akan tetapi ia melakukan

perbuatan khianat dan mengamalkan rasuah dalam pentadbiran. Maka perkara ini sudah setentunya akan menjadikan keselamatan sesebuah organisasi mahupun negara kerana segala prosedur kerja, peraturan dan undang-undang tidak dipatuhi sehingga perkara yang ditegah dan dilarang itu dibenarkan dan perkara yang haram itu dianggap sebagai sesuatu yang halal.

Individu yang memberi dan menerima rasuah itu bukan sahaja mendapat dosa besar, bahkan juga mendapat lakan Allah Subhanahu Wata'ala. Daripada Abdullah bin Amru Radiallahu Anhu, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda :

Maksudnya : "Lakan Allah ke atas pemberi rasuah dan penerima rasuah". (Hadis Riwayat Imam Ibnu Majah)

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah sempena dengan Sambutan Maulid Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam 1442 Hijrah / 2020 Masih :

"Satu contoh, antara akhlak-akhlak Rasulullah ialah mengharamkan rasuah. Sekiranya akhlak ini dipakai dan berjalan mantap dalam negara, maka sudah tentu ia akan menjadikan sesebuah negara yang sejahtera lagi bahagia.

"Memang tidak diragukan lagi, negara yang bebas dari rasuah adalah negara yang berkat, penuh dengan rahmat serta terlepas daripada lakan," demikian baginda bertitah.

Negara Brunei Darussalam memandang serius akan kesalahan rasuah kerana ia adalah virus berbahaya yang mestilah dibendung dan dicegah penularannya. Justeru, dalam usaha untuk membanteras rasuah di bumi Darussalam ini. Akta

Pencegahan Rasuah, Penggal 131 telah diperkenalkan yang memperuntukkan hukuman maksima BND30,000 dan tujuh tahun penjara bagi sesiapa saja yang sabit kesalahan rasuah.

Rasuah itu amat berbahaya. Bahayanya adalah amat besar sehingga melibatkan bangsa dan juga negara. Oleh yang demikian, hindarkanlah diri, bangsa dan negara kita dari gejala rasuah. Sebagai umat Islam, kita hendaklah menjauhi dan menghindarkan diri daripada perbuatan rasuah yang ditegah dan dilarang oleh Allah Subhanahu Wata'ala.

Bersempena dengan Hari Anti-Rasuah Antarabangsa yang disambut setiap tahun pada 9 hari bulan Disember. Marilah kita bersama-sama berganding bahu dalam memerangi gejala rasuah dengan melaporkan kegiatan tersebut pada Biro Mencegah Rasuah jika kita mengetahui atau mempunyai sebarang maklumat mengenainya.

Akhirnya, marilah kita berdoa, supaya kita dijauahkan daripada melakukan perbuatan keji seperti rasuah dengan sentiasa menanamkan sikap amanah, jujur dan ikhlas dalam setiap tugas dan pekerjaan serta sentiasa tolong-menolong dalam perkara kebaikan dan mencegah dari berbuat kejahatan. Mudah-mudahan dengan yang demikian kita akan mendapat keredaan, keberkatan dan rahmat yang berpanjangan daripada Allah Subhanahu Wata'ala. Amin Ya Rabbal Alamin.

Tafsirnya : "Dan tolong-menolonglah kamu dalam kebaikan dan ketakwaan dan janganlah tolong-menolong dalam dosa dan permusuhan (melanggar hukum-hukum Allah). Dan bertakwalah kepada Allah. Sesungguhnya Allah sangat berat sekannya". (Surah Al-Maidah, ayat 2)

Bahaya rasuah

Doa Kesukuran sempena Penubuhan Masjid YSHHB

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmad

Foto : Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 11 Disember. - Masjid Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB), Kampung Bolkiah 'A' meraikan Penubuhannya Ke-20 Tahun setelah terbinanya pada 20 Oktober 2000.

Sehubungan itu, Majlis Doa Kesukuran diadakan hari ini dan dihadiri oleh Pemangku Pengarah Hal Ehwal Masjid, Awang Haji Amir Hisham bin Haji Masri (dua, kanan) hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Doa Kesukuran sempena Penubuhan Masjid Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB) Ke-20 Tahun dan Penyerahan Surat Lantikan Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid YSHHB Sesi 2020-2022.

Setentunya komitmen AJK amat penting dalam menjayakan aktiviti takmir masjid kerana setiap kejayaan tidak akan dapat dicapai jika hanya satu pihak saja yang bergerak secara sendirian. Justeru dengan kerjasama kedua-dua pihak akan menjadikan masjid menjadi gilang-gemilang dengan pelbagai aktiviti.

Pentakmiran masjid juga bukan hanya dengan memperbanyak aktiviti-aktiviti yang berbentuk peraduan dan pertandingan yang dianjurkan tetapi meliputi pentakmiran secara keseluruhan khususnya aktiviti-aktiviti yang berkaitan dengan pelaksanaan ibadah seperti sembahyang lima waktu, kuliah-kuliah ilmu dan lain-lain lagi.

Selain itu, majlis juga diimarahkan dengan bacaan Surah Yaa Siin yang dikepalai oleh Awang Assraffie bin Haji Ibrahim sementara Dikir Asyraqal dipimpin oleh Bilal Masjid, Awang Mohammad bin Rosdin.



PEMANGKU Pengarah Hal Ehwal Masjid, Awang Haji Amir Hisham bin Haji Masri (dua, kanan) hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Doa Kesukuran sempena Penubuhan Masjid Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB) Ke-20 Tahun dan Penyerahan Surat Lantikan Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid YSHHB Sesi 2020-2022.



Wujudkan penulis generasi baharu berbakat, lebih kreatif

BERAKAS, Rabu, 9 Disember. - Seramai 29 peserta Program Penulis Muda 2020 (Bengkel Penulisan Cerpen) menerima sijil masing-masing pada Majlis Penutupan Penulis Muda, berlangsung di Balai Sarmayuda, Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), di sini.

Sijil-sijil kepada para peserta disampaikan oleh Ketua Bahagian Sastera dan Majalah, DBP, Dr. Haji Mohd. Ali bin Haji Radin selaku wakil tetamu khas Pemangku Pengarah DBP, Awang Suip

bin Haji Abdul Wahab.

Terdahulu, beliau menyampaikan hadiah-hadiah kepada para peserta yang memenangi Cerpen Terbaik.

Sementara itu, dalam ucapan Ketua Bahagian Sastera dan Majalah, DBP, Dr. Haji Mohd. Ali selaku Pengurus Program Penulis Muda 2020 melahirkan rasa gembira kerana para peserta menunjukkan komitmen dan kesungguhan yang tinggi sebagai seorang penulis.

"Saya sangat berharap segala

ilmu yang diajarkan dan pengalaman yang diperoleh para peserta sepanjang bengkel ini akan memberi manfaat dan dapat membantu mereka dalam menghasilkan karya sastera, terutamanya cerpen yang lebih baik serta berkualiti di masa hadapan," jelas beliau.

Menurutnya, hasil daripada Program Penulis Muda sejak tiga kali bengkel diadakan, banyak memberikan kesedaran kepada masyarakat umum, terutama golongan muda terhadap sastera.

Jelasnya lagi, beberapa orang peserta bengkel berjaya menerbitkan hasil karyanya, seperti sajak dan cerpen, di majalah Bahana DBP hingga diwujudkan satu ruangan khusus, 'Suara Penulis Muda'.

Beliau juga berkata, ia merupakan satu perkembangan yang baik kerana dalam jangka yang pendek, program ini berjaya menghasilkan beberapa orang penulis berbakat dan kreatif.

Dalam pada itu, beliau memaklumkan bahawa, DBP melalui Bahagian Sastera dan Majalah akan merasmikan dan melaksanakan satu lagi projek baru, iaitu 'Akademi Penulisan

Kreatif', mulai Tahun 2021.

Projek itu, ujar beliau, merupakan kesinambungan daripada Program Penulis Muda, tetapi akademi berkenaan lebih memfokuskan kepada bentuk 'kuliah' bagi genre sastera, seperti sajak, cerpen, novel, drama dan kritikan / esei sastera.

"Akademi Penulisan Kreatif akan dilaksanakan setiap tahun. Kuliah akan bermula Januari hingga Disember, iaitu sekali setiap minggu, sama ada Jumaat atau minggu, dua jam setiap satu sesi, selama satu tahun dalam Fasa Pertama," ujar beliau.

Beliau memberitahu, kuliah dibahagikan kepada tiga peringkat setiap empat bulan, iaitu peringkat permulaan pada Januari hingga April; peringkat pertengahan bermula Mei hingga Ogos; dan peringkat lanjutan bermula September hingga Disember, di mana akan dibimbing oleh pakar dari dalam negara.

Beliau turut menyeru kepada semua penulis muda supaya dapat menyertai akademi ini kerana ia adalah satu bentuk kuliah sastera jangka panjang yang memberi manfaat besar kepada pemintas sastera di negara ini di masa



KETUA Bahagian Sastera dan Majalah, DBP, Dr. Haji Mohd. Ali bin Haji Radin selaku Pengurus Program Penulis Muda 2020 semasa berucap.

hadapan.

Program Penulis Muda 2020 (Bengkel Penulisan Cerpen) diadakan selama tiga hari, bermula 7 Disember 2020.

Program Penulis Muda merupakan projek tahunan DBP melalui Bahagian Sastera dan Majalah bagi mewujudkan sumber manusia dan mampu menambah jumlah penulis generasi baharu tanah air berbakat juga berpotensi dengan imej yang lebih dinamik, agresif dan kreatif.



ANTARA peserta Program Penulis Muda 2020 (Bengkel Penulisan Cerpen) pada majlis penutupan tersebut.

KETUA Bahagian Sastera dan Majalah, DBP selaku wakil tetamu khas Pemangku Pengarah DBP, Awang Suip bin Haji Abdul Wahab menyampaikan sijil kepada peserta program yang diraikan.

Promosi kesedaran, tingkat pengetahuan pembinaan

Siaran Akhbar dan Foto :
Ihsan Pertubuhan Ukur Jurutera dan Arkitek

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 9 Disember. - PUJA Academy Sdn. Bhd. dengan kerjasama Readymix Concrete (B) Sdn. Bhd. mengadakan Lawatan Teknikal bagi Ahli-ahli PUJA ke Readymix Sungai Akar Concrete Batching Facilities, di Sungai Akar.

Para pelatih yang sedang menjalani MISC (Construction) RCC-Visor Bridging Programs juga dijemput untuk menyertai lawatan tersebut.

Readymix Concrete (B) Sdn. Bhd. adalah pengeluar konkrit dan bahan mentah terkemuka di Brunei dengan kenderaan-kenderaan berat dan kilang batching terbesar.

Program - program itu diperkembangkan bagi Mempromosikan Kesedaran,

Meningkatkan Pengetahuan dan Menambahkan Pengalaman' Berkaitan Pembinaan.

Seramai 40 peserta menghadiri sesi setengah hari itu dan dua lawatan tambahan akan diadakan pada 16 dan 19 Disember nanti.

Taklimat disampaikan oleh Pengurus Teknikal Readymix, Mr. Howell Dosal Carcillar.

Program lawatan ini termasuk mempromosikan kesedaran mengenai teknologi konkrit dan reka bentuk campuran; meningkatkan pengetahuan mengenai batching konkrit; dan meningkatkan pengalaman batching juga prosedur-prosedur pengujian.



SESI bergambar ramai pada Lawatan Teknikal bagi Ahli-ahli PUJA ke Readymix Sungai Akar Concrete Batching Facilities, di Sungai Akar yang diadakan oleh PUJA Academy Sdn. Bhd. dengan kerjasama Readymix Concrete (B)

MAKLUMAN

IKLAN JAWATAN KOSONG

MAKLUMAT LANJUT MENGENAI KEKOSONGAN JAWATAN, SYARAT-SYARAT KELAYAKKAN SERTA HURAIAN TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB BOLEH DILAYARI WWW.RECRUITMENT.GOV.BN ATAU DENGAN MENGIMBAS KOD QR DI BAWAH.



LIHAT IKLAN
JAWATAN KOSONG



PSC.BN

+673 7371961

PSC.BN

PSC.BN

query@spa.gov.bn



JABATAN RADIO
TELEVISYEN BRUNEI
JABATAN PERDANA MENTERI



NOTIS SEBUT HARGA
BILANGAN TAWARAN :
RTB / 17 / 2020

TAJUK TAWARAN :
SUPPLY, DELIVERY,
INSTALLATION, TESTING
AND COMMISSIONING OF
NEWS PRODUCTION FACILITIES
FOR ASEAN SUMMIT 2021

Tarikh Tutup :
Selasa, 5 Januari 2021
(2.00 Petang)



JABATAN KASTAM DAN EKSAIS DIRAJA
KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI

JABATAN KASTAM
DAN EKSAIS DIRAJA
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

LANJUTAN

TAWARAN KASTAM 25 / 2020

TAWARAN PERKHIDMATAN
CUBE
IBU PEJABAT KASTAM
DAN EKSAIS DIRAJA,
JALAN MENTERI BESAR,
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

TARIKH TUTUP :
Selasa, 15 Disember 2020.

[jam 2.00 Petang]



KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI

PEMBERITAHUAN TAWARAN
KEMENTERIAN KEWANGAN
DAN EKONOMI
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Tajuk Tawaran :

LANDSCAPE MAINTENANCE
AT MINISTRY OF FINANCE
AND ECONOMY BUILDING
FOR A PERIOD OF 36 MONTHS,
COMMONWEALTH DRIVE,
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Bilangan Tawaran :
MOFE / T / 2020-4

TARIKH TUTUP :
 Isnin, 21 Disember 2020



Tidak lewat dari jam 2.00 Petang



JABATAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

DIBUKAKAN KEPADA
PEMBORONG-PEMBORONG
YANG BERDAFTAR DENGAN
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN
DI DALAM KELAS: IV / V

KATEGORI : M01

BILANGAN TAWARAN :
JKR / DME / 34 / BPB / 2020

NAMA PROJEK :
PENGGANTIAN DAN
Pemasangan Baru
Jentera-Jentera
Dan Alat-Alat
Penghawa Dingin
Jenis Central
Bagi Bangunan
Pejabat Suruhanjaya
Perkhidmatan Awam



TARIKH TUTUP :
12 JANUARI 2021 (SELASA)
TIDAK LEWAT DARI
JAM 2.00 PETANG

1. BIL. TAWARAN :
KHEU / BDP / 164 / 251 / 2020

TAJUK :
TERM CONTRACT 12 MONTHS
FOR GRASS CUTTING
AND
GROUND MAINTENANCE
WORKS AT
TANAH PERKUBURAN
ISLAM PULAI,
KAMPUNG ORANG KAYA
BESAR IMAS,
DAERAH BRUNEI MUARA,
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

TARIKH TUTUP :



RABU, 16 DISEMBER 2020,
2.00 PETANG

IKLAN



MAHKAMAH PEGAWAI WARIS KUALA BELAIT

DI DALAM MAHKAMAH PEGAWAI WARIS, KUALA BELAIT

SURAT KUASA PUSAKA NO. :
LA / KB / 85 / 2020

KENYATAAN

Bahawa permohonan kepada mahkamah ini telah diperbuat oleh **CHIEW HOONG YING DAN HONG GEOK CHENG** pusaka yang dipunyai oleh **JUNCHIN BIN LINGGANG** yang telah meninggal dunia di NEGARA BRUNEI DARUSSALAM dengan sebab iaitu si pemohon ialah **PEMEGANG AMANAH SURAT KUASA PENTADBIR** kepada si mati.

Oleh itu, kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan di dalam MAHKAMAH KUALA BELAIT pada 24 DISEMBER 2020, jam 8.00 Pagi.

Orang-orang yang berhak di dalam harta pusaka si mati itu dikehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di atas.

Sesiapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada **PEJABAT PENDAFTARAN WARIS, KUALA BELAIT** sebelum tarikh yang tersebut di atas.

Bertarikh : 7 Disember 2020.

SURAT KUASA PUSAKA NO. :
LA / KB / 86 / 2020

KENYATAAN

Bahawa permohonan kepada mahkamah ini telah diperbuat oleh **HOON FONG MAN** pusaka yang dipunyai oleh **CHEW FONG LIAN** yang telah meninggal dunia di NEGARA BRUNEI DARUSSALAM dengan sebab iaitu si pemohon ialah **ANAK** kepada si mati.

Oleh itu, kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan di dalam MAHKAMAH KUALA BELAIT pada 24 DISEMBER 2020, jam 8.00 Pagi.

Orang-orang yang berhak di dalam harta pusaka si mati itu dikehendaki hadir dan

menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di atas.

Sesiapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada **PEJABAT PENDAFTARAN WARIS, KUALA BELAIT** sebelum tarikh yang tersebut di atas.

Bertarikh : 7 Disember 2020.

SURAT KUASA PUSAKA NO. :
LA / KB / 87 / 2020

KENYATAAN

Bahawa permohonan kepada mahkamah ini telah diperbuat oleh **NORAINI BINTI BARAHIM** pusaka yang dipunyai oleh **MOHAMMAD SUFIAN BIN HAJI ANGGAS** yang telah meninggal dunia di NEGARA BRUNEI DARUSSALAM dengan sebab iaitu si pemohon ialah **BALU** kepada si mati.

Oleh itu, kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan di dalam MAHKAMAH KUALA BELAIT pada 24 DISEMBER 2020, jam 8.00 Pagi.

Orang-orang yang berhak di dalam harta pusaka si mati itu dikehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di atas.

Sesiapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada **PEJABAT PENDAFTARAN WARIS, KUALA BELAIT** sebelum tarikh yang tersebut di atas.

Bertarikh : 7 Disember 2020.

SURAT KUASA PUSAKA NO. :
LA / KB / 89 / 2020

KENYATAAN

Bahawa permohonan kepada mahkamah ini telah diperbuat oleh **FATINAH BINTI SABUDIN** pusaka yang dipunyai oleh **NORLIHA BINTI HAJI AWANG ZUNAIDI** yang telah meninggal dunia di NEGARA BRUNEI DARUSSALAM dengan sebab iaitu si pemohon ialah

ANAK kepada si mati.

Oleh itu, kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan di dalam MAHKAMAH KUALA BELAIT pada 24 DISEMBER 2020, jam 8.00 Pagi.

Orang-orang yang berhak di dalam harta pusaka si mati itu dikehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di atas.

Sesiapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada **PEJABAT PENDAFTARAN WARIS, KUALA BELAIT** sebelum tarikh yang tersebut di atas.

Bertarikh : 7 Disember 2020.

SURAT KUASA PUSAKA NO. :
LA / KB / 90 / 2020

KENYATAAN

Bahawa permohonan kepada mahkamah ini telah diperbuat oleh **NORLIZA BINTI AWG MD BUNTAR** pusaka yang dipunyai oleh **RADZALI BIN HAJI TIMBANG** yang telah meninggal dunia di NEGARA BRUNEI DARUSSALAM dengan sebab iaitu si pemohon ialah **BALU** kepada si mati.

Oleh itu, kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan di dalam MAHKAMAH KUALA BELAIT pada 24 DISEMBER 2020, jam 8.00 Pagi.

Orang-orang yang berhak di dalam harta pusaka si mati itu dikehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di atas.

Sesiapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada **PEJABAT PENDAFTARAN WARIS, KUALA BELAIT** sebelum tarikh yang tersebut di atas.

Bertarikh : 7 Disember 2020.

SURAT KUASA PUSAKA NO. :
LA / KB / 91 / 2020

KENYATAAN

Bahawa permohonan kepada mahkamah ini telah diperbuat oleh **DONNY ANAK LABAU** pusaka yang dipunyai oleh **ELLEN ANAK BONGKONG** yang telah meninggal dunia di NEGARA BRUNEI

DARUSSALAM dengan sebab iaitu si pemohon ialah **SUAMI** kepada si mati.

Oleh itu, kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan di dalam MAHKAMAH KUALA BELAIT pada 24 DISEMBER 2020, jam 8.00 Pagi.

Orang-orang yang berhak di dalam harta pusaka si mati itu dikehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di atas.

Sesiapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada **PEJABAT PENDAFTARAN WARIS, KUALA BELAIT** sebelum tarikh yang tersebut di atas.

Bertarikh : 7 Disember 2020.

SURAT KUASA PUSAKA NO. :
LA / KB / 92 / 2020

KENYATAAN

Bahawa permohonan kepada mahkamah ini telah diperbuat oleh **LIN SIEW PHIN** pusaka yang dipunyai oleh **KOK SIP FATT @KOK PIER MAW** yang telah meninggal dunia di NEGARA BRUNEI DARUSSALAM dengan sebab iaitu si pemohon ialah **BALU** kepada si mati.

Oleh itu, kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan di dalam MAHKAMAH KUALA BELAIT pada 24 DISEMBER 2020, jam 8.00 Pagi.

Orang-orang yang berhak di dalam harta pusaka si mati itu dikehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di atas.

Sesiapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada **PEJABAT PENDAFTARAN WARIS, KUALA BELAIT** sebelum tarikh yang tersebut di atas.

Bertarikh : 7 Disember 2020.



JABATAN RADIO TELEVISYEN BRUNEI JABATAN PERDANA MENTERI

NOTIS TAWARAN

1. TENDER NO : RTB / 09 / 2020

PERKHIDMATAN PENERBITAN RANCANGAN-RANCANGAN SUKAN,
BAHAGIAN BERITA DAN HAL EHWAL SEMASA, RADIO TELEVISYEN BRUNEI BAGI TEMPOH DUA (2) TAHUN.

2. TENDER NO : RTB / 10 / 2020

PERKHIDMATAN PENERBITAN RANCANGAN-RANCANGAN MAJALAH,
BAHAGIAN BERITA DAN HAL EHWAL SEMASA, RADIO TELEVISYEN BRUNEI BAGI TEMPOH DUA (2) TAHUN.

3. TENDER NO : RTB / 11 / 2020

PERKHIDMATAN PENERBITAN RANCANGAN-RANCANGAN HAL EHWAL SEMASA, BAHAGIAN BERITA DAN HAL EHWAL SEMASA,

RADIO TELEVISYEN BRUNEI BAGI TEMPOH DUA (2) TAHUN.

4. TENDER NO : RTB / 12 / 2020

PERKHIDMATAN PENERBITAN RANCANGAN-RANCANGAN DOKUMENTARI, BAHAGIAN BERITA DAN HAL EHWAL SEMASA, RADIO TELEVISYEN BRUNEI BAGI TEMPOH DUA (2) TAHUN.

5. TENDER NO : RTB / 13 / 2020

PERKHIDMATAN PENERBITAN RANCANGAN-RANCANGAN BAHAGIAN BERITA DAN HAL EHWAL SEMASA, RADIO TELEVISYEN BRUNEI DAERAH TUTONG BAGI TEMPOH DUA (2) TAHUN.

6. TENDER NO : RTB / 14 / 2020

PERKHIDMATAN PENERBITAN RANCANGAN-RANCANGAN, BAHAGIAN BERITA DAN HAL EHWAL SEMASA, RADIO TELEVISYEN BRUNEI DAERAH TEMBURONG BAGI TEMPOH DUA (2) TAHUN.



DAN HAL EHWAL SEMASA,
RADIO TELEVISYEN BRUNEI
DAERAH BELAIT
BAGI TEMPOH DUA (2) TAHUN.

7. TENDER NO : RTB / 15 / 2020

PERKHIDMATAN PENERBITAN RANCANGAN-RANCANGAN, BAHAGIAN BERITA DAN HAL EHWAL SEMASA, RADIO TELEVISYEN BRUNEI DAERAH TEMBURONG BAGI TEMPOH DUA (2) TAHUN.

TARIKH TUTUP :
Selasa, 5 Januari 2021
[jam 2.00 Petang]



JABATAN RADIO TELEVISYEN BRUNEI JABATAN PERDANA MENTERI PEMBERITAHUAN TAWARAN

BILANGAN TAWARAN : RTB / 16 / 2020

TAJUK TAWARAN :
SUPPLY, DELIVERY,
INSTALLATION,
TESTING AND
COMMISSIONING OF
INTERNATIONAL BROADCAST
CENTER (IBC) FOR
ASEAN SUMMIT 2021

TARIKH TUTUP :
Selasa, 19 Januari 2021
(2.00 Petang)




KEMENTERIAN KESIHATAN

**PEMBERITAHUAN TAWARAN
KEMENTERIAN KESIHATAN**
1. BIL. TAWARAN :
KK / 164 / 2020 / 2021 / JPR (TC)

KETERANGAN :
SUPPLY AND DELIVERY OF
BICARBONATE DIALYSATE
PART A AND PART B
FOR DEPARTMENT OF
RENAL SERVICES,
MINISTRY OF HEALTH
FOR A PERIOD OF THREE
(3) YEARS

2. BIL. TAWARAN :
KK / 165 / 2020 / 2021 / JPR (TC)

KETERANGAN :
SUPPLY AND DELIVERY OF
CONSUMABLE ITEMS FOR
DEPARTMENT OF RENAL
SERVICES,
MINISTRY OF HEALTH
FOR A PERIOD OF THREE
(3) YEARS

3. BIL. TAWARAN :
KK / 166 / 2020 / 2021 / JPR (TC)

KETERANGAN :
SUPPLY AND DELIVERY OF
CONSUMABLE ITEMS FOR
DEPARTMENT OF RENAL
SERVICES,
MINISTRY OF HEALTH
FOR A PERIOD OF THREE
(3) YEARS

4. BIL. TAWARAN :
KK / 167 / 2020 / 2021 / LAB (TC)

KETERANGAN :
TO SUPPLY AND DELIVER
LABORATORY CONSUMABLE
(PART II) FOR CLINICAL
CHEMISTRY
LABORATORY,
DEPARTMENT OF LABORATORY
SERVICES,
MINISTRY OF HEALTH
FOR A PERIOD OF THREE
(3) YEARS USAGE

5. BIL. TAWARAN :
PHARM / 168 / 2020 / 2021
KETERANGAN :
THE SUPPLY AND DELIVERY
OF MEDICINES FOR THE
DEPARTMENT OF
PHARMACEUTICAL SERVICES,
MINISTRY OF HEALTH

6. BIL. TAWARAN :
KK / 169 / 2020 / 2021 / UPP

KETERANGAN :
TO PURCHASE HEARING
AID ANALYZER
FOR AUDIOLOGY SERVICES,
CHILD DEVELOPMENT CENTER,
MINISTRY OF HEALTH

7. BIL. TAWARAN :
KK / 170 / 2020 / 2021 / UPP

KETERANGAN :
SUPPLY AND DELIVERY OF
MEDICAL CONSUMABLE
ITEMS FOR
GENERAL SURGERY
OPERATING THEATRE
AT RAJA ISTERI PENGIRAN ANAK
SALEHA (RIPAS) HOSPITAL

8. BIL. TAWARAN :
KK / 171 / 2020 / 2021 / UPP

KETERANGAN :
SUPPLY AND DELIVERY OF
MEDICAL CONSUMABLE ITEMS
FOR UROLOGY SURGERY,
OPERATING THEATRE UNIT
AT RAJA ISTERI PENGIRAN ANAK
SALEHA (RIPAS) HOSPITAL

9. BIL. TAWARAN :
KK / 172 / 2020 / 2021 / UPP
KETERANGAN :
SUPPLY AND DELIVERY OF
MEDICAL CONSUMABLE ITEMS
(SENSOR WIRETM DUAL-FLEX
PTFE-NITIMOL
WITH HYDROPHILIC TIP)

**AT RAJA ISTERI PENGIRAN ANAK
SALEHA (RIPAS) HOSPITAL**
10. BIL. TAWARAN :
KK / 173 / 2020 / 2021 / UPP
KETERANGAN :
SUPPLY AND DELIVERY OF
MEDICAL CONSUMABLE ITEMS
FOR OTORHINOLARYNGOLOGY
DEPARTMENT
RAJA ISTERI PENGIRAN ANAK
SALEHA (RIPAS) HOSPITAL

11. BIL. TAWARAN :
KK / 174 / 2020 / 2021 / UPP
KETERANGAN :
SUPPLY AND DELIVERY OF
MEDICAL CONSUMABLE ITEMS
FOR OTORHINOLARYNGOLOGY
DEPARTMENT
RAJA ISTERI PENGIRAN ANAK
SALEHA (RIPAS) HOSPITAL

TARIKH TUTUP :
[Tidak Lewat Jam 2.00 Petang]
22 DISEMBER 2020

KEMENTERIAN TENAGA
Bilangan Sebut harga :
ME / SEBUTHARGA / 2020-2021 / 17

Tajuk Sebut harga :
'THE SUPPLY AND DELIVERY OF
AUTO FEEDER SCANNER'

Tarikh Tutup :
Sabtu, 11 Jamadilawal 1442H /
26 Disember 2020
[Tidak lewat jam 2.00 Petang]

**JABATAN PENERBANGAN AWAM
KEMENTERIAN PENGANGKUTAN
DAN INFOKOMUNIKASI**
**JABATAN PENERBANGAN
AWAM KEMENTERIAN
PENGANGKUTAN
DAN INFOKOMUNIKASI
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**
Tajuk Tawaran:
TERM CONTRACT FOR
REPAIR WORKS
TO RUNWAY, TAXIWAY,
APRON AND
ACCESS ROADS AT
BRUNEI INTERNATIONAL
AIRPORT
FOR A PERIOD OF EIGHTEEN
(18) MONTHS,
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
- FSOR
AME / 2020 - 2021 / SH-108

Tarikh Tutup Tawaran :
Rabu, 23 Disember 2020
(hingga jam 2.00 Petang)

KEMENTERIAN TENAGA
Bilangan Sebut harga :
ME / SEBUTHARGA /
2020-2021 / 18

Tajuk Sebut harga :
'PROVISION ON SAFETY
MANAGEMENT
SYSTEM AUDITING TRAINING
FOR AUTORITI ELEKTRIK
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
(AENBD)'

Tarikh Tutup :
Sabtu,
4 Jamadilawal 1442H /

**19 Disember 2020
Tidak lewat jam 2.00 Petang**

**JABATAN RADIO TELEVISYEN BRUNEI
JABATAN PERDANA MENTERI**
NOTIS SEBUT HARGA
BILANGAN SEBUT HARGA :
RTB / K / 144 / 20 - 21

TAJUK SEBUT HARGA:
PENGGAMBARAN DAN
PENYUNTINGAN PROGRAM TV,
BAHAGIAN RANCANGAN TV,
RTB

Tarikh Tutup :
Rabu, 30 Disember 2020
(jam 2.00 Petang)


Perkhidmatan pekerja dihargai



PENGARAH Urusan, Syarikat Brunei Shell Petroleum Company Sdn. Bhd. (BSP), Agneta Johnsgaard-Lewis semasa menyampaikan pingat perkhidmatan kepada salah seorang kakitangan.

Siaran Akhbar dan Foto : Brunei Shell Petroleum Sdn. Bhd.

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 11 Disember. - Brunei Shell Joint Venture (BSJV) baru-baru ini meraikan pencapaian peribadi dan profesional seramai 197 pekerja jangka panjang syarikat-syarikat BSJV.

Sambutan diadakan di dua tempat berasingan, bagi mematuhi peraturan penjarakan sosial di mana acara pertama berlangsung di Pusat Insani, Seria pada 5 Disember, diikuti dengan acara kedua di Hotel Antarabangsa Rizqun pada 10 Disember 2020.

Hadir pada acara tersebut ialah Pengarah Urusan, Syarikat

Brunei Shell Petroleum Company Sdn. Bhd. (BSP), Agneta Johnsgaard-Lewis, Pengarah Urusan Brunei LNG (BLNG), Dayang Hajah Farida binti Dato Seri Paduka Haji Talib dan Pengarah Urusan Brunei Shell Marketing (BSM), Awang Muhammad Norshafiee bin Dato Paduka Haji Abdul Jalil. Turut hadir ialah ahli-ahli pasukan kepimpinan Syarikat BSJV masing-masing.

"Kami meraikan sumbangan para penerima dari BSP, BLNG dan BSM, mereka bekerja dengan dedikasi selama empat dekad

bersama kumpulan syarikat BSJV. Seramai 13 penerima ini akan menerima anugerah perkhidmatan 40 tahun mereka tahun ini. Ia merupakan pencapaian yang luar biasa," kata Pengarah Urusan BSP dan Shell Country Chair di Negara Brunei Darussalam (NBD), Agneta Johnsgaard-Lewis semasa menyampaikan ucapan aluananya.

"Saya bangga dengan daya tahan dan komitmen di BSJV, ketika kita terus menerus mengatasi cabaran dan berkembang maju, terutama pada masa-masa yang belum pernah kita hadapi sebelumnya. Semasa wabak COVID-19, perubahan kru dan pergerakan terbatas bagi mengurangkan pendedahan, di samping memastikan aktiviti hari ke hari yang kritikal dapat terus mengekalkan penghasilan yang stabil.

"Ramai daripada awda adalah antara tenaga barisan hadapan yang terpaksa berada jauh untuk tempoh yang lebih lama daripada keluarga masing-masing semasa masa sukar, kita sekali lagi berterima kasih atas komitmen awda untuk menyampaikan Energy and Care kepada negara," jelasnya.

Secara kolektif, penerima pingat mengumpulkan lebih daripada 6205 tahun perkhidmatan dan pengalaman, komitmen mereka ke arah memberikan yang terbaik selama ini telah membina kejayaan syarikat-syarikat BSJV dan memastikan mereka kekal sebagai penyumbang utama

kepada pembangunan pesat NBD.

Pada akhir acara kemuncak iaitu penyampaian pingat perkhidmatan lama kepada para penerima. Mendarului senarai, Anugerah Perkhidmatan 40 tahun di mana seramai 13 orang menerima

anugerah tersebut yang disampaikan oleh Agneta Johnsgaard Lewis, diikuti dengan penyampaian Anugerah 35 tahun kepada 66 orang, 30 tahun pula seramai 85 orang dan akhir sekali, 25 tahun yang diterima oleh 33 orang.

Aktiviti menarik sempena musim cuti persekolahan

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid

Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman



PENGANJUR acara tersebut, Dayang Afifah Dzakiah binti Haji Suhaili semasa ditemu bual.

para pengunjung akan mengikuti aktiviti bagi menyokong usaha yang dianjurkan terutama bagi memeriahkan lagi sempena cuti sekolah," jelasnya.

Menurutnya, dengan adanya Kids Fair dan ekspo ini diharap dapat menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara, sekali gus merangsang rakyat serta penduduk negara ini berbelanja serta bercuti di dalam negara.

Dayang Afifah Dzakiah juga menambah bahawa semenjak Kids Fair diadakan pengunjung telah memberikan sokongan dan memberikan respons yang baik.

Selain daripada Kids Fair, pusat membeli-belah berkenaan juga mengadakan DuffVic Festival yang akan diadakan pada 18 hingga 20 Disember 2020, Ekspo OneCity pada 24 Disember 2020 hingga 3 Januari 2021 manakala Bazar Thailand diadakan pada 30 Disember 2020 hingga 3 Januari 2021 dan BIBD Swipe & Scan Lucky Draw yang sudah bermula pada 1 September 2020 hingga 28 Februari 2021.

"Setiap cuti sekolah pihak OneCity Shopping Centre mengadakan ekspo untuk kanak-kanak mengikuti aktiviti yang disediakan. OneCity Shopping Centre juga akan mengadakan beberapa acara pada masa akan datang di mana

berikut dengan aktiviti perjalanan terhad akibat penularan wabak COVID-19, penduduk tempatan akan meluangkan cuti mereka bersama keluarga di dalam negara, justeru, dengan adanya aktiviti seumpama ini, penduduk tempatan akan dapat berbelanja untuk membeli barang-barang sekolah nanti.

Sepanjang Kids Fair tersebut

jelasnya, para pengunjung akan

berpeluang mengikuti pelbagai

aktiviti seperti permainan

dan pertandingan Colouring

Contest, Pizza Making,

Beyblade dan hanya perlu

membayar BND2 sahaja.

Orang ramai adalah

dialu-alukan untuk berkunjung

bersama keluarga dan

berpeluang menyertai pelbagai


aktiviti yang disediakan di

OneCity Shopping Centre.



MASKOT yang bakal menceriakan lagi pengunjung, khususnya kanak-kanak yang berkunjung ke Kids Fair Ke-2.

Ketahui status kesihatan sebelum lakukan kegiatan fizikal



WEBINAR Bersiri Ke-10 anjuran Kementerian Kesihatan membincangkan topik bertajuk 'Bergerak untuk Kesihatan'.

Oleh : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Webinar Bersiri - 'Bergerak Untuk Kesihatan'

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 11 Disember. - Webinar Bersiri Ke-10 anjuran Kementerian Kesihatan, diikuti secara langsung hari ini menampilkan Pegawai Pelajaran Kesihatan, Pusat Promosi Kesihatan, Dayang Ummi Salmah binti Awang Arrif dengan membincangkan topik bertajuk 'Bergerak untuk Kesihatan'.

Dayang Ummi Salmah, pertama sekali menjelaskan maksud kegiatan fizikal, iaitu semua pergerakan tubuh badan yang menggunakan tenaga, termasuk semua pergerakan badan, seperti bangun berdiri, berjalan, berlari, melompat, mendaki dan lain-lain aktiviti rekreasi.

Sementara senaman, katanya, adalah satu bentuk aktiviti fizikal atau riadah yang selalunya dilakukan dalam jangka masa tertentu, berulang kali, bertujuan meningkatkan tahap kecergasan dan kesihatan.

Sebelum melakukan kegiatan fizikal, terangnya, adalah disarankan untuk mengetahui status kesihatan; mulakan dengan intensiti mengikut kemampuan diri; pakai pakaian yang sesuai, yang dikhaskan untuk bersukan; amalkan meminum air putih; pastikan keadaan sekeliling selamat; dan rancang masa bila juga di mana.

"Bagi orang dewasa, masa untuk melakukan kegiatan fizikal adalah 150 minit setiap minggu dan bagi golongan remaja dan kanak-kanak 60 minit setiap minggu yang dilengkapi dengan dua kali seminggu penguatan otot.

"Semua jenis kegiatan fizikal yang mempunyai *moderate intensity* adalah seperti berjalan; berkebun; mendaki; menari; berbasikal; berenang dan apa sahaja jenis sukan rekreasi *outdoor* yang dilakukan," katanya.

Kelebihan sentiasa aktif boleh meningkatkan kecerdasan jantung, paru-paru dan memperbaiki sistem peredaran darah; meningkatkan kecekapan pergerakan dan kelembutan badan; memperbaiki tonus dan postur; menambah kekuatan dan daya tahan otot; dan membantu mengawal berat badan dengan lebih baik.

Menurutnya, terdapat beberapa perkara yang perlu diketahui sebelum seseorang itu melakukan senaman, iaitu Pakai pakaian yang sesuai; Elak daripada bersenam dan bersukan dalam tempoh dua jam selepas makan; Minum air secukupnya; Berhenti bila berasa semput atau sakit dada; Lakukan jogging atau berlari menyongsang arah lalu lintas; Gunakan alat pemantul cahaya pada baju ketika bersenam di waktu gelap (malam / awal pagi); Jangan guna peralatan yang rosak; Jangan lakukan aktiviti di tempat yang tidak selamat; Jangan bersenam jika tidak sihat; Jangan bersenam ketika cuaca sangat panas, terlalu gelap atau kadar pencemaran udara tinggi; dan Jangan terus mandi selepas senaman.

Bersenam atau melakukan kegiatan fizikal boleh dirancang dan dilakukan bersama keluarga atau rakan di mana sahaja atau digabungkan ke dalam rutin aktiviti harian.

Ini termasuklah meningkatkan aktiviti di tempat kerja, di mana kita banyak meluangkan kehidupan sehari-hari, iaitu seperti meningkatkan kiraan langkah dan memilih untuk menggunakan tangga bukannya lif.

PPPBD kunjungi Galeri PPKKI-YSHHB



AHLI-AHLI Persatuan Pandu Puteri Brunei Darussalam (PPPBD) pada sesi bergambar ramai semasa lawatan ke Galeri Pusat Pengajian Kesenian dan Kaligrafi Islam Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (PPKKI-YSHHB) yang terdiri daripada Pemimpin Dewasa dan Pemimpin Muda PPPBD.

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 10 Disember. - Seramai 30 orang ahli Persatuan Pandu

Puteri Brunei Darussalam (PPPBD) mengadakan lawatan ke Galeri Pusat Pengajian Kesenian dan Kaligrafi Islam Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (PPKKI-YSHHB) yang terdiri dari

Pemimpin Dewasa dan Pemimpin Muda PPPBD.

Rombongan diketuai oleh Ketua

Siaran Akhbar dan Foto :
Persatuan Pandu Puteri
Brunei Darussalam

Pesuruhjaya PPPBD, Dayang Hajah Siti Hafsa binti Haji Abdul Halim dan Timbalan Ketua Pesuruhjaya PPPBD, Dayang Hajah Viviyanti binti Haji Mohd. Ali.

Objektif lawatan berkenaan adalah sebagai salah satu kegiatan bermanfaat Lawatan Sambil Belajar untuk ahli-ahli persatuan bagi mengisi cuti persekolahan serta memupuk minat dan apresiasi terhadap kesenian khat dan kaligrafi Islam, di mana penghasilannya memerlukan tingkat kreativiti, ketelitian dan disiplin kerja yang tinggi.

Ahli-ahli rombongan persatuan berkenaan juga berpeluang menyaksikan karya-karya seni kaligrafi di ruang Galeri PPKKI-YSHHB sambil diberikan penerangan-penerangan menarik.

2 warga asing ditahan

Siaran Akhbar dan Foto :
Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan

KUALA BELAIT, Khamis, 10 Disember. - Dua orang lelaki warga asing ditahan dan dibawa ke Pejabat Imigresen Bahagian Pengukuasa Undang-Undang Cawangan Kuala Belait bagi siasatan dan tindakan selanjutnya kerana dipercayai menyalahi di bawah Akta dan Peraturan Imigresen Penggal 17 semasa Operasi Pumpung JIPK 157 / 2020 yang disasarkan pada Projek Penambahan Pondok Gerai Jualan Kampung Lumut.

Sementara itu, majikan yang terlibat diarahkan hadir ke bahagian tersebut untuk siasatan dan tindakan lanjut.

Operasi Pumpung JIPK 157 / 2020 yang diadakan pada 9 Disember lalu bermula jam 1.30 petang itu diketuai oleh Pegawai Imigresen Kanan dan empat pegawai.

Aktiviti penguatkuasaan terus dipertingkatkan di negara ini dengan melaksanakan secara berterusan pemantauan, operasi dan pemeriksaan berpaduan kepada maklumat yang ada sama ada secara bersendirian atau bersama dengan agensi penguatkuasaan yang lain.

Ke arah aktiviti penguatkuasaan tersebut, jabatan ini mengalu-alukan orang ramai bagi sama-sama memberikan maklumat berhubung dengan pesalah imigresen. Sebarang maklumat dan nama pemberi maklumat akan dirahsiakan sepenuhnya.

Orang ramai boleh menghubungi ke talian Hotline Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan menerusi talian +673 8734888 / +673 8753888 (Cawangan Bandar Seri Begawan) dan +673 8984111 (Cawangan Kuala Belait).



DUA orang lelaki warga asing ditahan dan dibawa ke Pejabat Imigresen Bahagian Pengukuasa Undang-Undang Cawangan Kuala Belait bagi siasatan dan tindakan selanjutnya kerana dipercayai menyalahi di bawah Akta dan Peraturan Imigresen Penggal 17 semasa Operasi Pumpung JIPK 157 / 2020.

Perkenal 2 filem Thailand

Siaran Akhbar dan Foto : Kedutaan Diraja Thailand



FILEM 'Happy Old Year' akan ditayangkan khas oleh Kedutaan Diraja Thailand bagi sama-sama memeriahkan lagi BDF 2020.

mendapati barang kepunyaan bekas teman lelakinya semasa membersihkan kediamannya untuk pengubahsuaian sehingga membangkitkan rasa memori bersama.

Wanita muda itu terpaksa berdepan dengan keputusan sukar sama ada untuk membuang atau mengembalikan sahaja barang kepunyaan bekas teman lelakinya itu.

Manakala 'Low Season' 2020 adalah sebuah drama komedi romantis, diarahkan oleh Naruebodee Wechamkam,

menceritakan mengenai seorang wanita muda, yang mendapat peluang kedua untuk bercinta selepas memutuskan agak mustahil bagi dirinya untuk menjalinkan hubungan secara normal hanya disebabkan dia sering digangu oleh hantu.

Media-media adalah dijemput bagi Majlis Resepsi Tayangan Filem Thailand tersebut yang bermula pada jam 4.00 petang dan tayangan filem 'Happy Old Year' dan 'Low Season', masing-masing pada jam 5.00 petang dan 7.00 malam.



Memastikan akses tenaga yang mampan, moden

MEMASTIKAN penyediaan bekalan tenaga elektrik yang boleh dipercayai, cekap, berpatut dan selamat di dalam negara tetap menjadi keutamaan bagi kerajaan. Rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam mendapat manfaat daripada sistem utiliti yang maju, boleh dipercayai dan harga rendah. Ia mempunyai antara kadar elektrik tertinggi di ASEAN dengan 99.9 peratus daripada penduduk yang disambungkan ke jaringan.

Jaringan tenaga elektrik di negara ini dikendalikan oleh dua penyedia, iaitu Jabatan Perkhidmatan Elektrik di bawah Kementerian Tenaga dan Syarikat Tenaga Berakas, yang membekalkan kuasa yang boleh dipercayai hingga kira-kira 60 peratus dan 40 peratus masing-masing daripada permintaan tenaga negara.

Permintaan tenaga elektrik Negara Brunei Darussalam dijangka meningkat 3 ke 4 peratus antara sekarang dan 2029, didorong oleh peningkatan aktiviti industri dan ekonomi, keperluan pengangkutan dan pertumbuhan penduduk.

Dalam era elektronik dan elektrik dengan kedatangan Revolusi Industri Ke-4, Agensi Tenaga Antarabangsa telah melaporkan bahawa permintaan tenaga elektrik global

meningkat sebanyak empat peratus pada tahun 2018, hampir dua kali lebih cepat bagi permintaan tenaga secara keseluruhan, dan semakin meningkat pada kadar terpantas sejak 2010.

Di ASEAN sahaja, permintaan tenaga elektrik dijangka meningkat dua kali ganda dari kadar permintaan keseluruhan pada tahun 2040.

Menyedari kepentingan pembangunan inklusif, NBD memudahkan akses kepada faedah sosial elektrik, untuk menyokong objektif negara untuk menghapuskan kemiskinan dan memastikan tiada siapa yang tertinggal.

Kecekapan Tenaga

Adalah penting untuk mengimbangi pertumbuhan permintaan ini dengan kemapanan, kemampuan dan kebolehpercayaan bekalan dalam jangka panjang. Industri semakin mencari kaedah yang lebih bijak dan lebih mapan untuk menghasilkan dan menggunakan elektrik. Terdapat peningkatan pergantungan pada inovasi dalam teknologi; model perniagaan; dan sambungan trans-sempadan dan integrasi untuk memenuhi bekalan elektrik dalam satu cara keperluan yang mengemukakan trilema kemampuan, ketahanan dan kemapanan.

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmad

Foto : Jabatan Penerangan

Bekalan elektrik yang mampan dan inklusif untuk pembangunan sosioekonomi adalah salah satu perkembangan tenaga menekan dan isu. Ini akan menjadi peluang utama dan juga cabaran di masa depan.


Ke arah itu, Negara Brunei Darussalam sedar tentang keperluan untuk mempelbagaikan campuran tenaga dan menggabungkan sumber tenaga alternatif dan boleh diperbaharui ke grid. Secara tradisional telah memenuhi permintaan tersebut dengan bahan bakar fosil, iaitu melalui gas asli. Walau bagaimanapun, lebih banyak sumber tenaga alternatif dan boleh diperbaharui mula digunakan untuk memenuhi permintaan ini.

Negara juga berusaha untuk memperkuatkannya untuk melestarikan tenaga melalui pelaksanaan tenaga boleh diperbaharui dan alternatif, serta inisiatif kecekapan tenaga, untuk menyokong keselamatan tenaga negara, pertumbuhan ekonomi dan ketahanan alam sekitar.


Selain itu, Negara Brunei Darussalam berusaha untuk mengutamakan

pengembangan langkah-langkah perundungan secara teratur untuk mempercepat Projek Kecekapan Tenaga dan Pemuliharaan (EEC), dan Tenaga Diperbaharui (RE). Kerajaan bertujuan untuk mengurangkan intensiti tenaga menjadi 45 peratus pada tahun 2035 (menggunakan tahun 2005 sebagai tahun asas) melalui langkah dan inisiatif perundungan EEC; peningkatan kecekapan kuasa; dan meningkatkan kapasiti RE sekurang-kurangnya 30 peratus dalam jumlah campuran penjanaan tenaga.

Untuk meningkatkan kesedaran umum di semua peringkat dan sektor masyarakat, Kementerian Tenaga terus menjalankan promosi rancangan dan program di seluruh negara yang berkaitan dengan EEC dan RE. Untuk mencapai sasaran ini, antara inisiatif berkenaan ialah pelaksanaan Standard dan Pelabelan berkaitan Pesanan serta Garis Panduan Bangunan EEC untuk pelbagai sektor; pelantikan Pengurus Tenaga; Penyebaran RE, khususnya solar; dan penggunaan Pengangkutan Hijau.



KAPASITI penjanaan elektrik di Negara Brunei Darussalam.



TREND kekarapan gangguan bekalan elektrik.

1,000 pesawat CR929 bakal diserahkan mulai 2023-2045



HANGZHOU, 10 Dis. - Sebanyak 1,000 pesawat CR929 yang penyelidikan dan pembangunannya dijalankan secara bersama China dan Rusia bakal diserahkan mulai 2023 hingga 2045. CR929, kapal terbang penumpang jarak jauh dan berbadan lebar itu boleh memenuhi permintaan pasaran global.

Ketua perekat bentuk yang mewakili China, Chen Yingchun,

ketika ditemui wartawan berkata pesawat CR929 dengan panjang 63.3 meter, lebar 61.2 meter dan tinggi 17.9 meter itu berupaya membawa maksima 440 orang penumpang. Chen berkata, jarak penerbangan pula boleh mencapai 12,000 kilometer.

Kelebihan itu membolehkan pesawat melakukan penerbangan terus dari Beijing dan Shanghai, China ke destinasi-destinasi di utara Amerika seperti Vancouver,

Seattle, San Francisco dan Los Angeles.

Selain itu, Chen turut memberikan perkembangan terkini mengenai pembangunan pesawat C919 dan ARJ21. Menurut unjuran, jumlah permintaan terhadap pesawat yang berbadan lebar itu di pasaran global mencecah 10,000 buah pada 2023 hingga 2045.

Antaranya, permintaan di pasaran China dan Rusia dijangka

mencatat 1,840 buah, merangkumi 18 peratus pasaran global. Di samping itu, permintaan di rantau

Asia-Pasifik diunjurkan mencapai 2,670 buah, mewakili 27 peratus pasaran global. - ©BERNAMA

UAE luluskan pendaftaran vaksin China

BEIJING, 10 Dis. - Emiriah Arab Bersatu (UAE) telah meluluskan pendaftaran rasmi vaksin tidak aktif yang dikembangkan China National Pharmaceutical Group (Sinopharm) di negara itu.

Kementerian Kesihatan dan Pencegahan UAE mengesahkan perkara itu melalui satu kenyataan pada Rabu. Ini menunjukkan kepercayaan dan akuan pihaknya terhadap keselamatan dan keberkesanannya vaksin buatan China

itu.

Menurut hasil ujian klinikal fasa tiga vaksin yang dijalankan oleh Sinopharm, kadar keberkesanannya anti-jangkitan COVID-19 vaksin itu mencatat 86 peratus, kadar tukaran neutralisasi serum antibodi mencatat 99 peratus dan boleh mencegah kes COVID-19 ringan kepada kes sederhana atau kritis dengan seratus peratus.

Majlis pelancaran ujian klinikal fasa tiga vaksin itu diadakan di

UAE pada 23 Jun, diikuti ujian rasmi mula dijalankan pada 16 Julai.

Kira-kira 31,000 orang sukarelawan dari 125 buah negara dan kawasan yang menetap di UAE menerima suntikan vaksin Sinopharm itu. Pada 14 September, kementerian kesihatan UAE telah meluluskan penggunaan vaksin Sinopharm itu kepada petugas perubatan di barisan hadapan. - ©BERNAMA

Badan kebajikan Turki, Malaysia hantar bantuan ke Syria

KILIS (Turki), 10 Dis. - Badan amal Turki dan Malaysia pada Rabu menghantar sejumlah 30 trak bantuan kemanusiaan ke kawasan utara Syria, wilayah yang sebelum ini dibebaskan daripada pengganas menerusi operasi tentera Turki, lapor Agensi Anadolu.

Mereka bertolak dari Turki dengan membawa makanan, selimut, arang dan dapur selepas majlis ringkas di sempadan wilayah Kilis. Bantuan itu dikumpul oleh Yayasan Turkiye Diyanet dan Majlis Perundingan Pertubuhan Islam Malaysia (MAPIM).

Berucap pada majlis itu, Timbalan Pengurus Lembaga Amanah Diyanet, Ihsan Acik berkata mereka menjalankan pelbagai aktiviti kemanusiaan di Syria.

"Syukur kepada Allah, kami membuka sebuah sekolah hari ini dan turut membina kawasan penempatan besar," katanya. "Matlamat kami adalah untuk melakukan yang terbaik membantu saudara kami di Syria dan berharap konflik ini berakhir secepat mungkin," tambahnya.

Syria dilanda perang saudara yang dahsyat sejak awal 2011

apabila rejim Bashar al-Assad melancarkan gerakan terhadap penunjuk perasaan pro-demokrasi, lalu mencetuskan keganasan. Sejak itu, lebih lima juta orang awam kehilangan tempat tinggal.

Sejak 2016, Turki melancarkan tiga operasi antikeganasan di utara Syria dan berjaya menghalang pembentukan koridor pengganas dan mengembalikan keamanan kepada penduduk. Operasi terbabit adalah Euphrates Shield (2016), Olive Branch (2018), dan Peace Spring (2019). - ©BERNAMA

Hidup 12 juta kanak-kanak di Yaman "bagaikan mimpi ngeri" : UNICEF

NEW YORK, 11 Dis. - Pengarah Eksekutif Tabung Kanak-kanak Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNICEF) Henrietta Fore, pada Khamis menyatakan kehidupan 12 juta kanak-kanak di Yaman "bagaikan mimpi ngeri".

"Yaman kini di ambang kemusnahan," kata Fore dalam satu acara.

"Menghindari kebuluran di Yaman: Apa tindakan kita sekarang dan pada 2021," katanya yang bimbang terhadap nasib yang terpaksa diharungi kanak-kanak di negara dihimpit perang saudara sejak 2014 itu.

"Ia mungkin tempat paling berbahaya di bumi untuk seorang kanak-kanak. Setiap 10 minit, seorang kanak-kanak meninggal dunia kerana penyakit yang

sepatutnya boleh dicegah. Dua juta orang tidak bersekolah dan ribuan lagi terbunuh, cacat atau direkrut sejak 2015.

"Minggu lalu, 11 dilaporkan terkorban termasuk bayi berusia sebulan," lapor Agensi Berita Xinhua.

Menurutnya, selain menghancurkan ekonomi keluarga, konflik yang tidak berkesudahan itu turut menyebabkan sistem dan infrastruktur sokongan - hospital dan sekolah, hingga sistem air dan sanitasi - menuju kehancuran, diburukkan lagi dengan pandemik COVID-19.

"Pasukan kemanusiaan PBB berdepan pelbagai kepayaan terpaksa mengharungi pertempuran, sekatan dan

halangan birokrasi untuk menyalurkan bantuan kepada jutaan orang yang sangat memerlukan," katanya.

Tambahnya negara ini juga dibelenggu krisis pemakanan menyaksikan 2.1 juta kanak-kanak tidak dapat zat yang mencukupi termasuk 358,000 daripada mereka berada dalam keadaan yang boleh mengancam nyawa.

Fore menggesa usaha politik yang bersepada dan proaktif perlu diperkasa lagi termasuk sokongan global untuk proses damai PBB bagi membantu menyelesaikan kemelut itu.

"Satu-satunya jalan untuk mengakhiri penderitaan dan mimpi ngeri mereka adalah menerusi saluran politik," ujarnya. - ©BERNAMA

Anak lelaki Biden, Hunter disiasat berkaitan cukai

WASHINGTON, 10 Dis. - Joe Hunter, anak lelaki bakal Presiden Amerika Syarikat (AS), pada Rabu mengakui beliau disiasat pendakwa raya persekutuan di Delaware berkaitan cukai, lapor Agensi Anadolu.

"Semalam, saya dimaklumkan buat pertama kali, Pejabat Peguam AS di Delaware memberitahu peguam saya, bahawa mereka sedang menyiasat hal ehwal percukaian saya," kata Hunter Biden menerusi satu kenyataan.

"Saya yakin siasatan yang profesional dan objektif mengenai hal ini akan membuktikan saya menguruskannya secara sah dan betul, termasuk yuran profesional yang diterima penasihat cukai," tambahnya.

Hunter Biden menjadi sasaran serangan peribadi Presiden Donald Trump sepanjang kempen pilihan raya, dengan ketua turus angkatan tentera yang tewas itu memetik bukti lemah untuk menuduh Biden mengamalkan kronisme ketika lapan tahun beliau menjadi naib presiden.

Peralihan Joe Biden dalam satu kenyataan berkata bakal presiden "sangat bangga dengan anak lelakinya, yang sudah berjuang menghadapi cabaran sukar, termasuk serangan peribadi dahsyat sejak kebelakangan ini, tetapi akhirnya muncul lebih kuat." Peguam AS Delaware, David Weiss belum mengulas mengenai siasatan tersebut. - ©BERNAMA

Negara kaya bolot vaksin COVID-19

ANKARA, 10 Dis. - Negara kaya dilaporkan membeli dos vaksin COVID-19 tiga kali ganda melebihi jumlah keperluan imunisasi rakyat mereka, negara miskin bakal berdepan tidak mendapat bekalan vaksin itu, Agensi Anadolu memetik badan pengawas vaksin antarabangsa.

Sembilan daripada 10 orang di 67 negara miskin berisiko tidak mendapat bekalan vaksin sedangkan negara kaya terus bergerak membebaskan negara mereka daripada pandemik itu, menurut People Vaccine Alliance dalam satu kenyataan.

Kanada di tangga teratas dengan memberi vaksin lima kali ganda melebihi jumlah diperlukan untuk setiap rakyatnya. Tambahan kenyataan itu, setakat ini negara-negara kaya yang mewakili hanya 14 peratus populasi dunia telah membeli 53 peratus daripada semua vaksin paling meyakinkan.

"Tidak ada seorang pun yang boleh dihalang daripada mendapatkan vaksin itu hanya kerana kemiskinan mereka," kata Pengurus Polisi Kesihatan Oxfam, Anna Marriott, yang mengambil bahagian dalam People Vaccine Alliance.

Marriott memberi amaran berbilion penduduk di seluruh dunia tidak akan menerima vaksin COVID-19 yang selamat dan berkesan selama bertahun-tahun, melainkan jika satu perubahan mendadak dilakukan. - ©BERNAMA

Pelabuhan Yangshan di Shanghai kendali 20 juta TEU

SHANGHAI, 11 Dis. - Jumlah kontena yang dikendalikan pelabuhan Yangshan, Shanghai China pada tahun ini merekodkan 20 juta TEU (satu juta unit bersamaan 20 kaki). Angka itu enam kali ganda berbanding jumlah kendalian pelabuhan berkenaan ketika ia dirasmikan pada 2005. Pelabuhan Yangshan menyambut ulang tahun ke-15nya Jumaat ini. Sepanjang tempoh 15 tahun lalu, pelabuhan itu telah mengendalikan kira-kira 197 juta TEU melibatkan lebih 120 ribu kapal antarabangsa.

Pelabuhan Yangshan telah memainkan peranan penting dalam membangunkan pelabuhan Shanghai sebagai satu daripada pelabuhan utama dunia. Menurut statistik, jumlah TEU kendalian pelabuhan Yangshan mewakili 46.3 peratus dalam jumlah keseluruhan di pelabuhan Shanghai pada tahun ini. Dalam menghadapi penularan pandemik COVID-19, sebanyak 93.7 peratus prosedur kelulusan kastam di pelabuhan Yangshan dibuat secara dalam talian ia sekali-gus memudahkan urusan keluar masuk kakitangan dan berjaya membendung penularan wabak. - ©BERNAMA



KUALA LUMPUR, 9 Dis. - Duta Azerbaijan ke Malaysia Prof Qaley Allahverdiyev berkata syarikat Malaysia dipelawa untuk meneroka peluang yang ada dalam aktiviti pemulihian semula di wilayah Azerbaijan yang dibebaskan baru-baru ini, setelah diceroboh Armenia selama hampir 30 tahun.

Allahverdiyev berkata di bawah kepemimpinan Presiden Ilham Aliyev, Azerbaijan berjaya

membebaskan wilayah Aghdam, Lachin dan Kalbajar tanpa pertumpahan darah.

Katanya banyak infrastruktur sosial dan ekonomi seperti bangunan, jalan raya, tempat ibadat, kediaman, jambatan dan rangkaian komunikasi musnah semasa pencerobohan Armenia.

Allahverdiyev, yang juga Dekan Kor Diplomatik di Malaysia, berkata syarikat Malaysia yang mempunyai kedudukan kewangan dan prestasi baik boleh meneroka peluang dan terlibat sama dalam kerja-kerja pembinaan semula pasca perang itu.

Memetik laporan Agensi Anadolu Azerbaijan berjaya membebaskan lima pusat bandar, empat kota dan 286 perkampungan. Jalan raya baharu

COVID-19 : Iran mahu hasilkan vaksin sendiri

TEHRAN, 9 Dis. - Presiden Iran, Hassan Rouhani berkata kerajaannya menyediakan rancangan serampang dua mata dalam memerangi COVID-19 iaitu menghasilkan vaksin sendiri dengan bantuan saintis tempatan dan membelinya dari luar negara, lapor agensi berita IRNA.

Pada petang Selasa, Rouhani menghadiri Mesyuarat Jawatan Kuasa Khas Memerangi COVID-19 di Ibu Pejabat Kebangsaan.

Beliau berkata, jawatankuasa itu memberi tumpuan terhadap dua perkara, pertamanya dengan melaksanakan dan menguatkuaskan protokol penjarakan fizikal, saringan pintar dan kuarantin kerana ia dianggap kaedah terjamin.

Keutamaan kedua menyediakan kemudahan untuk penghasilan vaksin kepada ahli sains dan pakar tempatan selain membeli perlalian dari luar negara.

Mengulas mengenai sekatan barang keperluan termasuk vaksin ke atas rakyat Iran yang dikenakan pentadbiran Presiden Amerika Syarikat, Donald Trump, Rouhani berkata kelakuan Trump itu suatu yang terkutuk. - ©BERNAMA

Kedudukan geografi Turkmenistan tawar potensi besar ekonomi

BAKU, 8 Dis. - Kedudukan geografi Turkmenistan yang terletak di pusat laluan perdagangan global menawarkan potensi besar untuk ekonomi negara itu, kata jurucakap Kedutaan Amerika Syarikat (AS) di Turkmenistan kepada Agensi Berita Trend.

"Pendigitalan sektor pengangkutan dan logistik Turkmenistan akan mempermudah proses bagi pedagang asing dan perniagaan tempatan memperoleh keuntungan daripada lokasi geografi negara itu. Tambahan pula, projek seperti itu mendorong hubungan serantau, yang akan membawa kestabilan dan kemakmuran yang lebih besar ke Turkmenistan dan seluruh Asia Tengah," kata jurucakap itu.

Dari segi kerjasama Badan Pembangunan Antarabangsa AS (USAID) dengan Turkmenistan, jurucakap itu berkata agensi itu telah membantu syarikat Turkmen Ter Onum untuk penghantaran tembikai ke Vienna dan bekerjasama membiayai pembelian peralatan pemprosesan hortikultur untuk buah-buahan dan sayur-sayuran kering.

USAID juga mengadakan kerjasama dengan syarikat Shaylan Turkmenistan mengenai perisian ERP firma itu untuk mendigitalkan sepenuhnya sistem pengurusan gudang dan pengangkutannya, selain membantu syarikat Hil Standart membuka makmal keselamatan makanan swasta pertama di Turkmenistan.

Di samping itu kemudahan inovasi USAID, kerjasama inovatif dalam bidang hortikultur, pengangkutan dan logistik, serta pelancongan akan meningkatkan pendapatan dan mewujudkan pekerjaan baharu di syarikat terpilih.

"USAID telah bekerjasama dengan 36 syarikat swasta di seluruh Asia Tengah," kata jurucakap itu. - ©BERNAMA

Azerbaijan kini fokus pembinaan semula pasca-perang

juga sedang dibina di Shusha.

Perjanjian tiga hala pada 10 November antara Rusia, Azerbaijan dan Armenia membolehkan Azerbaijan memiliki semua wilayah yang dibebaskannya, menyebabkan Armenia menyerahkan Aghdam, Lachin dan Kalbajar.

Dianggarkan jumlah kerosakan yang ditanggung Azerbaijan akibat pencerobohan Armenia mencerek ratusan bilion dolar.

"Penilaian akhir jumlah kerosakan akan diumumkan kerajaan Azerbaijan selepas melakukan kajian lapangan bersama pertubuhan antarabangsa yang dipercayai," katanya kepada Bernama dalam temu bual di pejabatnya, di sini.

Kerosakan di kota Aghdam, katanya ibarat "Hiroshima Kaukas".

"Aghdam, yang dulunya didiami

40,000 penduduk pada akhir 1980-an, kini sepi umpama kota hantu. Aghdam adalah kubu Azerbaijan, dekat dengan Khankendi, ibu kota Nagorno-Karabakh," katanya.

Penajahan itu juga menyebabkan kerosakan besar terhadap alam sekitar.

"Terlalu banyak kerosakan yang telah dilakukan selama penajahan... kami terkejut melihat apa yang mereka telah lakukan sepanjang tempoh pencerobohan itu, sebelum mereka berundur rumah dan bangunan turut dibakar," kata Allahverdiyev.

Menurut beberapa laporan rasmi, terdapat kira-kira 800,000 penduduk Azerbaijan yang melarikan diri dari wilayah yang dijahat sejak tercetusnya perang dengan Armenia sehingga gencatan senjata pada 1994.

Oleh itu, terdapat keperluan

mendesak untuk pembinaan dan pembangunan semula di kawasan yang dibebaskan sebelum penduduk dapat kembali untuk memulakan hidup baharu.

Menurut beliau kedua-dua bersedia memberikan maklumat dan bantuan yang diperlukan sesuai dengan kemampuan, kepada mana-mana syarikat Malaysia yang berminat.

Katanya, Baku sentiasa menghargai pendirian Malaysia yang selama ini menyokong integriti wilayah Azerbaijan.

Azerbaijan, dengan populasi sekitar 10 juta orang, terletak di persimpangan antara Eropah dan Asia. Kedudukan Laut Kaspia di sebelah timur negara ini kaya dengan minyak dan gas, menjadi kekuatan sumber ekonominya - dan PETRONAS juga beroperasi di kawasan itu. - ©BERNAMA

Hamas tetap dengan pendirian tentang Israel

GAZA/RAMALLAH, 9 Dis. - Pergerakan Hamas mengulangi komitmen mereka untuk terus berjuang dan menegakkan prinsip untuk tidak akan mengiktiraf Israel, lapor Agensi Berita Anadol.

"Pada hari ulang tahun penubuhan, Hamas mengulangi komitmen untuk terus bersatu dan membela maruah rakyat Palestin, berjuang menentang penjajahan, tidak mengiktiraf Israel dan menentang projek bersama," kata Ketua Pergerakan itu di luar negara, Maher Salah menerusi satu kenyataan.

Sambil menjelaskan bahawa Hamas komited untuk menyatukan semula Baitulmaqdis sebagai bandar raya Palestin dan menentang rancangan pembangunan oleh Yahudi ke atas

Masjid Al-Aqsa, Salah berkata sekatan ke atas Gaza perlu dihentikan.

Beliau juga menegaskan kepentingan menentang pelan rampasan tanah di Tebing Barat dan penerusan kerja-kerja UNRWA, agensi bantuan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) bagi membantu pelarian Palestin.

Hamas ditubuhkan serentak dengan Intifada Pertama pada 1987 oleh pemimpin Pertubuhan Ikhwanul Muslimin (Ikhwan) di Semenanjung Gaza.

Dalam perkembangan berkaitan, pertubuhan Membela Kanak-Kanak Palestin Antarabangsa (DCIP), sebuah pertubuhan bukan kerajaan berkata, tentera Israel menggunakan raifal Ruger 10 / 22 dan ramai

kanak-kanak terbunuh akibat senjata itu.

Mangsa terbaru adalah Ali Abu Alia, 14, yang maut terkena tembakan raifal berkenaan, lapor DCIP sambil menegaskan, dakwaan Israel senjata itu tidak menyebabkan kematian adalah tidak benar.

Remaja Palestin itu ditembak dengan peluru hidup di perut ketika menyaksikan pertempuran antara tentera Israel dengan belia Palestin di kampung al-Mughayyir di timur laut Ramallah, menurut laporan diterima DCIP.

Menurut laporan pertubuhan undang-undang antarabangsa, lapan kanak-kanak Palestin berusia antara 13 hingga 17 tahun dibunuh tentera Israel sejak awal tahun. - ©BERNAMA

Tiga lelaki Islam AS dibenar tuntut pampasan, dikeluar daripada senarai larangan terbang

WASHINGTON, 11 Dis. - Mahkamah Agung Amerika Syarikat (AS) pada Khamis memihak kepada tiga lelaki Islam yang menyaman Biro Siasatan Persekutuan (FBI) kerana menyenarai atau mengekalkan nama mereka dalam senarai larangan menaiki kapal terbang, lapor Agensi Anadol.

Lelaki terbabit berkata penyiasat persekutuan mengenakan hukuman itu kerana mereka enggan mendedahkan rakan lain yang seagama lain ketika siasatan antipengganas.

Menurut penghakiman sebulat suara yang ditulis Hakim Clarence Thomas, mahkamah tertinggi itu

menyatakan, Jameel Algibhah, Naveed Shinwari dan Muhammad Tanvir kini boleh meminta wang pampasan berdasarkan undang-undang AS yang menjamin kebebasan beragama.

Thomas menulis bahawa "Akta Kebebasan Beragama (Pindaan) memperuntukkan kepada setiap individu yang mengemukakan saman, jika bersesuaian, boleh mendapat wang pampasan daripada pegawai persekutuan.

Hakim Amy Coney Barrett yang baru dilantik tidak mengambil bahagian dalam keputusan sebulat suara itu.

Meskipun mereka kini boleh menuntut ganti rugi, belum

diketahui sama ada tuntutan itu akan berjaya. Ini kerana kata Thomas, ejen FBI berhak untuk menggunakan kelayakan kekebalan.

Prinsip undang-undang menetapkan aras penghakiman sangat tinggi bagi menjatuhkan hukuman terhadap pegawai penguatkuasa yang disaman ketika mereka menjalankan tugas.

Namun, prinsip ini dikecam hebat selepas kes tembakan lelaki dan wanita kulit hitam oleh polis sebelum ini.

Nama ketiga-tiga lelaki itu kini sudah pun dikeluarkan daripada daftar larangan terbang. - ©BERNAMA

Ketinggian terkini Everest 8848.86 meter



BEIJING, 9 Dis. - Ketinggian terbaru Gunung Qomolangma (Everest), puncak gunung tertinggi di dunia ialah 8848.86 meter, mencatatkan peningkatan berbanding ukuran rasmi yang dibuat sebelum ini.

Ukuran terkini itu diumumkan bersama Presiden China, Xi Jinping dan Presiden Nepal, Bidhya Devi Bhandari pada Selasa.

Pada Oktober 2019, China dan Nepal mengeluarkan kenyataan

bersama, bersetuju untuk meningkatkan kerjasama dalam menangani perubahan iklim dan perlindungan alam sekitar.

Kedua-dua negara juga akan bersama mengumumkan ketinggian Everest di samping menjalankan kerjasama penyelidikan sains.

Misi pengukuran semula dijalankan Kementerian Sumber Alam China, Kementerian Luar China, Jabatan Pentadbiran Am Sukan Negara China dan kerajaan

tempatan Wilayah Autonomi Tibet.

Pasukan pendaki China memulakan misi mencabar dan berbahaya ini pada 6 Mei lalu.

Lapan pendaki berjaya sampai di puncak gunung selepas mengharungi pelbagai kesukaran seperti cuaca ekstrem dan mengambil masa selama 150 minit untuk melakukan kerja-kerja pengukuran, rekod paling lama setakat ini dalam sejarah China.

Misi berjaya diselesaikan pada

28 Mei dan pasukan pendaki selamat kembali ke Kem Qomolangma.

China telah melakukan enam kali pengukuran Everest dan mengumumkan keputusannya pada 1975 (8,848.13 meter) dan 2005 (8,844.43 meter).

Pengukuran semula dilakukan tahun ini untuk membolehkan ketinggian puncak itu digunakan dalam sektor pengajian seperti geodinamik dan gerakan plat.

Data tepat mengenai kedalaman salji, meteorologi dan kelajuan angin akan membantu pengajian dalam sektor penyelidikan perubahan glasier dan perlindungan alam sekitar.

Selain itu, data navigasi bertepatan tinggi dan teknologi penderiaan jauh akan memberikan pengaruh langsung terhadap kehidupan harian manusia, seperti pandu arah kereta dan hantaran ekspres. - ©BERNAMA

Pilkada 2020 tetap dilangsungkan dalam suasana pematuhan ketat protokol COVID-19

JAKARTA, 9 Dis. - Pilihan raya daerah Indonesia atau Pemilihan Kepala Daerah (Pilkada 2020) berlangsung hari ini dalam suasana pematuhan protokol kesihatan COVID-19 yang ketat melibatkan sembilan provinsi, 37 kota dan 224 kabupaten (daerah pentadbiran).

Sebanyak 100.3 juta pengundi layak untuk memilih pada Pilkada 2020, bagi memilih gabenor, walikota dan bupati masing-masing.

Komisi Pemilihan Umum (KPU) menggariskan peraturan ketat protokol COVID-19 di pusat-pusat pengundian yang mula dibuka 7 pagi tadi hingga 1 tengah hari ini, antaranya mewajibkan pengundi memakai pelitup muka, pemeriksaan suhu badan, memakai sarung tangan dan menggalakkan pengundi membawa alat tulis sendiri.

Menteri Dalam Negeri Tito

Vaksin China lebih kos efektif, mampu penuhi permintaan global

BEIJING, 9 Dis. - Vaksin keluaran syarikat China didapati bukan sahaja mampu memenuhi permintaan dunia malah, proses penyimpanan, pengangkutan dan pengedarannya juga tidak memerlukan kos yang tinggi.

Ia sekali gus dapat memenuhi permintaan khususnya dari negara-negara berpendapatan rendah dan sederhana.

Penyelidik kanan kesihatan global Majlis Hubungan Luar Amerika Syarikat (AS), Yanzhong Huang, berkata pengangkutan vaksin buatan China

Karnavian dipetik media tempatan sebagai berkata Pilkada 2020 melibatkan kos sebanyak Rp15.3 triliun (RM4.46 bilion).

"Kita berharap proses pengundian ini tidak mencetuskan kluster baharu COVID-19, semua TPS (tempat pembuangan suara atau pusat pengundian) diarahkan mematuhi protokol kesihatan COVID-19," katanya.

Pilkada 2020 bagi memilih gabenor adalah melibatkan provinsi Sumatra Barat, Jambi, Bengkulu, Kepulauan Riau, Kalimantan Tengah, Kalimantan Selatan, Kalimantan Utara, Sulawesi Utara dan Sulawesi Tengah.

Sementara bagi pemilihan walikota, tumpuan adalah kepada anak Presiden Joko Widodo iaitu Gibran Rakabuming Raka dan menantu Jokowi, Bobby Nasution yang masing-masing bertanding

untuk calon walikota Solo dan walikota Medan.

Keputusan rasmi Pilkada 2020 dijangka diumumkan pada 26 Dis ini.

Pengundian Pilkada 2020 sebelum ini dijadualkan pada 23 Sept lepas, namun ditunda atas faktor pandemik COVID-19.

Ramai pihak bimbang Pilkada 2020 akan mencetuskan kluster baharu ketika Indonesia masih mencatatkan peningkatan kes COVID-19 yang membimbangkan, dengan purata harian lebih 4,000 kes baharu sejak November lepas.

Setakat semalam, mengikut data yang disiarkan Badan Nasional Pengurusan Bencana (BNPB), Indonesia merekodkan 586,842 kes positif keseluruhan, manakala jumlah kematian keseluruhan di republik itu berjumlah 18,000 orang. - ©BERNAMA

adalah lebih mudah dan kos efektif kerana tidak perlu disejuk dinginkan.

Berbanding keluaran syarikat negara lain, vaksin mesti disimpan pada suhu di bawah sifar semasa proses penghantaran dibuat, sudah tentu ia memerlukan kos yang tinggi dan membebani negara berpendapatan rendah dan sederhana.

Terdapat negara yang mendakwa tidak mampu untuk membeli vaksin kerana syarat pengangkutan dan pengedaran yang ketat.

Sementara itu, ujian klinikal fasa tiga vaksin oleh China

National Pharmaceutical Group (Sinopharm) dan Sinovac Biotech (SVA) masih dijalankan.

Pada masa ini, dua calon vaksin sedang diuji oleh anak syarikat Sinopharm di sepuluh negara termasuk Emiriah Arab Bersatu (UAE), Perancis, Jordan, Peru, Argentina dan Mesir.

Setakat ini, hampir 50 ribu orang dari 125 buah negara sudah menerima suntikan vaksin itu.

China juga masih terus menerima tempahan daripada banyak negara untuk vaksin dihasilkan Sinopharm. - ©BERNAMA

Minuman popular toffee di Korea Selatan tinggi kandungan gula - tinjauan

SEOUL, 9 Dis. - Minuman yang dibuat dengan gula perang dan gula-gula Korea, atau dalgona, didapati mengandungi paras kandungan gula berlebihan sekali gus mencetuskan kebimbangan memandangkan minuman itu amat popular dalam kalangan generasi muda.

Menurut tinjauan kerajaan bandar raya Seoul ke atas 40 jenis

minuman gula perang dan 35 dalgona mendapati, purata kadar gula daripada 282 gram minuman gula perang mencecah sebanyak 34.8 gram iaitu 33 peratus lebih tinggi berbanding jumlah yang disyorkan untuk pengambilan gula setiap hari, lapor Agensi Berita Yonhap.

Purata gula satu dalgona pula ialah 32.5 gram, bersamaan antara

11-12 kiub gula, lebih banyak berbanding minuman manis lain, seperti secawan vanilla latte ais mengandungi 25 gram gula.

Pemerintah Seoul berkata pihaknya akan mengesyorkan kepada syarikat pengeluar supaya memaklumkan pengguna mengenai kadar gula dan mempelbagaikan saiz minuman. - ©BERNAMA

Mahkamah Agung AS tolak permohonan Republikan sekat kemenangan Biden

WASHINGTON, 9 Dis. - Mahkamah Agung Amerika Syarikat (AS) pada Selasa menolak usaha Republikan untuk menyekat kemenangan bakal Presiden Joe Biden di Pennsylvania, lapor Agensi Anadolu.

Mahkamah menolak permohonan untuk membatalkan keputusan pilihan raya, yang telah disahkan Gabenor Tom Wolf.

Pennsylvania mempunyai 20 undi elektroral, yang akan bersidang pada 14 Disember untuk memberi undi mereka secara rasmi kepada Biden.

Keputusan mahkamah itu memberikan satu lagi tamparan hebat terhadap usaha Presiden Donald Trump selama ini.

Mahkamah Agung tidak memperincikan keputusannya yang menolak usaha terakhir sekutu Trump, dan tidak menyatakan perbezaan pendapat di antara sembilan hakim tersebut.

Biden menang lebih 80,000 undi berbanding Trump di Pennsylvania, menurut The Associated Press.

Trump berulang kali mendakwa beliau menjadi mangsa penipuan besar-besaran setelah kalah dalam pilihan raya 3 November. Tetapi Trump atau sekutu politiknya atau pasukan perundangannya tidak dapat mengemukakan bukti jelas yang dapat menyokong dakwaan tersebut. - ©BERNAMA

5 maut nahas helikopter di Banjaran Alps, Perancis

PERANCIS, PARIS, 9 Dis. - Kemalangan helikopter di Banjaran Alps Perancis mengorbankan lima daripada enam penumpangnya, kata Presiden Emmanuel Macron pada Rabu, lapor Agensi Anadolu.

"Petang ini di Savoie, tiga anggota pasukan Penyelamat Udara Perancis dan dua anggota Perkhidmatan Aérien Francais (SAF) terbunuh dalam satu nahas helikopter. Seorang mangsa cedera," ciap Macron di Twitter.

"Sokongan dari negara kepada keluarga, rakan dan kenalan wira Perancis ini," tambahnya.

Jabatan Wilayah Savoie mengatakan sebuah helikopter SAF terhempas sekitar jam 7 malam pada ketinggian 1,800 meter.

Helikopter itu terhempas di bandar Bonvillard. Pihak berkuasa dimaklumkan mengenai kejadian itu oleh juruterbang, yang berjaya melentikkan diri.

Helikopter itu, yang dimiliki SAF, sebuah syarikat swasta, dilaporkan menjalankan misi menyelamat ketika ia terhempas. Keadaan berkabus menyukarkan tugas mengesan bangkai helikopter berkenaan. - ©BERNAMA

COVID-19 : Gaza akan laksana perintah berkurung hujung minggu

GAZA, 9 Dis. - Pihak berkuasa Semenanjung Gaza akan melaksanakan perintah berkurung pada hujung minggu berikut peningkatan kes COVID-19, lapor Agensi Berita Sputnik.

Jurucakap Kementerian Dalam Negeri Eyad al-Bozom pada sidang media berkata perintah berkurung akan berkuat kuasa pada petang Khamis dan tamat Ahad pagi.

"Lalu lintas (antara wilayah) akan dilarang, dan semua kemudahan perkhidmatan, termasuk kedai roti dan kenderaan air minuman, tidak dibenarkan beroperasi," kata al-Bozom.

"Nelayan juga tidak dibenarkan ke laut. Polis dan perkhidmatan keselamatan akan menguatkuasakan peraturan penutupan dan perintah berkurung," katanya.

Semenanjung Gaza menyaksikan peningkatan berterusan kes jangkitan COVID-19 beberapa minggu terakhir. Pihak berkuasa wilayah minggu lalu memperkenalkan langkah-langkah lebih ketat untuk memerangi COVID-19, termasuk penutupan universiti, sekolah dan masjid serta larangan aktiviti perhimpunan. - ©BERNAMA

FOKUS-UKAN

Rollerblade semakin digemari

SUKAN kasut roda (*inline skating*) atau yang lebih dikenali sebagai *rollerblade* mampu mewujudkan pengalaman yang sungguh menyeronokkan dan semakin mendapat tempat di hati penggemarnya di negara ini tidak kira peringkat usia mahupun jantina.

Bagi segelintir individu aktiviti ini dianggap sebagai salah satu hobi bagi mengisi masa lapang dan aktiviti riadah bersama ahli keluarga dan rakan dalam mengukuhkan hubungan silaturahim dan menanamkan semangat kerjasama kepada penggemarnya, di samping itu mengamalkan gaya hidup yang sihat dalam diri penggemar sukan ini.

Semasa mengendali *rollerblade* ini, penggemarnya mestilah berjaya menguasai keseimbangan diri dengan meluncur ke depan dengan gerak laju mahupun gerak perlahan dan menonjolkan pelbagai aksi dan gaya kemahiran semasa berada di platform khas yang disediakan bagi pemain *rollerblade*. Justeru itu, perkara paling utama yang perlu diambil perhatian bagi mereka yang baru berjinak-jinak bermain *rollerblade* ialah mempelajari asas bermain *rollerblade*, bijak memilih *rollerblade* yang bersesuaian dan sentiasa mengenakan peralatan keselamatan semasa beraksi bermain *rollerblade*. Menyentuh mengenai keselamatan pula, para pemain *rollerblade* disaran agar mengenakan peralatan keselamatan sebelum beraksi. Ini adalah perlu bagi menghindari daripada sebarang kecederaan semasa beraksi di platform *rollerblade* yang telah disediakan. Antara peralatan



Oleh : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Jabatan Penerangan

keselamatan itu seperti helmet, sarung tangan, elbow pad dan knee pad.

Rollerblade juga terdapat dalam pelbagai jenis tergantung kepada jenis intensiti dan kesesuaian pemainnya. Pemainnya mestilah mengetahui dan memahami teknik-teknik mengendalikan *rollerblade* dengan betul, terutamanya semasa mengimbangi badan ketika laluan memblok ke kiri atau ke kanan atau laluan lurus, kerana ia amat penting demi keselamatan diri dan orang di sekeliling.

Dalam pada itu, platform terbaik bagi penggemar sukan *rollerblade* di negara ini ialah di Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah, Kompleks Sukan Daerah Tutong dan sebagainya. Antara matlamat menyediakan platform sebegini adalah bagi keselamatan kepada para penggemarnya untuk bermain di tempat yang dikhaskan.

Selain itu, bermain *rollerblade* ini juga memberikan beberapa manfaat kepada

kesihatan tubuh badan kepada penggemarnya. Menurut sumber daripada www.rollerblade.com antara manfaat yang terdapat semasa bermain dengan *rollerblade* ialah ia memberikan manfaat kepada anaerobic seperti penguatan otot dan pengencangan; meningkatkan keseimbangan dinamik, koordinasi dan kecerdasan semasa bermain dengan *rollerblade*; dan juga, semakin pantas pemain *rollerblade* meluncur, semakin banyak kalori yang dibakar setiap minit.

Walaupun *rollerblade* ini merupakan aktiviti sukan popular yang dianggap sukan yang ekstrem dan dipertandingkan pada kejohanan di luar negara, tetapi di negara kita aktiviti sukan ini masih baru hendak berkembang, akan tetapi ia sudah mendapat tempat dalam kalangan penggemarnya kerana sukan ini mempunyai komuniti penggemarnya tersendiri.



Naik taraf kelab bola sepak negara



Berita dan Foto : Ak. Syiaruddin Pg. Dauddin

GADONG, Jumaat, 11 Disember. - Persatuan Bola Sepak Kebangsaan Brunei Darussalam (NFABD) mengadakan Majlis Penutup bagi Seminar Pertandingan, berlangsung di Aras 3, Pisuk Bapa, Wafa Hotel & Apartments, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis berkenaan, Presiden NFABD, Pengiran Haji Matusin bin Pengiran Haji

Matusin.

Atur cara dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatiyah, diikuti dengan Penyampaian Sijil, disempurnakan oleh Jessie Lease wakil daripada Delloitte & Touche.

Presiden NFABD, seterusnya dijemput untuk menyempurnakan sijil-sijil bagi kelab-kelab yang lulus dalam Perlesenan Kelab bagi Musim 2020, iaitu Perlesenan

PRESIDEN Persatuan Bola Sepak Kebangsaan Brunei Darussalam (NFABD), Pengiran Haji Matusin bin Pengiran Haji Matasan (kiri) menyempurnakan penyampaian sijil bagi kelab yang lulus dalam Perlesenan Kelab bagi Musim 2020, iaitu Perlesenan Kelab AFC (AFC Club Licensing) kepada Pasukan DPMM FC.

Kelab AFC (AFC Club Licensing) kepada Pasukan DPMM FC, Pasukan Indera SC, Pasukan Kasuka FC dan Pasukan Kota Ranger FC.

Perlesenan Kelab Negara (National Club Licensing) pula diterima oleh Pasukan IKLS-MB5 FC, Pasukan Panchor Murai FC, Pasukan Setia Perdana FC dan Pasukan Wijaya FC.

Sementara itu, dalam ucapan Presiden NFABD, Pengiran Haji Matusin, menjelaskan, seminar tersebut antara lain diadakan bagi menaiktarafkan kelab bola sepak di Negara Brunei Darussalam ke peringkat seterusnya, yang diharap akan dapat meningkatkan struktur pengurusan kelab.

Seminar berkenaan, antara lain diisikan dengan tatacara pengurusan kewangan, pentadbiran dan perubatan bagi kelab-kelab yang terlibat.

Ekspedisi berbasikal kelilingi Pekan Tutong



AHLI-AHLI Kumpulan Berbasikal Santai-Santai Riders (SSR), Amatur Cycling Team (ACT), Sembatang Team dan Layan Cycling Team (LCT) pada sesi bergambar ramai semasa menyertai Ekspedisi Berbasikal mengelilingi Pekan Tutong, baru-baru ini.

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman
Foto : Ihsan Mohammad Husaini Ali Hassan

TUTONG, Jumaat, 11 Disember. - Bagi memupuk budaya bersukan secara sihat, Ahli Kumpulan Berbasikal Santai-Santai Riders (SSR), Amatur Cycling Team (ACT), Sembatang Team dan Layan Cycling Team (LCT) menyertai Ekspedisi Berbasikal mengelilingi Pekan Tutong pada Ahad, 6 Disember lalu.

Kayuhan berbasikal yang bermula dan berakhir di Dataran Wawasan Pesaka Kampung Keriam Tutong itu berjaya menarik lebih 100 peserta.

Pelepasan bagi acara Kategori Kayuhan Sejauh 26 Kilometer itu disempurnakan oleh Setiausaha Tetap (Pengurusan, Strategi dan Dasar), Kementerian Kebudayaan,

Belia dan Sukan (KKBS), Pengiran Haji Mohd. Hasnan bin Pengiran Haji Ali Hassan.

Menurut salah seorang peserta kayuhan berbasikal, Awang Ismail bin Mohammad selaku pengurus Ahli Kumpulan SSR berharap aktiviti seumpama itu akan dapat dilanjutkan lagi di masa akan datang.

Menurutnya, ia bukan sahaja mengerakkan lagi hubungan silaturahim antara para pengemar aktiviti berbasikal malah ia juga adalah salah satu acara sihat bagi semua lapisan masyarakat.

Bantu perkembangan bola sepak dari peringkat akar umbi



PRESIDEN NFABD, Pengiran Haji Matusin bin Pengiran Haji Matasan beramah mesra bersama barisan pemain akademi dan projek akar umbi pada perjumpaan Grassroots Community Get-Together (Komuniti Akar Umbi) tersebut.

Berita dan Foto : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 11 Disember. - Persatuan Bola Sepak Kebangsaan Brunei Darussalam (NFABD) mengadakan perjumpaan Grassroots Community Get-Together (Komuniti Akar Umbi) untuk mendapatkan maklumat terkini daripada mereka dan untuk melihat bagaimana persatuan ini dapat membantu perkembangan mereka.

Perjumpaan tersebut berlangsung di NFABD Artificial Turf, di sini, yang dihadiri oleh Presiden NFABD, Pengiran Haji Matusin bin Pengiran Haji Matasan.

Pada majlis itu, Presiden NFABD berkesempatan beramah mesra bersama barisan pemain akademi dan projek akar umbi berkenaan.

Majlis julung kalinya diadakan bertujuan bagi mengerakkan hubungan silaturahim sesama pemain akademi dan ahli projek akar umbi di negara ini dalam sama-sama membantu perkembangan bola sepak di peringkat akar umbi dan belia-belia serta kelab-kelab dan akademi-akademi.

Komuniti Akar Umbi adalah sangat penting untuk pembangunan sukan di negara ini kerana mereka adalah barisan hadapan untuk memastikan sukan ini masih mempunyai masa depan bersama dengan potensi pembangunan yang kuat dalam negara.

NFABD memegang visi untuk menjadikan bola sepak menjadi industri yang dapat dimanfaatkan oleh negara ini dan rakyatnya. Ke arah merealisasikannya, persatuan perlu mengasah bakat kanak-kanak, yang merupakan bahagian utama masyarakat akar umbi dan mengekalkan bola sepak pada masa hadapan.

Selain membimbang akademi dan projek akar umbi yang ada, NFABD dengan sokongan baik FIFA dan AFC juga bersedia membantu dalam menyediakan logistik yang diperlukan dan bantuan lain yang dianggap perlu melalui persatuan bola sepak daerah masing-masing.

Pada ketika ini, akademi dan projek akar umbi yang ada yang secara rasmi berdaftar dengan NFABD adalah Program Pembangunan Bola Sepak Projek Ikan Pusu, Akademi Bola Sepak Dash, Akademi Bola Sepak Sekolah Sukan, Parma FC, Akademi ISC, MS Tawakkal, BSRC FC dan Hawa FT.



ANTARA barisan pemain akademi dan projek akar umbi yang menghadiri perjumpaan Komuniti Akar Umbi berkenaan.

Sukan

INFO SUKAN

BURPEE merupakan salah satu cara olahraga tanpa peralatan untuk melatih seluruh tubuh dan menjaga kesihatan kardiovaskular. Bagi para pemula, pelajari dahulu gerakan dasar Burpee kerana gerakan ini agak mencabar jika seseorang belum pernah melakukannya. Jika sudah terbiasa, tingkatkan intensiti latihan dengan melakukan variasi. Gerakan ini bermanfaat meningkatkan kekuatan otot.



Pasangan adik-beradik juara badminton

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 11 Disember. - Minat yang dipupuk sejak April tahun lalu mendorong pasangan adik-beradik untuk menyertai Kejohanan Badminton Remaja dan seterusnya menyandang johan dalam peringkat akhir.

Juara Beregu Perempuan bagi Daerah Brunei dan Muara (DBM), Rasyiqah Syazana berumur 10 tahun, bersama adiknya Sofiya Syazana, 9 tahun semasa ditemu bual menyatakan rasa seronok bermain badminton dan menyertai pertandingan tersebut serta berharap untuk menyertai lagi di masa akan datang.

Menurutnya, walaupun sekolah beliau iaitu Tinkerbell Learning School tidak mempunyai aktiviti badminton, dengan sokongan ibu bapa mereka menjalankan latihan persendirian bersama seorang jurulatih untuk mempersiapkan diri.

Kejohanan Badminton Shuttle Time Remaja Brunei Di Bawah 13 Tahun bagi DBM menerima sebanyak 18 penyertaan Beregu Lelaki dan tiga Beregu Perempuan, dengan format *knock out system* bagi lelaki dan *round robin* bagi perempuan.

Hadir selaku tetamu kehormat untuk menyampaikan hadiah kepada para pemenang ialah Pemangku Pengarah Belia dan Sukan, Pengiran Haji Mohd Azlan bin Pengiran Haji Tengah Omar.



PEMANGKU Pengarah Belia dan Sukan, Pengiran Haji Mohd. Azlan bin Pengiran Haji Tengah Omar (depan, empat dari kanan) semasa bergambar ramai bersama para pemenang yang menyertai kejohanan badminton tersebut.

Kejohanan yang bermula sejak 9 Disember lalu menyaksikan Beregu Lelaki, Dessen Chung Min Tin dan Mohd Haziq bin Roze mengalahkan Muhammad Mirza Afif Syahmi bin Sofian dan Muhammad Talipuddin bin Ermadena dalam perlawanan akhir, sekali gus menjadikan mereka juara dan naib juara.

Manakala pasangan Amsyar Azwan Hazlizan dan Muhammad Syarifuddin bin Ermadena meraih tempat ketiga.

Manakala bagi Beregu Perempuan, Rasyiqah Syazana binti Mohammad dan Sofiya Syazana binti Mohammad mengalahkan pasangan Nurul Fathiah Batrisya dan Gayatri Suresh Shinde dalam perlawanan akhir untuk meraih johan dan naib johan dan beregu Hazirah Amadah dan Khairana Harizah Nazihah pula berada tempat ketiga.

Berita dan Foto : Hernie Suliana Haji Othman

Kejohanan yang sama telah berlangsung dan berakhir pada 4 Disember di Daerah Temburong dan 5 Disember di Daerah Tutong sebelumnya, di mana bagi Daerah Belait pula akan berakhir pada 13 Disember nanti.

Penganjuran kejohanan oleh Persatuan Badminton

Kebangsaan Brunei Darussalam (PBKBD) tersebut diharap untuk dapat mencungkil bakat-bakat pemain muda untuk diserapkan ke latihan dan peringkat seterusnya, iaitu untuk mewakili negara dalam arena badminton di dalam dan luar negeri.



ROLLERBLADE semakin digemari

Muka 30



BANTU perkembangan bola sepak dari peringkat akar umbi

Muka 31

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIIKUTI DI LAMAN SESAWANG : www.pelitabrunei.gov.bn

HINDARKAN DIRI, BANGSA, NEGARA KITA DARI GEJALA RASUAH

دتربيتكن اوله جابتن فراغن، جابتن ڤردان منtri دان چيقيق اوله ڤرينت ڤلس سنديرين بحد، نگارا بروني دارالسلام

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Print Plus Sdn. Bhd., Negara Brunei Darussalam